# MULA

0 MM 10 20 30 40 50 60 70 80 90 100 110 120 130 140 150

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

AA2-7B19



# SATU KAJIAN MENGENAI RIWAYAT HIDUP ABŪ AYYŪB AL-ANṢĀRI

## ( TUMPUAN UTAMA KEPADA ḤADĪTH-ḤADĪTH RIWAYATNYA )

## DI DALAM SUNAN SITTAH DAN MUWAṬṬA' IMAM MALIK

OLEH

MURINA BINTI MUSTAFA

[redacted]

FAKULTI USULUDDIN AKADEMI ISLAM .

UNIVERSITI MALAYA

1990

UNIVERSITI MALAYA

AKADEMI ISLAM

FAKULTI USULUDDIN

# SATU KAJIAN MENGENAI RIWAYAT HIDUP ABŪ AYYŪB AL-ANṢĀRI

## ( TUMPUAN UTAMA KEPADA ḤADĪTH-ḤADĪTH RIWAYATNYA )

## DI DALAM SUNAN SITTAH DAN MUWAṬṬA' IMAM MALIK

OLEH:

NURIHA BINTI MUSTAFA

Latihan ilmiah ini diterima oleh Fakulti Usuluddin bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin sesi 1989/ 1990.

| | |
|---|---|
| PENYELIA | 5. 2. 1990 TARIKH |
| DEKAN | 9. 2. 1990 TARIKH |

# SINOPSIS

Sahabat Rasūlullāh(s.a.w) merupakan mutiara yang sangat berharga bagi umat Islam selepas kewafatan Rasūlullāh(s.a.w.). Mereka telah menyumbangkan usaha yang besar dalam menyebarkan ilmu pengetahuan khususnya dalam ilmu ḥadīth. Tidak hairanlah bila kita mengkaji sejarah kehidupan yang dilalui oleh mereka, kita akan dapati kehidupan mereka dipenuhi dengan jihad dan pengorbanan demi menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini.

Di dalam menganalisa tajuk ini, penulis telah mengkaji riwayat hidup Abū Ayyūb al-Anṣāri, yang merupakan seorang sahabat Rasūlullāh (s.a.w) yang telah banyak meriwayatkan hadith-hadith menerusi Rasūlullāh (s.a.w) . Hadīth-hadīth yang diriwayatkan ini telah terkumpul di dalam kitab yang enam iaitu di dalam Sahih Bukhāri, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawūd, Sunan Tirmidhi, Sunan Nasaī, Sunan Ibn Majāh dan Muwaṭṭa' Imam Mālik.

Dalam mengkaji tajuk ini, penulis telah membahagikan kepada empat bab dan diiringi dengan ceraian-ceraian tajuk kecil.

Dalam bab satu, penulis membincangkan tentang kepentingan ḥadīth dan sunnah di dalam perundangan Islam. Untuk menghuraikan tajuk ini, penulis telah membahagikan kepada pengertian ḥadīth dan sunnah serta pembahagiannya, pendapat-pendapat ulama mengenai

ḥadīth dan sunnah, kedudukan ḥadith dan sunnah dalam perundangan Islam dan hubungannya dengan al-Qur'an al-Karim.

Dalam bab yang kedua pula penulis memaparkan riwayat hidup Abū Ayyūb al-Anṣāri dari mula beliau memeluk Islam hingga lah di saat-saat akhir penglibatan beliau di dalam peperangan.

Bab ketiga pula, penulis menyentuh cara-cara mentakhrij kan ḥadīth-ḥadīth melalui panduan kitab ذخائر المواريث .
Ḥadīth-ḥadīth ini dicari di dalam kitab Sunan Sittah dan Muwaṭṭa' Imam Mālik, mengikut bab-bab yang tertentu , kitab berserta bilangan ḥadīth.

Dalam bab yang keempat, merupakan bab yang terakhir dimuatkan dengan intisari yang dapat diambil dari ḥadīth-ḥadīth tersebut. Penulis juga membahagikan ḥadīth-ḥadīth ini mengikut bahagian-bahagian yang tertentu iaitu bahagian akidah, ibadah, mu amalat dan sirah Nabawiah. Akhirnya penulis telah menutup perbincangan ini dengan saranan-saranan dan kesimpulan.

Penulis merasakan inilah saja kemampuan yang ada pada penulis dalam menganalisa tajuk ini. Segala usaha yang tidak seberapa ini, mudah-mudahan dapat dimanafaatkan untuk pengkaji-pengkaji seterusnya.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penulis mengucapkan kesyukuran kepada Allah (s.w.t ) yang memberi ilmu dan petunjuknya, sehingga latihan ilmiah ini dapat disiapkan.

Penghargaan yang tidak terhingga penulis ucapkan kepada Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor yang menjadi penyelia kepada penulis yang telah memberi bimbingan dan teguran, melapangkan masa bila-bila sahaja untuk meneliti kajian ini, semoga Allah memberi ganjaran di atas pengorbanan beliau.

Tidak dilupakan juga kepada ayah dan ibu yang telah banyak memberi didikan dan dorongan yang kuat dalam meneruskan pembelajaran ini. Begitu juga tanda penghargaan kepada suami penulis yang turut sama mengorbankan tenaga dan usaha untuk menemani penulis mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk penulisan ini. Semoga hidup kita sentiasa dirahmati oleh Allah. Tidak ketinggalan juga kepada kedua orang anak penulis, Naim dan Saadah, semoga kajian ini menjadi tatapan kalian dalam meneruskan perjuangan Islam.

Akhirnya, penulis berdoa dan berharap agar kajian ini akan dapat dimanafaatkan kepada pengkaji yang seterusnya. Sekian. Wassalam.

# JADUAL TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru bahasa Malaysia.* Dalam mengeja perkataan perkataan Arab, nama dan gelaran digunakan sistem transliterasi seperti berikut:**

| Nama | Huruf Arab | Transliterasi |
|---|---|---|
| hamzah | ء | a/ a |
| ba' | ب | b |
| ta' | ت | t |
| tha' | ث | th |
| jim | ج | j |
| ha' | ح | ḥ |
| kha' | خ | kh |
| dal | د | d |
| dhal | ظ | dh |
| ra' | ر | r |
| zai | ز | z |

---

* Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka; Kamus Dewi Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984; Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

** Dengan penyesuaian tertentu. Ejaan adalah dibuat mengikut J.H. Kramers & H. A. R. Gibb, Encyclopaedia of Islam, jil 1, London, 1960; Wilson B. Bishai, Concise Grammer of Literary Havard University, 1971, h. 7-8.

| Nama | Huruf Arab | Transliterasi |
|---|---|---|
| sīn | س | s |
| <u>sh</u>īn | ش | <u>sh</u> |
| sād | ص | ṣ |
| dād | ض | ḍ |
| tā' | ط | ṭ |
| zā | ط | ẓ |
| 'ayn | ع | 'a |
| <u>gh</u>ayn | غ | <u>gh</u> |
| fa' | ف | f |
| qāf | ق | q |
| kāf | ك | k |
| lām | ل | l |
| mīm | م | m |
| nūn | ن | n |
| wāw | و | w/u |
| ha' | ه | h |
| ya' | ى | i/y |

Vokal Panjang:

| | | |
|---|---|---|
| / ______ | ■ | ā |
| ______ | ■ | ī |
| / , ______ | ■ | ū |

**Vokal Pendek:**

| | | |
|---|---|---|
| ـَ | = | a |
| ـِ | = | i |
| ـُ | = | u |

**Diftong:**

| | | |
|---|---|---|
| ـَوْ | = | aw |
| ـَيْ | = | ay |
| ـِيّ | = | iyy/ i |
| ـُوّ | = | aww |

**Tanwin:**

| | | |
|---|---|---|
| ـً | = | an |
| ـٍ | = | in |
| ـٌ | = | un |

Lain-lain ejaan:

Ta' Marbutah ( ة ) = h tetapi kadang-kadang t Alif Lam ( ال ) = al- tetapi kadang-kadang l .

# KEPENDEKAN

| | |
|---|---|
| a. | ayat |
| Bil. | Bilangan |
| Dr. | Doktor |
| H./ h | Hijrah/ halaman |
| *Ibid* | pada tempat yang sama |
| J. | Jilid/ Juzuk |
| M. | Masehi |
| *op. cit* | in the work cited |
| Prof | Profesor |
| s.a.w. | Salla Allahu wa fa ala |
| S. | Surah |
| s.w.t | Subhanahu wa fa ala |
| t.t. | tanpa tarikh. |

# PENDAHULUAN

Sebagaimana yang diketahui, bahawa kajian ilmiah ini adalah sebagai memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti kepada para mahasiswa tahun akhir Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM).

Latihan ilmiah ini dibuat adalah berdasarkan minat penulis sendiri untuk mengkaji sejarah hidup sahabat-sahabat Rasulullah (s.a.w) yang telah mengorbankan tenaga mereka untuk meriwayatkan hadith-hadith menerusi Rasulullah (s.a.w). Penulis juga berpendapat, bahawa bidang kajian ini amat penting diketahui dan difahami dengan betul agar segala warisan peninggalan Rasulullah (s.a.w) dapat dipraktikkan dalam kehidupan kita seharian. Menyedari hakikat inilah, penulis telah memilih tajuk ini sebagai bahan kajian agar segala mutiara yang bernilai ini dapat dibongkar menerusi kitab Sunan Sittah dan Muwatta Imam Malik.

Dalam rangka menyiapkan penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah yang penting. Dalam bab satu iaitu Kepentingan Hadith dan Sunnah dalam perundangan Islam, penulis merasakan tajuk ini amat penting diperkatakan memandangkan Hadith dan Sunnah merupakan sumber rujukan yang kedua dalam Islam selepas al-Qur'an. Dalam mengulas tajuk ini penulis

menggunakan al-Qur'an dan hadith-hadith sebagai sumber rujukan yang utama. Tidak ketinggalan juga, penulis menggunakan kitab-kitab dalam bahasa Arab sebagai bahan-bahan rujukan iaitu kitab Ulum al-Hadith wa Mustalah, Al-Sunnah qabl al-Tadwin , Mu jam al-Wasit dan sebagainya. Dalam mengulas tajuk ini penulis telah mengemukakan beberapa contoh hadith-hadith dan pendapat para alim ulama . Bagi memperkuatkan lagi alasan ini penulis telah menggunakan buku-buku rujukan dalam bahasa Malaysia dan Indonesia sebagai rujukan sandaran.

Dalam bab yang kedua pula iaitu mengenai Riwayat hidup Abu Ayyub al-Ansari, penulis merasakan tajuk ini amat penting kerana ianya merupakan seorang tokoh sahabat yang banyak meriwayatkan hadith-hadith Rasulullah (s.a.w). Riwayat hidupnya meliputi pengislamannya, perjuangannya dan penglibatan dalam halaqah ilmiah . Dengan ini ternyatalah bahawa sahabat ini memperolehi kedudukan yang amat tinggi dalam majlis Rasulullah (s.a.w). Bagi melengkapkannya lagi penulis telah kitab-kitab dalam bahasa Arab seperti Usd al-Ghabah , Ansar Rasulullah dan sebagainya lagi.

Dalam bab yang ketiga iaitu Takhrij hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub yang mana ia merupakan kemuncak dalam penulisan ini . Penulis menggunakan kitab Dhakhair al-Mawarith bagi mentakhrijkan hadith-hadith Rasulullah (s.a.w) sebagai

sandaran yang utama memandangkan bidang takhrij ini amat luas dan pembatasan kitab Dhakhair al-Mawarith amat-amat diperlukan. Untuk seterusnya penulis telah menggunakan kitab Sunan Sittah dan Muwatta Imam Malik sebagai kitab-kitab sandaran. Penulis juga mempunyai beberapa kesulitan memandangkan kitab hadith dalam bentuk yang asal sukar didapati. Hadith-hadith yang dirujuk ada yang berlainan lafaz dan susunan katanya berbeza dengan susunan kata yang asal. Hal ini menjadikan bidang takhrij memerlukan masa yang cukup. Di samping itu juga, kitab tambahan yang membantu penulis dalam mendapatkan hadith-hadith ini ialah Mu jam al-Fihris.

Dalam bab yang keempat iaitu Intisari hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub, penulis telah menterjemahkan dan mengeluarkan intisari-intisari yang meliputi segala permasalahan dalam perundangan Islam. Dalam mendapatkan terjemahan hadith-hadith ini penulis menggunakan buku-buku Terjemahan hadith Sahih Bukhari dan Muslim.

Akhirnya kajian ilmiah ini diikuti dengan beberapa kesimpulan di mana penulis memperolehi beberapa pengalaman yang penting seperti mengetahui kaedah terансliterasi dan kependekkan. Beberapa saranan juga dikemukakan agar bidang kajian ini akan lebih dititikberatkan lagi di masa-masa akan datang.

KANDUNGAN

| Perkara | Halaman |
|---|---|
| Halaman Tajuk (Dalam ) | ii |
| Halaman Pengesahan | iii |
| Sinopsis | iv |
| Penghargaan | vi |
| Transliterasi | vii |
| Kependekan | xi |
| Pendahuluan | xii |
| Kandungan | xv |

BAB SATU

KEPENTINGAN HADITH DAN SUNNAH MENGIKUT PERUNDANGAN ISLAM

1.1. Pengertian Hadith ... ... ... 1

1.2. Pengertian Sunnah ... ... ... 3

1.3. Pembahagian Hadith ... ... ... 7

1.4. Kedudukan Hadith dan Sunnah Dalam Perundangan Islam ... ... ... 15

1.5. Hubungan Hadith dan Sunnah Dengan al-Qur'an ... ... ... 23

BAB DUA

RIWAYAT HIDUP ABU AYYUB AL-ANSARI

2.1. Latarbelakang Keturunannya ... ... 29

2.2. Memeluk Islam ... ... ... 30

2.3. Peristiwa Di Rumahnya ... ... ... 33

2.4. Sifat-Sifat Terpuji ... ... ... 39

2.5. Pengembaraan Dalam Mencari Hadith ... ... 40

2.6. Penglibatannya Dalam Jihad ... ... 41

2.7. Peristiwa Di Nahrawan ... ... ... 44

2.8. Syahid Di Konstantinople ... ... ... 46

2.9. Penghargaan Terhadap Kebaikannya ... ... 49


## BAB TIGA

## TAKHRIJ HADITH-HADITH RIWAYAT ABU AYYUB


3.1. Pengertian Dan Tujuan Takhrij ... ... 51

3.2. Faedah Takhrij ... ... ... ... 52

3.3. Kaedah Mentakhrij ... ... ... 54

3.4. Takhrij Hadith ... ... ... ... 56


## BAB EMPAT

## INTISARI HADITH-HADITH RIWAYAT ABU AYYUB


4.1. Pengertian Akidah ... ... ... 74

4.2. Ciri-Ciri Akidah ... ... ... ... 75

4.3. Pengertian Ibadah ... ... ... ... 77

4.4. Ciri-Ciri Ibadah ... ... ... ... 78

4.5. Pengertian Mu amalat ... ... ... 86

4.6. Ciri-Ciri Mu amalat ... ... ... 86

4.7. Pengertian Sirah ... ... ... ... 91

4.8. Ciri-Ciri Sirah ... ... ... ... 91

4.9. Penutup ... ... ... ... 97

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

# BAB SATU

# KEPENTINGAN ḤADĪTH DAN SUNNAH

# BAB SATU

## KEPENTINGAN HADITH DAN SUNNAH MENGIKUT PERUNDANGAN ISLAM

Al-Qur'ān diturunkan sebagai kitab petunjuk untuk membawa manusia ke jalan yang lurus agar beroleh kebahagian di dunia dan di akhirat. Tetapi, oleh kerana sebahagian ayat-ayat al-Qur'ān itu diturunkan dengan uslub yang ringkas dan maksudnya tidak boleh diketahui dengan jelas melainkan dengan keterangan dan penjelasan Rasūlullāh (s.a.w.)melalui sunnahnya. Oleh itu sunnah memainkan peranan penting di dalam menjelaskan maksud ayat-ayat al-Qur'ān.

### 1.1. Pengertian Hadith.

Dari segi bahasa perkataan hadith ( حديث ) adalah kata asal dari perkataan hadatha ( حدث ) yang bererti baharu, yang tidak lama, cakap, bual, omong, cerita dan berita.[1] Al-Qur'ān ada menggunakan perkataan hadith dan segala pecahannya yang memberi erti perkhabaran.[2]

---

[1] Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, Kamus Idris al-Marbawi , (Singapura: Pustaka Nasional, t.t. ), h. 123.

[2] Subhi al-Salih, 'Ulum al-Hadith wa Mustalah, (Beirut: 1971),h. 3.

Dari segi istilah pula, perkataan ḥadīth bererti ucapan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat-sifat kejadian Rasūlullāh (s.a.w) sama sebelum diutuskan menjadi Rasūl termasuk ibadah-ibadahnya di Gua Hira' atau selepasnya.[3]

Oleh itu secara etimologi, perkataan ḥadīth boleh membawa erti yang berbagai-bagai seperti:

i. Perbuatan, seperti firman Allah:

يومئذ يود الذين كفروا عصوا الرسول لو تسوى بهم الأرض ولا يكتمون الله حديثا [4]

> Di hari itu orang-orang kafir dan orang-orang yang mendurhakai Rasul, ingin supaya mereka disamaratakan dengan tanah dan mereka tidak dapat menyembunyikan (dari Allah) sesuatu kejadian pun.

ii. Khabar seperti firman Allāh:

رب قد آتيتني من الملك وعلمتني من تأويل الأحاديث فاطر السموات والأرض أنت ولي في الدنيا والآخرة توفني مسلما وألحقني بالصالحين [5]

> Ya tuhanku, sesungguhnya Engkau telah memberi kepadaku sebahagian kerajaan dan telah mengajarkan kepadaku sebahagian takbir mimpi. (Ya Tuhan) pencipta langit dan bumi, Engkaulah pelindungku di dunia dan di akhirat, wafatkanlah aku dalam keadaan Islam dan gabungkanlah aku dalam orang-orang salih.

---

[3] Muhammad ʿAjaj al-Khaṭib, Al-Sunnah Qabl al-Tadwin, (Beirut: Dar al-Fikri, 1971 )h. 16.

[4] S. Al-Nisa': a. 42.

[5] S. Yusuf: a. 101.

iii. Perkataan, perbicaraan, seperti firmanNya:

الله لا اله الا هو ليجمعنكم الى يوم القيامة
6 لا ريب فيه ومن اصدق من الله حديثا

Allāh, tidak ada tuhan selain Dia, sesungguh nya Dia akan mengumpulkan kamu di hari kiamat yang tidak ada keraguan padanya dan siapakah orang yang paling lebih benar perkataannya daripada Allāh.

Maka jelaslah di sini bahawa, perkataan ḥadīth juga membawa maksud perkhabaran, cerita dan perbualan samada berkaitan dengan agama atau keduniaan, perkara yang telah berlaku atau perkara semasa, perkara itu sedikit atau pun banyak.[7]

1.2. <u>Pengertian Sunnah</u>.

Dari segi bahasa perkataan sunnah membawa erti jalan atau bawaan hidup samada terpuji atau tercela.[8] Rasūlullāh (<u>ṣ.a.w</u>) pernah menggunakan perkataan sunnah yang memberi erti menurut bahasa dalam beberapa ḥadīth, antaranya di dalam ḥadīth yang membawa maksud:

---

[6] S. Al-Nisa': a. 87.

[7] Mohd. Napiah bin Abdullah, Peranan Dan Metodologi Hadith, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1986), h. 2.

[8] Ibrahim Mustafa dkk, Mu'jam al-Wasit, (Keherah: Matba'ah Misr 1962, ), h. 2.

> Sesungguhnya kamu akan mengikuti sunnah (jalan) orang-orang yang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga sekiranya mereka memasuki lubang biawak nescaya kamu akan mengikutinya.[9]

Rasulullah (s.a.w) juga telah bersabda yang bermaksud:

> Sesiapa yang mengada-adakan suatu sunnah (jalan) yang baik untuk Islam, lalu diikuti oleh orang lain, maka untuknya pahala dan pahala yang sama dengan pahala orang yang mengikutinya dengan tidak dikurangkan sedikit pun pahalanya. Dan sesiapa yang mengadakan sunnah yang tidak baik lalu diikuti oleh orang lain maka dicatat untuknya dosa dan juga orang yang mengikutinya dengan tidak dikurangkan sedikit pun dosanya.[10]

Dari kedua-dua hadith di atas jelaslah menunjukkan bahawa pengertian sunnah menurut bahasa ialah jalan atau bawaan hidup samada terpuji atau tercela dan kata jama'nya ialah sunan.[11]

Menurut istilah pula, sunnah bererti sabda, perbuatan dan taqrir (persetujuan) yang berasal dari Rasulullah (s.a.w.)[12]

---

9 Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, Sahih Bukhari, J. ix, (Kaherah: Matba'ah al-Nabi al-Halabi, 1377H ), lihat dalam kitab [illegible] bab [illegible] , h. 129.

10 Abu Hussin Muslim al-Hajjaj, Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi , J. (Mesir: Matba'ah al-Misriyyah, 1349H ), lihat dalam kitab [illegible] , bab [illegible] , h. 226.

11 Muhammad Bin Ismail, Metode Penyampaian Dan Penerimaan Hadith Di Zaman Rasulullah Dan Sahabat, (Kuala Lumpur: ABIM, 1987 )h.2.

12 Prof. Dr. Mukhtar Yahya, Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami ( Bandung: Pt. Al-Ma'arif, 1983 )h. 38.

Para ulama berselisih pendapat dalam memberi pengertian sunnah dari segi istilah. Ulama Usul Fiqh, ulama Fiqh dan ulama Hadīth tidak sepakat dalam memberi pengertian sunnah kerana skop dan tujuan kajian mereka adalah berlainan antara satu sama lain.

Ulama Usul Fiqh melihat Rasūlullāh(s.'a.w)sebagai seorang yang mengasaskan hukum-hukum shar' dan meletakkan dasar-dasar bagi mujtahid sesudahnya dan juga menerangkan kepada manusia undang-undang hidup. Oleh itu mereka mengumpul ucapan-ucapan, perbuatan dan persetujuan Rasūlullāh(s.'a.w) untuk menetapkan hukum-hukum shar'. Oleh itu mereka mentakrifkan sunnah ialah perkataan, perbuatan dan persetujuan Rasūlullāh (s.'a.w.).[13]

Ulama Fiqh pula berusaha sedaya upaya mereka untuk membimbing manusia agar jangan terkeluar dari perbuatan Rasūlullāh (s.'a.w. dengan berpedomankan hukum-hukum shar'. Mereka membahaskan hukum-hukum shar' itu dengan melihat kepada perbuatan manusia dari segi wajib, haram, harus dan sebagainya. Oleh itu mereka mentakrifkan sunnah ialah sesuatu perbuatan yang dilakukan mendapa pahala dan meninggalkannya mendapat cela tidak mendapat siksa.[14]

---

[13]Al-Shawkani, Muhammad Ibn Ali, Irshad al-Fuhul 'ila Tahqiq al-Haq 'Ilm al-Usul, (Mesir: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1937), h. 33.

[14]Al-Laknawi, Tuhfat al-Akhyar fi Ihya' al-Sunnah al-Abrar, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadithah, t.t.), h. 120.

Sementara ulama hadith pula di dalam kajian menganggap Rasulullāh(s.ʿa.w.) sebagai contoh tauladan yang baik. Oleh itu mereka mencatatkan apa-apa yang berhubung dengan perjalanan, sifat-sifat, berita, perbuatan, perkataan dan persetujuan samada perkara itu berhubung dengan shar atau tidak. Bertolak dari sinilah mereka mentakrifkan sunnah ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasūlullāh(s.ʿa.w ) daripada perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat samada sifat kejadian atau sifat akhlak, sirah samada sebelum atau sesudah menjadi Rasūl.[15]

Ketidaksepakatan juga timbul dalam masalah apakah hadith dan sunnah itu sama dan boleh dijelmakan dalam satu lafas dan satu pengertian antara satu sama lain. Para ulama Hadith seperti Dr. Subhi Salih mengatakan dua kalimah adalah sama.[16] Manakala ulama Fiqh dan ulama Usul Fiqh memandang dua perkataan tersebut adalah berbeza. Antara mereka ialah:

i. Dr, Yusuf Musa, iaitu seorang gurubesar di Universiti Cairo di mana dalam bukunya yang berjodol حول الكتاب والسنة borkata: Sunnah ialah apa yang keluar dari Rasul, baik berupa perkataan, perbuatan atau persetujuannya. Sedangkan hadith ialah

---

[15] Muhammad ʿAjjaj al-Khatib, op. cit, h. 19.

[16] Mustafa al-Sibaʿi, Al-Sunnah wa Makanatuha fi Tashriʿ al-Islāmi (Kaherah: Maktabah Dar al-Arubah, 1961 ),h. 60.

apa yang terkeluar dari Rasulullah (s.a.w.) berupa perkataan sahaja.[17]

ii. Ibn al-Kamal pula berkata, sunnah ialah suatu yang dinukil dari Nabi Muhammad (s.a.w) baik berupa perbuatan atau sabdanya sedangkan hadith ialah khusus sabdanya sahaja.[18]

iii. Menurut Dr. Tawfiq dalam kitabnya دين الله في كتب أنبيائه menerangkan sebagai berikut:

> "Sunnah ialah suatu jalan yang dilakukan atau dipraktikkan oleh Nabi secara continue dan diikuti oleh para sahabatnya, sedangkan hadith ialah ucapan-ucapan Nabi yang diriwayatkan oleh seseorang, dua atau pun tiga orang perawi dan tidak ada yang mengetahui ucapan-ucapan tersebut selain mereka sendiri.[19]

1.3. Pembahagian Hadith.

Secara keseluruhannya, hadith terbahagi kepada dua jenis iaitu:

a. Hadith yang diriwayatkan oleh Rasulullah(s.a.w.)daripada Allah dinamakan hadith Qudsi. Ada juga para ulama yang menamakan hadith Ilahi atau pun hadith Rabbani.

---

[17] Drs. Masjfuk Zuhdi, Pengantar Ilmu Hadith, (Surabaya: Pustaka Progresif, 1983 ),h. 16.

[18] Ibid.

[19] Ibid.

b. Hadith yang diriwayatkan oleh perawi dari Rasulullāh (s.a.w) Jenis ini dinamakan hadith Nabawi.

Hadith Qudsi ialah percakapan Allāh yang diriwayatkan oleh Rasulullāh (s.a.w) . Periwayat hadith Qudsi, semasa meriwayatkan hadith ini, meriwayatkan dari Rasulullāh (s.a.w) dengan bersandarkan kepada Allāh. Ertinya Rasulullāh (s.a.w) memindahkan percakapan Allāh dengan bahasanya sendiri.

Hadith Qudsi berbeza dengan al-Qur'ān kerana al-Qur'ān merupakan wahyu yang mengandungi lafaz dan maknanya sedangkan hadith Qudsi hanya mengandungi maknanya sahaja. Semantara lafaz nya datang dari Rasulullāh (s.a.w).[20]

Al-Qur'ān hanya dinisbahkan kepada Allāh sahaja sedangkan hadith Qudsi dinisbahkan kepada Allāh secara langsung disebut dalam bahasa arab nisbah Insha' dan ada juga dinisbahkan kepada Rasulullāh (s.a.w ) dalam bentuk baginda sendiri sebagai pencerita.[21]

Di samping itu juga al-Qur'an thabit secara pasti dari Allāh kerana ia dipindahkan dengan jalan mutawatir. Al-Qu'ān

---

[20] Al-Shahawi, Ibrahim Dasuki, Mustalah al-Hadith, ( - : Shawkat al-Taba'at al-Faniyyah al-Muttahidah, t.t.) h. 63.

[21] Ibid.

tidak boleh disentuh oleh orang yang berhadath sedangkan hadith Qudsi adalah sebaliknya. Begitu juga ianya diwajibkan membaca dalam sembahyang sedangkan hadith sebaliknya.[22]

Sesiapa yang membaca al-Qur'ān akan dikira sebagai ibadat sebaliknya hadith Qudsi tidak. Al-Qur'ān juga merupakan mu'jizat yang terbesar bagi Rasūlullāh (s.a.w).sedangkan hadith Qudsi ada lah sebaliknya.[23]

Hadith Qudsi juga berbeza dengan hadith Nabawi di mana dari segi sanad hadith Qudsi dinisbahkan kepada Rasūlullāh (s.a.w) sebagai pencerita sedangkan hadith Nabawi dinisbahkan kepada Rasūlullāh (s.a.w) sebagai orang yang bersabda.[24]

Dari segi makna, hadith Qudsi adalah wahyu dari Allāh sedangkan hadith Nabawi sebahagian besarnya merupakan wahyu dan sebahagian besarnya merupakan ijtihad Rasūlullāh (s.a.w) di mana sekiranya ijtihad itu salah ia akan dibetulkan oleh wahyu.[25]

Hadith Nabawi pula , apabila ditinjau dari segi sanadnya ianya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu hadith Mutawatir dan

---

[22] Ibid, h. 64.

[23] Ibid, h. 62.

[24] Ibid, h. 63.

[25] Ibid, h. 62.

hadith Ahad. Terdapat juga Ahli Feqh menambahkannya satu lagi iaitu hadith Mashhur . Walaubagaimana pun hanya hadith Mutawatir dan hadith Ahad sahaja yang baunyak diperbincangkan.

## i. Hadith Mutawatir.

Hadith Mutawatir ditakrifkan sebagai perbuatan atau perkataan atau pengakuan Rasulullah (s.a.w) yang diketahui oleh beberapa orang yang sampai kepada bilangan Mutawatir iaitu bilangan yang tidak mungkin pada fikiran kita bahawa mereka akan bermuafakat berbuat dusta tentang perkhabaran itu.[26] Contohnya sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w) :

[27] من كذب علي متعمدا فليتبوأ مقعده من النار

> Barangsiapa berdusta atasku dengan sengaja
> pastilah bagi tepratnya di dalam neraka.

Menurut Imam Nawawi, hadith ini diriwayatkan oleh 200 orang sahabat.[28] Abu Bakr al-Bazazar pula mengatakan periwayat nya seramai 40 orang.[29]

---

[26] Matan al-Arba'in Nawawiah, terjemahan Mustafa Abdul Rahman, Hadith Empat Puluh , (Pulau Pinang: Maktabah Haji Abdullah bin Mohd Noordin al-Rawi, 1966), h. 21.

[27] Muslim, Sahih Muslim, ( Istambul: Cagri Cagilari, t.t ) lihat dalam kitab العلم , bab [illegible], h. 10

[28] Mustafa al-Siba'i, op. cit. h. 22

[29] Dra. Fatahur Rahman, Ikhtisar Mustalah Hadith, (Bandung: Pt.al-Ma'arif, 1974 )h. 63.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Para Ahli Usul pula membahagikan hadith Mutawatir kepada dua bahagian iaitu:-

a. Mutawatir Lafzi

b. Mutawatir Ma'nawi.

Mutawatir Lafzi ialah hadith yang diriwayatkan oleh orang yang susunan redaksi dan maknanya sesuai benar antara riwayat yang satu dan lainnya.[30] Dengan kata lain, semua periwayat menggunakan ungkapan yang sama. Hadith seperti ini hanya sedikit sahaja yang ditemui.

Mutawatir Ma'nawi pula ditakrifkan sebagai hadith yang tidak disharatkan dalam riwayatnya lafaz yang benar-benar datangnya daripada Nabi (s.a.w), tetapi memadailah dengan persamaan pada maknanya walaupun berlainan riwayatnya yang mana mustahil pada akal dan adat mereka bermuafakat untuk berbuat dusta.[31]

ii. Hadith Ahad.

Hadith Ahad ialah sesuatu yang diriwayatkan daripada Rasul (s.a.w) oleh sebilangan mereka yang tidak sampai jumlah Mutawatir nya dalam ketiga-tiga zaman sahabat, zaman tabi'in dan zaman

---

[30] Ibid, h. 62 .

[31] Dr. Subhi al-Salih , op. cit, h. 149.

pengikut tabi'in.[32] Contohnya seperti hadith yang diriwayetkan oleh Abu Hurayrah:-

من اشترى شاة فوجدها محفلة فهو بخير النظرين الى ثلاثة أيام إن رضيها أمسكها وإن سخطها ردها ورد معها صاعا من تمر [33]

> Sesiapa yang membeli kambing, kemudian didapatinya cacat, maka ia bebas membuat pilihan selama mengambilnya. Sekiranya ia suka, maka bolehlah ia mengambilnya. Tetapi, sekiranya ia tidak puas hati, maka bolehlah ia mengembalikannya kambing tersebut dan dikembalikan bersama segantang tamar.

Ḥadīth Aḥad apabila ditinjau dari segi sanadnya, ia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:-

a. Hadīth Mashhur.

b. Ḥadīth Aziz.

c. Ḥadīth Gharib.

Ḥadīth Mashhur ialah ḥadīth yang terdiri daripada lapisan periwayat-periwayat yang pertama, atau dari lapisan yang kedua, dari orang seorang atau dari beberapa orang sahaja. Sesudah itu barulah tersebar luas, dinukilkan oleh segolongan orang-orang yang tidak dapat disangka bahawa mereka sapakat untuk berdusta.[34]

---

[32] Zakariya al-Barri, Masadir al-Ahkam al-Islamiyyah, ( Dar al-Ittihad al-Arabi, t.t. )h. 50.

[33] Abu Isa, Muhammad Ibn Isa, Sunan Tirmidhi, J.iii (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi,t.t ),lihat kitab البيوع , bab المصراة ,h.553.

[34] Prof. T.H.M. Hasbi Siddiqi, Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith (Jakarta,1965 ),h. 174.

Hadith Aziz pula ialah hadith yang diriwayatkan oleh dua orang, walau pun dua orang rawi tersebut terdapat pada satu tabaqat (lapisan ) saja, kemudian setelah itu. orang-orang pada meriwayatkannya ( selepas meriwayatkan adalah ramai. )[55]

Hadith Gharib ialah hadith yang di dalam sanadnya terdapat seorang yang menyendiri dalam meriwayatkannya, di mana saja penyendirian dalam sanad itu terjadi.[56]

Apabila hadith Ahad dilihat dari sudut nilai dan mertabat rawinya, maka ia terbahagi kepada tiga, iaitu:-

i. Hadith Sahih.

ii. Hadith Hasan.

iii. Hadith Daif.

Hadith Sahih ialah hadith yang sanadnya bersambung dari permulaan sampai akhir, dicerita oleh periwayat-periwayat yang adil, hafaz (dabit ) dengan sempurna, tidak ada keganjilan dan tidak ada kecacatan.[57] Ianya terbahagi kepada dua, iaitu:-

i. Sahih li Dhatihi (yang sahih dengan sendirinya )

ii. Sahih li Ghayrihi (yang sahih dengan sokongan yang lain

---

55 Drs. Fatahur Rahman, op. cit , h. 74.

56 Ibid, h. 77.

57 Abdul Qadir Hasan, Ilmu Hadith, (Al-Muslimun Bangil, 1966),h.23.

Hadith Hasan pula ialah hadith yang sanadnya bersambung, periwayat-periwayat kepercayaan dan sempurna hanya seorang saja yang kurang derjatnya dari yang lain, tetapi tidak lemah.[38] Ia juga terbahagi kepada dua, iaitu:-

i. Hadith Hasan li Dhatihi (yang dipersetujui dengan mendirinya.)

ii. Hadith Hasan li Ghayrihi (yang dipersetujui dengan sokongan yang lain).

Hadith Daif ialah hadith yang kehilangan satu sharat atau lebih dari sharat-sharat hadith Sahih atau hadith Hasan.[39] Hadith ini memerlukan kekuatan daripada hadith-hadith yang lain untuk mempastikan kebenarannya kerana dengan perkara yang sama diperkatakan oleh hadith yang lain itu boleh menyokong atau membantu yang lemah itu. Hadith Daif ini terbahagi kepada dua jenis iaitu:-

i. Hadith Daif yang tidak bersambung sanadnya. Antara jenis-jenisnya ialah seperti Mursal, Munqati', Mu'dal, Mudallas dan juga Mu'allal.[40]

ii. Hadith Daif yang sebab lemahnya adalah selain dari tidak bersambung sanadnya. Antaranya Mud'af, Mudtarab, Maqlub, Sa'aza, Mungkar, Matruk dan Matruh.[41]

---

[38] Ibid, h. 26-27

[39] Dr. Fatahur Rahman, op. cit, h. 139.

[40] Dr. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, op. cit, h. 337.

[41] Ibid, h. 344.

Hadith Sahih dan hadith Hasan adalah pegangan ulama dan hujjah yang dapat diterima menentukan hukum segala sesuatu tentang halal, haram, wajib ,sunat dan makruh. Demikian juga kedua-duanya dapat menjadi hujjah dan pegangan dalam hal-hal yang berkenaan dengan kejadian-kejadian yang telah lalu atau yang akan terjadi dalam alam ghaib dan alam nyata.

## 1.4. Kedudukan Hadith Dan Sunnah Dalam Perundangan Islam.

Al-Qur'ān adalah sumber utama dalam perundangan Islam. Ia adalah wahyu Allāh yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w ) melalui Jibril selama dua puluh tiga tahun untuk menjadi mu'jizat atas keseluruhannya. Al-Qur'ān juga merupakan kitab petunjuk untuk membawa manusia kejalan yang lurus agar beroleh kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Walaubagaimana pun, kandungan dan ajaran-ajaran yang terdapat di dalam al-Qur'ān itu tidak dapat difahami dan diamalkan dengan sempurna melainkan melalui penjelasan dan huraian Nabi Muhammad (s.a.w). Penjelasan Rasulullāh(s.a.w)itu termasuk di-dalam pengertian sunnah. Ulama Islam berpendapat bahawa sunnah menjadi sumber kedua di dalam perundangan Islam selepas al-Qur'ān. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan ayat-ayat al-Qur'ān, al-Sunnah , ijma' dan pendapat para fuqaha.

1. Dari al-Qur'ān.

Dalam al-Qur'ān terdapat ayat-ayat yang menyuruh orang-orang Islam beriman kepada Allāh dan rasul-rasulnya. Firman Allāh:-

فآمنوا بالله ورسله وإن تؤمنوا وتتقوا فلكم أجر عظيم [42]

.........kerana itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasulnya, jika kamu beriman dan bertaqwa, maka bagimu pahala yang besar.

Dalam ayat al-Qur'ān yang lain Allāh memerintahkan setiap orang Islam agar beriman kepada Allāh dan rasulnya serta mematuhi segala tunjuk ajar dan tingkah laku yang didapati dari Rasūlullāh (s.ʿa.w). Firman Allāh:-

فآمنوا بالله ورسوله النبى الامى الذى يؤمن بالله وكلمته واتبعوه لعلكم تهتدون [43]

........hendaklah kamu beriman kepada Allah dan rasulnya yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimat-kalimatnya, hendaklah kamu ikut rasul mudah-mudahan kamu mendapat petunjuk.

Allāh menegaskan lagi supaya orang-orang Islam berpegang teguh dengan sunnah sebagaimana firman Allāh di dalam al-Qur'ān:-

---

[42] S. Al-Imran: a. 179.

[43] S. Al-'Araf: a. 158.

يا ايها الذين آمنوا اطيعوا الله واطيعوا الرسول
واولى الامر منكم فان تنازعتم فى شئ فردوه
الى الله والرسول ان كنتم تؤمنون بالله
واليوم الآخر ذلك خير واحسن تأويلا.[44]

Wahai orang-orang yang beriman ! Hendaklah taat kepada Allah dan taatilah kepada rasulnya dan pemerintah di kalangan kamu yang beriman. Jika kamu bersalahan pendapat tentang sesuatu perkara, hendaklah kamu kembalikannya kepada Allah dan rasulnya, jika benar-benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat..........

Di dalam terjemahan ayat-ayat di atas, Allāh menyuruh orang-orang Islam supaya mengembalikan segala pertentangan dan perselisihan faham yang berlaku di kalangan mereka kepada Allah dan juga kepada rasulnya. Apa yang dimaksudkan dengan mengembali kan sesuatu kepada Allāh ialah melalui al-Qur'ān dan mengembali kan kepada rasulnya ialah melalui sunnah.

Di samping ayat-ayat di atas terdapat pula ayat-ayat yang menegah orang-orang Islam berpaling dari mentaati Allāh dan rasul. Allāh berfirman dalam ayat al-Qur'ān :-

وما آتاكم الرسول فخذوه وما نهاكم عنه فانتهوا
واتقوا الله ان الله شديد العقاب [45]

---

[44] S. Al-Nisa': a. 59.
[45] S. Al-Hashr: a. 7.

> .........apa yang dibawa oleh Rasul kamu terima dan apa yang ditegah oleh Rasul hendaklah kamu jauhi.

Selain itu, terdapat juga di dalam al-Qur'an perkataan hikmah yang mengi-ingi perkataan al-kitab. Antaranya firman Allah:-

[46] ويعلمهم الكتاب والحكمة ويزكيهم إنك أنت العزيز الحكيم

> .......dan Allah telah mengajarkan kepada kamu al-kitab dan al-hikmah, dan telah mengajar kepada mu apa yang belum kamu ketahui.

Imam Shafi'i menegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan al-hikmah dalam ayat-ayat al-Qur'an di atas ialah sunnah Rasul (s.a.w)[47] Demikian juga Fakh al-Din al-Razi telah menganalisa dengan mendalam perkataan al-hikmah dan antara makna-makna yang diberi oleh beliau ialah perkataan al-hikmah bermakna al-sunnah.[48]

Apabila sabit yang perkataan al-hikmah bermakna al-sunnah maka orang-orang Islam wajib berpegang dengannya kerana al-sunnah merupakan sesuatu yang diturunkan oleh Allah.

---

[46] S. Al-Baqarah: a. 1[illegible].

[47] Al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris, Al-Umm, J. iv (Mesir: Dar al-Sha'b, t.t.), h. 251.

[48] Al-Razi, Muhammad ibn Umar Fakhr al-Din, Al-Tafsir al-Kabir, J. [illegible] (Mesir: Matba'ah al-Bahiyyah al-Misriyyah, t.t) h. 7[illegible].

Demikianlah sebahagian ayat-ayat al-Qur'ān yang menegaskan supaya orang-orang Islam berpegang teguh dengan al-sunnah.

ii. Dari Sunnah.

Di dalam al-sunnah terdapat dalil-dalil yang menyuruh orang-orang Islam supaya mematuhi al-sunnah. Antaranya Rasul (s.ʿa.w) bersabda yang bermaksud:-

> ....hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah khulafa' al-Rashidin yang mendapat petunjuk selepasku, kamu hendaklah berpegang teguh dengan sunnah-sunnah itu.[49]

Berdasarkan hadith di atas dapatlah disimpulkan bahawa Rasūl (s.ʿa.w)telah menyuruh orang-orang Islam agar berpegang teguh dengan sunnahnya dan juga sunnah khulafa' al-Rashidin yang mendapat petunjuk selepasnya, di samping berhujjah dengan al-Qur'ān.

Di samping itu juga kedapatan sunnah menjadi sumber kedua di dalam perundangan Islam. Ini telah dibuktikan dengan kata-kata Ibn Masʿūd iaitu:-

> Barangsiapa di antara kamu diuji dengan hukum maka hendaklah ia menghukum dengan apa yang ada

---

[49] Abū Dawūd, Sunan Abū Dawūd,.( Dār al-Ihya', t.t. ) . lihat dalam Kitab السنة , Bab لزوم السنة , 201.

pada kitab Allāh, maka jika tidak ada di-
dalam kitab Al ah, maka hendaklah ia
menghukum dengan apa-apa yang telah di-
hukumi oleh Rasulullāh.[50]

Maka dari kata-kata Ibn Mas'ud ini kita dapat simpulkan bahawa sunnah menjadi sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Qur'ān.

Di samping ḥadīth-ḥadīth yang menerangkan kedudukan sunnah dalam perundangan Islwm, terdapat juga ḥadīth yang menegah orang-orang Islam dari membelakangkan sunnah seperti sabdanya yang bermaksud:

> Jangan sekali aku dapati seseorang dari kamu
> yang sedang berada di atas tempat duduknya
> kemudian datang suatu perkara dariku samada
> perkara itu yang aku suruh atau yang aku
> larang, kemudian dia berkata aku tidak tahu
> apa yang terdapat di dalam kitab Allah sahaja
> yang kami ikut.[51]

Ḥadīth ini dengan jelas melarang orang-orang Islam dengan hanya berpegang dengan al-Qur'ān dan membelakangkan al-sunnah. Malah orang-orang Islam sepatutnya berpegang dengan al-Qur'ān dan al-suanah kerana kedua-duanya adalah sangat rapat hubungannya antara satu sama lain. Dengan lain perkataan, melalui kedua-dua

---

[50] A.H. Moenawar Chalil, Kembali Kepada Al-Qur'an Dan Sunnah, (Jakarta: Bulan Bintang, 1975), h. 215.

[51] al-Tirmidhi, Sunan Tirmidhi, (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1975 )lihat kitab العلم, bab نهي ان يقال عند حديث النبي h. 37.

sumber ini baharulah seseorang itu memahami ajaran Islam dengan betul.

iii. Dari Ijma'.

Ulama Islam telah sependapat tentang wajib beramal dengan sunnah Rasūlullāh (s.a.w ) yang sabit kesahihannya. Pendapat mereka didasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'ān dan hadith-hadith yan yang menegaskan supaya orang-orang Islam berpegang teguh dengan sunnah. Untuk menjelaskan sikap mereka, di sini penulis akan mengemukakan sebahagian pendapat sahabat Rasūlullāh (s.a.w) Abū Bakr seorang sahabat Nabi contohnya, apabila beliau tidak mengingati sunnah yang berhubungan dengan suatu kejadian, beliau lalu menanyakan kepada salah seorang sahabat barangkali dia ingat sunnah Rasūlullāh dari hal yang dimaksudkan. Kemudian kepada sahabat yang lain sekiranya sahabat yang pertama tidak mengingati nya. Kemudian kejadian itu ditetapkan hukumnya menurut kata sepakat yang disampaikan oleh sahabat kepada beliau.

Dengan ini sahabat-sahabat yang lain seperti Umar al-Khattab dan para tabi in menuruti jejak Abū Bakr dan tidak seorang pun di antara mereka yang mengingkari sunnah Rasūlullāh(s.a.w.) [52]

---

[52] Prof. Dr. Mukhtar Yahya, op. cit, h. 43.

Di samping beramal dengan al-Qur'ān dan al-sunnah para sahabat juga menggunakan ijtihad dan qiyas untuk menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan mereka. Ijtihad sahabat sebenarnya merangkumi maksud yang luas iaitu mereka meneliti dan mengkaji nas-nas, kemudian mereka membuat qiasan, istihsan dan sebagainya.[53]

iv. Pendapat Para Fukaha .

Keseluruhan ahli perundangan Islam sepakat bahawa sunnah adalah menjadi sumber kedua di dalam perundangan Islam, walaupun mereka berbeza dari segi sharat-sharat penerimaannya.[54]

Sebagai kesimpulannya, jelaslah kepada kita bahawa sunnah merupakan sumber kedua di dalam perundangan Islam. Oleh itu orang-orang Islam hendaklah berusaha dedaya upaya memahami dan menghayati di dalam kehidupan sehari-hari supaya beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Sekira sunnah itu bukan merupakan hujjah bagi kaum Muslimin dan undang-undang yang mereka taati nescaya mereka tidak akan dapat melaksanakan kewajipan-kewajipan yang telah diperintahkan oleh Allāh di dalam al-Qur'ān.

---

[53] al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, 'Alam al-Muwaqqi'in an Rabbi al-Alamin J.4 ,(Qahorah:Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah,1968 ),h.20-22.

[54] Muhammad Abu Zahrah, Muhāḍarat fi Tarīkh al-Madhāhib, (Matba'ah al-Mukhaymar, 1 (2), h. 161.

## 1.5. Hubungan Hadith dan Sunnah Dengan Al-Qur'ān.

Hubungan sunnah dengan al-Qur'ān ditinjau dari segi penggunaan hujjah dan pengambilan hukum-hukum shariat adalah bahawa sunnah adalah sebagai sumber hukum yang sederjat lebih rendah dari al-Qur'ān. Ini bererti seorang mujtahid dalam menetapkan hukum sesuatu peristiwa tidak akan mencari dalam sunnah terlebih dahulu, kecuali tidak dapat ketentuan hukumnya di dalam al-Qur'ān. Oleh itu sunnah memainkan peranan penting di dalam menjelaskan maksud ayat-ayat al-Qur'ān iaitu:-

i. Sunnah menguatkan ayat-ayat al-Qur'ān.

Al-Qur'ān walaupun ayat-ayatnya cukup jelas dan terang serta senang difahami oleh pembacanya, namun demikian ianya tetap memerlukan kepada sunnah untuk menguatkannya dan juga untuk menerangkan isi-isi kandungannya. Di atas dasar inilah maka Rasul (s.'a.w) diutuskan. Sebagai contoh, al-Qur'ān menyuruh umat Islam menunaikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Firman Allāh :

وأقيموا الصلاة وآتوا الزكاة [55]

Dirikanlah sembahyang dan keluarkan zakat.....

---

[55] S. Al-Baqarah: a. 83.

Dalam perkara ini terdapat sunnah yang menyokong dan menguatkan perintah Allah di atas dengan sabdanya:-

> Islam diasaskan atas lima perkara iaitu mengaku bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan ibadat haji dan puasa bulan Ramadan.[56]

ii. Sunnah sebagai pengulas dan pentafsir ayat-ayat al-Qur'ān.

Sunnah menerangkan dan mentafsir ayat-ayat al-Qur'ān dengan berbagai cara kerana Rasūlullāh(s.a.w) lebih mengetahui maksud dan tujuan ayat-ayat al-Qur'an diturunkan. Di antaranya ialah:-

a. Di dalam al-Qur'ān terdapat ayat-ayat yang mengandungi hukum secara mujmal, maka tugas Rasulullah(s.a.w) menerangkan maksud ayat-ayat tersebut. Contohnya ialah perintah Allah mengenai ibadat sembahyang yang terkandung di dalam firmanNya:-

[57] إن الصلاة كانت على المؤمنين كتابا موقوتا.

> Sembahyang itu suatu keketapan yang diwajib kan ke atas orang-orang yang beriman yang tertentu waktunya.

---

[56] Bukhari, <u>Sahih Bukhari</u> , (Kaherah: Matba'ah al-Bābi al-Halabi, t.t. ) lihat dalam kitab الصلاة, bab دعائكم إيمانكم, h. 9.

[57] S. Al- Nisa' : a. 103.

Ayat al-Qur'ān ini adalah antara ayat-ayat yang mujmal kerana tidak diterangkan cara-cara mengerjakannya dan tidak juga diterangkan waktu-waktu yang diwajibkan, dengan ini peranan sunnah menerangkan satu persatunya segala apa yang tidak dijelaskan oleh al-Qur'ān, lalu dijelaskan melalui perbuatan Rasulullah (s.a.w).

Mengenai cara-cara sembahyang, baginda menerangkan secara teori dan praktikal, antara contohnya sabdanya bermaksud:-

> Apabila engkau berdiri betul maka takbirlah kemudian bacalah ayat al-Qur'an yang mudah bagi engkau, kemudian ruku lah hingga tetap kemudian angkat kepala hingga betul berdiri kemudian engkau sujud hingga tetap, kemudian engkau duduk hingga tetap. Demikian seterusnya engkau lakukan dalam segala ibadat sembahyang engkau.[58]

b. Sunnah juga mengkhususkan ayat-ayat al-Qur'ān yang am. Contohnya al-Qur'ān memberi hak kepada anak-anak mewarisi harta peninggalan ibubapa mereka sebagaimana firman Allah:-

يوصيكم الله في أولادكم للذكر
مثل حظ الأنثيين .59

---

[58] Abū Dawūd, Sunan Abū Dawūd, J.1 ( Dar al-Ihya' , t.t ) lihat kitab الصلاة , bab من لم يقيم صلبه في الركوع والسجود . h. 97.

[59] S. al-Nisa' : a. 11.

> Allah berpesan supaya pembahagian harta anak-anak itu ialah sebagaimana anak lelaki itu menyamai dua bahagian anak perempuan...

Hukum yang disebut di dalam ayat al-Qur'ān itu adalah hukum yang am yang memberi erti bahawa setiap anak berhak mewarisi harta peninggalan ibubapa mereka yang meninggal tetapi sunnah telah menerangkan bahawa yang dimaksud oleh al-Qur'ān itu ialah yang meninggal itu bukan Nabi kerana peninggalan Nabi tidak boleh dijadikan pusaka. Hal ini telah diterangkan oleh sunnah yang bermaksud:-

> Kami tidak diwarisi kerana segala peninggalan kami adalah sedekah.[60]

c. Di dalam al-Qur'ān terdapat ayat-ayat yang mutlak, maka di sini menjadi kewajipan Rasūlullāh (s.a.w) menerangkan maksud ayat-ayat tersebut. Contohnya firman Allah:-

61 السارق والسارقة فاقطعوا أيديهما

> Pencuri, samada lelaki atau perempuan hendaklah dipotong tangan..........

Di dalam ayat-ayat ini tidak menerangkan setakat manakah

---

60 Bukhari, Sahih Bukhari, J. 8, (Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halab t.t. ), lihat dalam kitab الوصايا , bab قول النبي , h. 186.

61 S. al-Maidah: a. 41

kadar yang dicuri baru seseorang pencuri samada lelaki atau perempuan boleh dihukum potong tangan mereka. Dalam perkara ini Rasūlullāh (s.a.w) ada menerangkan dengan sabdanya yang bermaksud:

> Tidak dipotong tangan seseorang pencuri itu melainkan apabila dia telah mencuri lebih dari satu berempat dinar.[62]

iii. Sunnah menambah hukum-hukum yang terdapat asasnya dalam al-Qur'ān.

Sunnah membawa hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'ān contohnya ialah yang berhubung dengan pengharaman memakan binatang-binatang liar yang bertaring dan mengharamkan mengahwini perempuan berserta emak saudaranya. Rasūlullāh(s.a.w)bersabda yang bermaksud:-

> Jangan dikahwini perempuan berserta emak saudaranya.[63]

Dalam perkara ini sunnah membawa hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'ān, didapati ulama Islam tidak sepakat antara satu sama lain. Imam al-Shafi'i menganggap sunnah ada membawa hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'ān dengan alasan yang Allah memerintahkan umat Islam mentaati apa yang dibawa oleh

---

[62] Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, J.2 (Beirut: Maktabah 'Ilmiyyah, t.t) lihat kitab الحدود , bab حد السارق , h. 862.

[63] Bukhari, Sahih Bukhari , (Istanbul: Maktabah Islamiyyah, t.t ) lihat kitab الوصايا , bab قول النبى , h. 128.

Rasūlullāh (s.a.w ).[64] Sebaliknya al-Shatibi berpendapat bahawa hukum-hukum yang ditentukan oleh sunnah yang tidak ada di dalam al-Qur'ān itu bukanlah hukum-hukum tambahan sebaliknya hukum-hukum yang sudah termaktub dalam al-Qur'ān .[65]

Sementara Mustafa al-Siba'i pula berpendapat bahawa kedua-dua pendapat di atas tidak ada pertentangan kerana masing-masing pihak mengakui kewujudan hukum-hukum tersebut yang dibawa oleh sunnah. Hanya pihak yang pertama menganggap hukum-hukum tersebut sebagai hukum-hukum yang bertambah dari al-Qur'ān sebaliknya pihak yang kedua mengatakan hukum tersebut tidak terkeluar dari maksud al-Qur'ān.[66] Oleh itu benarlah bahawa sunnah ada membawa hukum-hukum yang tidak dinaskan oleh al-Qur'ān.

Sebagai kesimpulannya, jelaslah kepada kita bahawa sunnah begitu penting di dalam memahami al-Qur'ān dan mengamalkan ajaran ajaran yang terkandung di dalamnya.

---

[64] Al-Shafi'i, Al-Risalah , (Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1969 h. 58.

[65] Al-Shatibi, Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam , (Mesir: Matba ah Muhammad Ali Sabih, 1969 ), h. 9.

[66] Mustafa al-Siba'i , op. cit, h. 433-433.

# BAB DUA

# RIWAYAT HIDUP ABŪ AYYŪB

# BAB DUA

## RIWAYAT HIDUP ABŪ AYYŪB AL-ANṢĀRI

Sebelum kita memperkatakan dengan lebih lanjut lagi mengenai kajian ḥadīth dan perbahasannya, perlu dinyatakan disini terlebih dahulu kajian mengenai riwayat hidup Abū Ayyūb al-Anṣāri. Ini memandangkan bahawa bidang kajian ini amat penting diketahui kerana ianya dapat memberi gambaran kepada kita mengenai ciri-ciri kehidupan yang dilalui oleh seseorang tokoh ḥadīth.

### 2.1. Latarbelakang Keturunannya.

Sahabat yang mulia ini bernama Khālid Ibn Zayd Ibn Kulayb Ibn Thaʻlabah Ibn ʻAbd Ibn ʻAwf Ibn Ghanm Ibn Mālik Ibn Najjār. Beliau lebih terkenal dengan gelaran Abū Ayyūb al-Anṣāri al-... Bukhāri.[67] Bila kita melihat pertalian nasabnya, iaitu dari datuknya Najjār kita dapati beliau juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Rasūlullāh (s.ʻa.w.). Datunya Najjār adalah saudara lelaki pihak ibu Rasūlullāh (s.ʻa.w. ).[68]

---

67 Al-Hashimi, ʻAbd al-Munʻim, Anṣār Rasūlullāh, (Damshik: Dār al-Ḥimmah, t.t. ), h.151.

68 __________, Muntakhib min al-Sunnah, (Jumhūr al-Arabiyyah al-Muttahidah ), J.iv, (Kaherah: Majlis al-ʻAlā, 1979), h.30

Beliau berasal dari suku Khazraj dari kaum Anṣār Madinah. Gelaran al-Anṣāri yang diberikan kepada beliau adalah kerana beliau berasal dari golongan Anṣār.

Ibunya bernama Hindun Bint ʿAmru Ibn ʿAmr Ibn al-Qis Ibn Malik Ibn Thaʿlabah Ibn Kaʿb Ibn Khazrāj.[69] Beliau mempunyai seorang putera yang bernama ʿAbd al-Rahmān dan isterinya bernama Ummū Hasan Bint Zayd Ibn Thabit Ibn Ḍaḥḥāk Ibn Mālik Ibn Najjār.[70]

## 2.2. Memeluk Islam.

Telah menjadi kebiasaan bagi golongan Anṣār di Madinah, di mana setiap musim haji, mereka berduyun-duyun pergi ke Mekah untuk menunaikan haji. Pada musim haji itu keluarlah tujuh orang dari suku Khazrāj berangkat menuju ke Mekah untuk menunaikan haji. Kebetulan pada musim haji itu, Rasūlullāh (s.ʿa.w.) telah keluar mengekori kafilah-kafilah haji yang datang ke Mekah untuk menyampaikan dakwahnya.

Di sanalah Rasūlullāh (s.ʿa.w.) bertemu dengan rombongan haji dari suku Khazrāj. Mereka menerima Rasūlullāh(s.ʿa.w.) datang

---

69 ʿIzz al-Dīn Ibn al-Athir, ʿUsd al-Ghabāh fi Maʿrifah al-Ṣahābah, J.iv, (Kaherah: Dār al-Shaʿbi, 1393H ),h. 95.

70 Ibn Saʿd, Tabaqāt al-Kubra, J.iii, (Beirut: Dār al-Ṣādir, t.t ) h. 484.

ke khemah mereka lantas dengan kesempatan ini, Rasūlullāh (s.ʿa.w.) menyampaikan dakwahnya. Ketujuh orang yang menyahut seruan Rasūlullāh (s.ʿa.w.) itu telah pulang dengan membawa imam dan Islam Mereka telah menceritakan kisah pertemuan mereka dengan Rasūlullāh (s.ʿa.w.) kepada kaum mereka dan ramailah yang telah menyahut . seruan itu.

Musim haji tahun kedua tiba pula. Seramai duabelas orang dari suku ʾAws dan Khazrāj berangkat menuju ke Mekah. Rasūlullāh (s.ʿa.w.) telah menyambut mereka di suatu tempat yang bernama Aqabah. Di sinilah rombongan itu telah berbayʿah dengan Rasūl (s.ʿa.w.) di mana mereka tidak akan menyengutukan Allah dengan apa jua pun. Kemudian mereka berjanji tidak akan mendurhakai Rasūlullāh (s.ʿa.w.) dalam perkara yang maʿruf. Rasūlullāh (s.ʿa.w) pun menjanjikan bahawa barangsiapa di antara mereka yang setia memenuhi bayʿah dad janji, maka balasannya adalah shurga.

Untuk mengajar mereka dalam agama yang baru ini, Rasulullah (s.ʿa.w.) telah mengutuskan seorang guru yang akan berangkat bersama-sama mereka ke Madinah. Baginda telah memilih seorang sahabat pilihannya iaitu Musʿab Ibn ʿUmayr.

Dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diserahkan oleh Rasūlullāh (s.ʿa.w.) itu, Musʿab begitu rajin dan giat menjalankan nya. Semua waktu dan kesempatan digunakan untuk menyebarkan

dakwah Islam di kalangan suku 'Aws dan Khazraj. Di antara orang yang menerima dakwah dan masuk Islam itu ialah Khalid Ibn Zayd yang lebih terkenal dalam sejarah Islam dengan gelaran Abū Ayyūb al-Anṣāri.

Musim menunaikan haji datang lagi. Seramai tujuh puluh orang lelaki dan dua orang wanita dari suku 'Aws dan Khazraj telah berangkat menuju ke Mekah. Rombongan itu telah diketuai oleh Abu Ayyub. Setibanya di tempat yang ditentukan mereka berhenti. Setelah Rasūlullāh (ṣ.ā.w.) datang bersama bapa saudaranya al-'Abbās dan sahabatnya Mus'ab, berlakulah bay'ah di antara mereka. Setiap yang datang menghulurkan tangan kepada Rasūlullāh (ṣ.ā.w.) untuk bersalaman dan orang yang terakhir meletakkan tangan ke atas tangan Rasūlullāh(ṣ.a.w.) ialah Abū Ayyūb al-Anṣāri. Peristiwa ini dikenali dalam sejarah dengan nama Perjanjian al-Aqabah al-Thaniyah(Aqabah Yang Kedua ).

Dengan jiwa yang tenang diselubungi kegembiraan, beliau telah pulang ke Madinah. Jiwanya merasa lapang dan tenteram setelah menerima cahaya Iman. Sampainya di rumah, beliau telah mendapatkan isterinya. Diceritakan segala yang beliau alami bersama Rasūlullāh(ṣ.ā.w.) dan beliau berterusterang menyatakan keislamannya. Kemudian beliau mengajak pula isterinya untuk sama-sama menerima Islam. Ajakan beliau diterima dengan hati

yang suci dan ikhlas.[71]

## 2.3. Peristiwa Di Rumahnya.

Sebuah berita yang menggembirakan telah tersiar di Madinah di mana Rasulūllāh(s.á.w.) telah keluar dari Mekah menuju Madinah dengan tujuan untuk berhijrah dan menggabungkan diri bersama-sama kaum Anṣār. Sampainya Rasūlullāh(s.á.w.) di Madinah dengan sahaba nya Abū Bakr, unta yang membawa beliau telah berhenti di hadapan rumah Abū Ayyūb. Alangkah terkejutnya tanpa diduga, Rasul yang dicintai selama ini, telah berada di hadapan rumah beliau. Beliau telah mempersilakan Rasūlullāh (s.á.w.) masuk sambil beliau mengangkat barang-barang yang telah dibawa oleh Rasūlullāh(s.á.w.) Isteri beliau sibuk mengemaskan rumah untuk menerima tetamu yang mulia itu.

Beliau telah menyediakan tempat tinggal Rasūlullāh(s.á.w.) di bahagian tingkat atas tetapi Rasūlullāh(s.á.w.)menolak dengan alasan baginda lebih suka tinggal di bahagian bawah. Abū Ayyūb dan isterinya merasa kurang senang kerana mereka terpaksa tinggal di bahagian atas Rasūlullāh(s.á.w.).[72] Malam pertama mata beliau tidak mahu lelap hinggalah ke subuh.

---

[71] M. Sabri Munier, Abu Ayyub al-Ansari (SahabatRasulullah), Mati Shahid Di Konstantinople, (Jakarta: Bulan Bintang, 1976 ),h.31.

[72] Ibid, h. 40.

Pada suatu malam yang lain pula, Abū Ayyūb telah terninggung sebuah kendi yang berisi air lalu air itu tumpah. Beliau telah menggunakan selimut untuk mengeringkan air yang tumpah itu : Beliau merasa bimbang dan cemas jikalau air yang tumpah itu menimpa Rasūlullāh (s.a.w.) yang sedang tidur. Malam itu merupakan malam yang cemas sekali bagi Abū Ayyūb dan isterinya. Pada keesokkan harinya, beliau meminta lagi agar Rasulullah(s.a.w) naik ke tingkat bahagian atas rumahnya dan akhirnya Rasūlullāh (s.a.w.) bersetuju untuk berbuat demikian.

Seperti kebiasaan beliau dan isterinya menyediakan makanan untuk Rasulūllāh(s.a.w.) setiap hari. Selesai Rasūlullāh(s.a.w.) makan, beliau dan isterinya berebut-rebut mencari bekas sentuhan jari tangan Rasulūllāh(s.a.w.) untuk mendapat keberkatan.[73] Demikianlah cintanya beliau terhadap Rasūlullāh(s.a.w.). Pernah pada suatu kejadian makanan yang disediakan oleh isterinya tidak disentuhi oleh Rasūlullāh(s.a.w.). Ini disebabkan masakan itu telah dicampurkan dengan sejenis tumbuhan yang berbau sebagai ramuannya. Alangkah gementarnya beliau disebabkan Rasūlullāh (s.a.w.) tidak menyentuh makanan itu. Akhirnya Rasulullāh (s.a.w) memberitahu bahawa baginda tidak menyukai bau tumbuhan yang terdapat dalam masakan itu. Semenjak peristiwa itu, Abū Ayyūb tidak mahu memakan tumbuhan yang berbau itu.

---

73 al-[illegible], op. cit., [illegible].

Sewaktu Rasūlullāh(s.ā.w.) berada di rumahnya, beliau tidak melepaskan peluang keemasan berlalu begitu sahaja. Beliau duduk berhadapan dengan Rasūlullāh(s.ā.w.) sambil meminta nasihat dan pelajaran serta mengambil titisan-titisan hikmat dari lautan perbendaharaan Rasūlullāh(s.ā.w.). Di samping itu juga beliau menanyakan soal yang masih kabur dalam hatinya tentang agama Islam.

Ketika Rasūlullāh (s.ā.w.) tinggal di rumah Abū Ayyūb, baginda juga telah mempersaudarakan antara orang-orang Anṣār dengan Muhajirin. Di antaranya, baginda telah mempersaudarakan Abū Bakr dengan Kharijāh Ibn Zayd, ʿUmar al-Khattāb dengan ʿUtbān Ibn Malik, Zubayr Ibn ʿAwwān dengan Salmān Ibn Salāmāh dan selepas itu Rasūlullāh (s.ā.w.) telah mempersaudarakan Musʿab Ibn ʿUmayr dengan Abū Ayyūb al-Anṣārī.[74]

Setiap peribadi yang telah diikat dengan persaudaraan Islam masing-masing telah membawa saudara Muhajirin ke rumah mereka sebagai saudara kandung seagama. Abū Ayyūb juga telah membawa dan mengajak Musʿab ke rumahnya. Beliau begitu memuliakan dan menghormati Musʿab sebagai saudara seagama sehingga ikatan persaudaraan mereka terlalu erat. Dengan sedaya mungkin

---

[74] ʿAlī Nuwayhid, Al-Istibṣār fī nasab al-Ṣaḥābat min al-Anṣār, ( Beirut: Dār al-Fikr, 1972 ), h. 69.

beliau memberi ketenteraman kepada saudara barunya. Beliau sering mendahulukan saudara barunya lebih dari dirinya sendiri. Pernah pada suatu ketika beliau mengosongkan perutnya menahan lapar, kerana makanan hanya cukup untuk saudaranya sahaja.

Setelah beberapa hari Rasūlullāh (s.a.w) tinggal di rumah beliau, baginda bercadang untuk membina sebuah mesjid. Baginda telah mengumpulkan sahabat-sahabatnya untuk menyiapkan bangunan mesjid itu. Pada kesempatan ini Abū Ayyūb tidak mengenal penat dan lelah. Beliau mengangkat batu di bahunya dengan hati penuh bahagia dan gembira. Selepas beberapa hari pembinaan, mesjid pun siap dibina di atas titisan peluh sahabat. Setelah menetap sebagai tamu di rumah Abū Ayyūb, Rasūlullāh (s.a.w.) pun berpindah ke mesjid.

Walaupun baginda telah berpindah ke mesjid, baginda tidak pernah lupa untuk menziarahi ke rumah Abū Ayyūb. Pada suatu ketika Rasūlullāh(s.a.w.) bersama sahabatnya Abū Bakr telah pergi mengunjungi Abū Ayyūb di rumahnya. Beliau menyambut Rasūlullāh (s.a.w.) dan Abū Bakr dengan penuh kegembiraan dan disuruh agar isterinya menyiapkan makanan untuk tetamu yang mulia itu. Setelah makanan siap, beliau menghidangkan kepada kedua tetamunya itu. Makanan tersebut hanya mencukupi untuk hidangan dua orang sahaja.

Setelah Rasūlullāh (s.a.w.) memperhatikan makanan itu,

baginda menyuruh agar Abū Ayyūb mengundang tiga puluh orang ketua orang Anṣār. Abū Ayyūb begitu kaget dan terpaku kerana makanan itu hanya mencukupi untuk dua orang sahaja. Beliau memberitahu kepada Rasūlullāh(s.ȧ.w.) bahawa beliau tidak mempunyai makanan lain lagi, tetapi Rasūlullāh(s.ȧ.w.) menyuruh juga agar beliau mengundang tiga puluh orang ketua orang Anṣār. Demi mematuhi perintah Rasūlullāh(s.ȧ.w.) beliau segera pergi mengundang kesemua tetamu itu. Ketika semuanya telah datang Rasūlullāh(s.ȧ.w.) telah mempersilakan mereka masuk dan menikmati hidangan tersebut. Setelah selesai makan, Rasūlullāh (s.ȧ.w.) telah mengambil kesempatan untuk berbayʿah dengan mereka.

Abū Ayyūb menyaksikan kejadian itu dengan penuh kehairanan. Makanan yang tersedia itu tetap seperti biasa. Rasūlullāh(s.ȧ.w) menyuruh lagi Abū Ayyūb menjemput seramai enam puluh orang Anṣār. Setelah mereka sampai dan selesai menikmati hidangan, Rasūlullāh (s.ȧ.w.) juga berbayʿah dengan mereka. Pada kali ketiga baginda menyuruh lagi mengundang seramai sembilan puluh orang. Dengan penuh kepatuhan beliau melaksanakan perintah Rasūlullāh(s.ȧ.w.). Setelah semuanya selesai menikmati hidangan bersama-sama dengan Rasūlullāh(s.ȧ.w.), mereka pun berbayʿah dengan baginda. Abū Ayyūb menyaksikan peristiwa itu dengan penuh tanda tanya di-fikirannya. Setelah mereka kembali, Abū Ayyūb masih kehairanan memerhatikan peristiwa itu. Ini disebabkan agak mustahil makanan yang hanya cukup di makan untuk dua orang, tidak bertambah dan

tidak berkurang sedangkan seramai seratus sembilan orang yang memakannya. Peristiwa yang ganjil itu adalah satu dari mu'jizat Rasūlullāh(s.a.w.) yang terjadi di rumah Abū Ayyūb al-Anṣāri.

Pada suatu ketika yang lain pula, Rasūlullāh(s.ạ.w.) bersama sahabatnya Abū Bakr dan 'Uthmān pergi mengunjungi rumah Abū Ayyūb dengan perut yang lapar. Baginda mengetuk pintu rumah Abū Ayyūb lalu keluarlah isterinya, lantas Rasūlullāh(s.ạ.w.) menanyakan tentang Abū Ayyūb. Ketika itu juga Abū Ayyūb sedang bekerja di kebun kurma di belakang rumahnya. Setelah mendengar suara Rasūlullāh (s.ạ.w.), beliau terus mendapatkan Rasūlullāh (s.ạ.w.) dan sahabatnya dan terus beliau menjemput masuk ke rumah nya. Kemudian Abū Ayyūb pergi semula ke kebun kurmanya untuk memotong setandan kurma yang buahnya ada yang sudah masak, ada yang masih muda dan ada yang sedang mengkal untuk dihidangkan kepada Rasūlullāh(s.ạ.w.) dan sahabat-sahabat baginda.

Di samping itu juga, beliau menangkap seekor domba untuk disembelih dan dihidangkan kepada Rasūlullāh (s.ạ.w.) dan sahabat nya. Beliau juga menyuruh isterinya menyediakan roti. Setelah semuanya siap beliau menghidangkan kepada Rasūlullāh (s.a.w.). Selesai Rasūlullāh (s.ạ.w.) makan, baginda menyuruh agar Abū Ayyūb datang menemui baginda pada keesokkan harinya. Rasūlullāh(s.ạ.w) telah menghadiahkan seorang hamba sahaya iaitu seorang gadis kecil dan baginda berpesan supaya dijaga dengan baik. Beliau telah

membawa hadiah itu ke rumahnya dan akhirnya beliau telah membebaskan gadis itu.

Ketika terjadinya Peristiwa al-Ifk mengenai 'Aishah, isteri Rasūlullāh(s.a.w.), Abū Ayyūb tetap tidak mempercayai segala tuduhan yang dilemparkan kepada 'Aishah. Beliau tetap mengakui kebebasan dan kesucian 'Aishah dari tuduhan jahat itu.[75]

## 2.4. Sifat-Sifat Terpuji.

Abū Ayyūb adalah seorang yang benar-benar cintakan baginda Rasūlullāh (s.a.w.). Pada setiap hari sewaktu Rasūlullāh(s.a.w.) melintasi rumahnya, beliau menyediakan segelas susu untuk minuman Rasūlullāh(s.a.w.). Kesabaran dan ketaqwaan yang dimilikinya menyebabkan beliau disayangi oleh Rasūlullāh (s.a.w.). Begitu juga setiap kali janggut Rasūlullāh (s.a.w.) gugur bila disisir beliau memungut dan menyimpannya.[76] Beliau juga dengan sukarela menjadi pengawal kepada Rasūlullāh(s.a.w.) ketika baginda berkahwin dengan Ṣafiyyah Bint Ḥuyay. Abū Ayyūb mengawal khemah perkahwinan tanpa tidur hingga ke subuh.[77] Begitulah gambaran

---

75 M.Sabri Munier, op.cit, h. 57.

76 Al-Zarikli, Khayr al-Dīn, Al-'Alam, J.ii, (Beirut: Dār al-'Ilmu, 1979 ), h. 296.

77 Al-Asqalānī, Shihab al-Dīn, Al-Isābāh fi Tamyiz al-Suhabāh, J.i (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1328H ),h. 405.

peribadi Abū Ayyūb sebagai sahabat Rasūlullāh(s.ā.w.) yang berperasaan halus, berjiwa bersih, serta kasih kepada Rasūlullāh (s.ā.w.) dengan penuh keikhlasan. Semuanya menyingkap kepada kita suatu sudut yang terpenting dalam kehidupan Abū Ayyūb. Jelaslah beliau seorang yang bersifat pemurah dan dermawan. Beliau juga banyak menunjukkan sifat-sifat zuhudnya serta terjun dalam kelompok orang-orang yang berjihad kerana Allāh .[78]

## 2.5. Pengembaraan Dalam Mencari Hadith.

Pengembaraan dalam mencari ilmu ḥadith telah berlaku di-zaman Rasūlullāh(s.ā.w.), di mana sahabat-sahabat Rasūlullāh (s.ā.w.) telah menemui baginda untuk mendengar pengajaran al-Qur'an, memahami pengajaran Islam dan ilmu-ilmu ḥadith. Segala apa yang telah mereka pelajari, mereka menyebarkan pula kepada orang lain.

Di zaman para sahabat dan tabi'en, pengembaraan dalam mencari ilmu semakin meluas dilakukan oleh ulamak-ulamak khusus nya dalam mencari ilmu ḥadith. Mereka mengembara dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk mendapatkan sesebuah hadith yang sahih. Begitu juga apa yang berlaku terhadap sahabat Rasūlullāh

78 Husain Bahreisy, Perjuangan 35 Sahabat Rasūlullāh, (Surabaya: Pustaka Progresif, 1979 ), h. 35.

(s.a.w) iaitu Abū Ayyūb al-Anṣāri. ʿAta Ibn Rabih menceritakan bahawa Abū Ayyūb telah keluar mendapatkan ʿUqbah Ibn ʿAmru, menanyakan ḥadīth yang diambil dari Rasulullah (s.a.w.) yang mana tidak seorang pun yang mendengar dari Rasūlullāh(s.a.w.) selain dari beliau dan ʿUqbah.

Beliau juga telah mengembara ke Mesir untuk menemui gabnor Mesir iaitu Mucallimah Ibn al-Mukhdad al-Anṣāri. Beliau mencerita kan ḥadīth yang didengar bersama ʿUqbah itu kepada Musallimah. Kemudian beliau terus mengembara ke Hijaz dan Mesir untuk mencari ḥadīth. Selepas berlakunya zaman fitnah, beliau begitu mengambil berat dalam menjaga sunnah Rasūlullāh(s.a.w.) yang mulia itu.[79]

## 2.6. Penglibatannya Dalam Jihad.

Sepanjang hayatnya, Abū Ayyūb hidup dalam peperangan. Beliau tidak pernah ketinggalan dalam menyertai peperangan semenjak dari zaman Rasūlullāh(s.a.w) hinggalah sampai di zaman pemerintahan Muʿawiyah. Beliau terkenal seorang pejuang yang gigih samada di waktu senang atau pun di waktu susah.[80] Beliau juga adalah seorang pembawa panji-panji Rasūlullāh(s.a.w.).[81]

---

79 Mohd ʿAjaj al-Khatib, op. cit, h. 177.

80 Muhy al-Din Shaf dkk, Karakteristik Perihidup 60 Sahabat Rasūlullāh, (Bandung: Diponegoro, 1983 ),h. 467.

81 Al-Fandi, Mohd Thabit, Daerah al-Muʿarif wal al-Islamiyyah, J.i (t.t. ),h. 309.

Sewaktu orang-orang Quraish berniat jahat terhadap Islam untuk menyerang bumi Madinah dan menghasut suku-suku Arab untuk memadamkan cahaya Ilahi, semenjak itulah beliau melibatkan diri untuk berjihad di jalan Allah.[82] Mulai dari perang Badr, 'Uhud dan Khandaq beliau tampil sebagai pahlawan yang sedia mengorbankan nyawa dan harta demi meninggikan kalimah Allāh. Bahkan selepas Rasūlullāh(s.a.w.) wafat pun, beliau tidak pernah ketinggalan menyertai pertempuran yang diwajibkan ke atas kaum Muslimin walaupun jarak jauh yang ditempuhi dan berat badan yang akan dihadapinya. Semboyan yang selalu diulang-ulangnya samada di waktu malam ataupun siang, dengan suara keras ataupun perlahan ialah firman Allāh:[83] انفروا خفافا وثقالا

> Berangkatlah kamu baik dalam keadaan
> merasa ringan ataupun merasa berat....

Atas dasar fitrahnya, nyatalah beliau adalah seorang mujahid yang patuh dan setia.[84] Semangat jihadnya mengalir diseluruh urat darahnya. Demikian juga semasa pemerintahan saidina Abu Bakr menhadapi dan menumpas pemberontakkan kaum murtad dan gerakan nabi palsu beliau turut sama memeranginya. Selanjutnya di zaman saidina 'Umar, beliau telah membuat penyerangan di negeri

---

[82] Al-Waqidi, Tabaqāt al-Kabīr, J.iii, (Leiden: Braill, 1322H), h.49.

[83] S.al-Tawbat: a. 41.

[84] Abd al-Rahmān Ra'fat al-Basha, Kepahlawanan Generasi Sahabat, J.i (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1984 ), h. 73.

... ngeri Rom dan Parsi. Semua riwayat perangnya adalah satu ...ntaan yang mantap bahawa sesungguhnya Abū Ayyūb al-Anṣari s...ng mujahid tulin darah dagingnya. Bahkan semakin menonjol se...ngat jihadnya, ketika umurnya mencapai lapan puluh tahun ...n beliau masih berada di barisan hadapan jihad yang akan ...angkat ke Konstantinople untuk menyebarkan panji-panji Islam yang putih di sana.

Abū Ayyūb, perajurit Islam yang telah berusia lapan puluh ta... itu tidak mahu ketinggalan menunjukkan kegigihan dan ke...anian dari teman-temannya sekali pun yang masih muda belia. ...u begitu cekap menggunakan senjatanya menebasi leher musuh te...tera Rom. Di samping Abū Ayyūb ada seorang temannya dari ... Muhajirin yang begitu berani seolah-olah mencari mati demi ... mencapai shahid. Muhajirin itu nampak sebarisan tentera ... lantas tanpa ragu-raga lagi diserangnya musuh itu dengan ...gnya sehingga ramai yang terkorban. Sikapnya itu telah ...kan kehairanan teman-temannya yang lain tetapi ada seorang ... berkata, bahawa orang itu telah sengaja menjatuhkan dirinya ... kebinasaan.

...endengar ucapan itu, hati Abū Ayyūb panas dan wajahnya ... ...can, lalu beliau berpaling kepada teman-teman sekeliling ... berkata:

"Kita lebih faham tentang ayat itu. Ayat tersebut diturunkan kepada kita kaum Anṣār. Kita telah menemani Rasūlullāh (s.a.w.) dan turut bersama beliau pada semua peristiwa-peristiwa penting dan kita telah membela beliau dengan penuh keikhlasan. Ketika Islam telah tersebar luas, kita berkumpul bersama-sama kita kaum Anṣār mempereratkan kasihsayang dan mengenang masa lalu kita, maka di kala itu kita berkata, kita telah dimuliakan Allah lantaran persahabatan kita dengan Rasūlullāh(s.a.w.), dengan bantuan yang kita berikan kepada Nabi, hingga Islam tersebar dan pengikutnya sudah begitu ramai. Oleh yang demikian kita seolah-olah sudah seronok tinggal bersenang-senang dengan keluarga dan anak tanpa memikirkan soal jihad lagi. Maka apabila perang telah selesai, kita pulang kepada keluarga dan anak-anak lalu tinggal sekian lama, lupa untuk meneruskan soal jihad lagi.

Pada masa itu turunlah ayat al-Qur'ān dengan firman Allāh:

وانفقوا في سبيل الله ولا تلقوا بايديكم الى التهلكة .

Dan belanjakanlah harta bendamu di jalan Allāh dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri di dalam kebinasaan.

## 2.7. Peristiwa Di Nahrawan.

Semenjak terbunuhnya saidina 'Uthmān dan lahirnya golongan Khawarij, Abū Ayyūb tinggal di rumahnya, menjauhi orang ramai dan tekun beribadat kepada Allāh. Dengan ketajaman fikirannya, beliau telah melihat selepas peristiwa pembunuhan saidina 'Uthmān, zaman fitnah dan perpecahan telah tiba. Para sahabat Rasūlullāh(s.a.w.) telah ramai yang terpengaruh dengan dunia.

Kekejaman orang-orang Khawarij semakin berterusan terhadap orang ramai. Pembunuhan yang berlaku ke atas Abd Allāh ibn Khabbāb dan isterinya telah sampai ke pengetahuan saidina Ali. Peristiwa kejam itu telah berlaku di suatu tempat yang bernama Nahrawan. Abū Ayyūb telah ditugaskan untuk menyelidikki tempat mereka bermarkas. Setelah ditemui, beliau telah menasihati supaya menghindari perselisihan dan perpecahan tetapi segala nasihat beliau tidak dihiraukan. Malah kerana kesombongan mereka Abū Ayyūb ditolak dengan kasar.[85]

Pertempuran tidak dapat dielakkan lagi. Saidina Ali telah mengatur barisan untuk memerangi kaum Khawarij. Pasukan berkuda telah dipimpin oleh Abū Ayyūb. Kemudian saidina Ali telah menyerahkan bendera keamanan kepada Abū Ayyūb. Bendera itu diangkat tinggi sambil berdiri di atas kudanya beliau berkata:

> "Siapa yang berlindung di bawah bendera ini pasti aman, dan siapa yang pergi ke Kufah atau ke Madāin keluar dari jamaahnya pasti dia aman. Kita tidak bermaksud akan menumpahkan darah anda sekelian sesudah kita menemui pembunuh para ikhwan kita demi pelaksanaan qisas.[86]

Ramai juga yang membenarkan dan memperkenankan anjuran Abū Ayyūb itu lantas mereka meninggalkan barisan Khawarij dan

---

[85] M. Sabri, op. cit., h.7?.

[86] Ibid, h. 50.

teman-temannya. Abū Ayyūb telah bertindak sebagai utusan perdamaian dalam suasana fitnah yang amat tegang itu.

Pada akhirnya tentera saidina ʿAlī bertempur juga dengan pihak Khawārij di mana Abū Ayyūb telah berjaya membunuh ketua orang-orang Khawārij iaitu Zayd Ibn Husayn al-Ṭay. Dengan terbunuhnya ketua mereka, dengan mudah tentera saidina ʿAlī dapat menguasai mereka.

## 2.8. Shahid Di Konstantinople.

Di bawah panglima Yazid, tentera Islam telah bergerak menuju ke Konstantinople iaitu pusat pemerintahan kerajaan Rom.[87] Dalam pasukan itu juga telah disertai oleh Abū Ayyūb walaupun usianya pada masa itu telah mencapai lapan puluh tahun. Angkatan perang itu meneruskan perjalanan hingga sampai ke Konstantinople dan di sinilah terjadinya pertempuran yang hebat dan dahshat. Setelah beberapa hari bertempur usia beliau yang sudah lanjut itu tidak mengizinkan beliau untuk terus berperang. Akibatnya beliau jatuh sakit.[88] Teman-temannya ramai yang datang menziarahinya sambil mendoakan kesejahteraan beliau. Bila beliau mendengar doa

---

87 Hadji Sjech Sarhauan, Tokoh-Tokoh Islam Di Zaman Nabi, (Singapura: Pustaka Nasional, 1977 ), h. 19.

88 Abu ʿUmar Ibn ʿAbd Allah, Al-Istiʿab fi maʿrifah al-Aṣhab, J. IV, ( Mesir: Dar al-Nahḍah, t.t ), h. 

dari teman-temannya beliau berkata:

> "Jangan doakan kesejahteraannya tetapi ucapkanlah, ya Allah, kalau ajalnya akan tiba ampunilah dan berikanlah rahmat, akan tetapi sekiranya ajalnya masih belum tiba, sejahteralah ia dan sembuhlah" ia segera serta berilah ia ganjaran. [89]

Apabila Yazid mendengar berita kesakitan Abū Ayyūb, beliau telah datang menziarahinya. Yazid begitu menyintai Abū Ayyūb. Beliau mengakui Abū Ayyūb adalah seorang sahabat pilihan baginda Rasūlullāh(s.a.w.) yang patut mendapat penghormatan dan sanjungan. Lantaran itu beliau telah duduk di samping Abū Ayyūb sambil berdoa memohon kesejahteraan Abū Ayyūb. Sakit Abū Ayyūb semakin bertambah tenat. Beliau telah mewasiatkan agar jenazahnya dikebumikan di bumi musuh iaitu di Konstantinople. Pada keesokkan harinya kaum Muslimin mendapati Abū Ayyūb telah pun meninggal dunia. Ruhnya sudah melayang jauh. Dengan jiwa yang suci dan bersih beliau telah pergi mengadap Allah. Jenazahnya disembahyang dan diimami oleh Yazid. Selesai sembahyang jenazahnya diusung dan dibawa ke medan pertempuran untuk mencari suatu tempat yang baik dan sesuai dengan wasiat dan permintaannya.

Sepanjang hari itu pertempuran berkecamuk terus hinggalah matahari hampir terbenam barulah pertempuran semakin reda.

---

[89] Al-Sabri, op. cit, h. 95.

Dengan kesempatan inilah jenazah Abū Ayyūb telah diusung dan diangkat berhampiran dengan pagar Konstantinople untuk disemadikan.[90]

Oleh kerana buku-buku sejarah tidak menyebut dengan pasti tarikh kematian Abū Ayyūb, kita pun dengan sendiri tidak dapat mengatakannya. Ada setengah pendapat yang mengatakan, beliau meninggal dunia pada tahun 51H dalam usia lapan puluh tahun. Ada setengah pendapat pula mengatakan, beliau meninggal dunia dalam tahun 50H dan ada setengah pendapat pula mengatakan beliau meninggal dunia dalam tahun 52H.[91]

Setelah Abū Ayyūb meninggal dunia, tentera Islam pulang ke Madinah tanpa dapat menakluki kota Konstantinople. Walaupun begitu, kubur beliau dijaga dan dihormati oleh penduduk di sana. Meski pun pada masa Abū Ayyūb, kota Konstantinople tidak dapat dikuasai oleh tentera Islam, tetapi lama kelamaan pada 20 Jamadil Akhir tahun 87H, akhirnya kota Konstantinople dapat ditakluki oleh tentera Islam semasa pemerintahan Sultan Muhammad kedua.

Beliau telah memerintahkan supaya membina kubah di atas kubur Abū Ayyūb. Selain itu, beliau juga telah membangunkan

---

90 Abu Nu'aym Ahmad Ibn 'Abd Allah, Hilyah al-awliya'wa Tabaqat al-Asfiya', J.i, (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1967), h. 361.

91 Al-Asqalāni, Ibn Hajar, Tahdhib al-Tahdhib, J.iii, ( Dar al-Ma'arif, 1325H ), h. 91.

sebuah masjid yang besar dan luas berhampiran dengan kubur, serta sebuah sekolah yang besar sebagai tempat umat Islam belajar tafsir al-Qur'ān, hukum-hukum Islam serta sejarah Nabi-Nabi bersama para sahabatnya yang mulia seperti mujahid agung Abū Ayyūb al-Anṣāri.

## 2.9. Penghargaan Terhadap Kebaikannya.

Berdasarkan sifat-sifat yang dimilikinya, beliau telah mendapat penghargaan dari Rasulullāh(s.'a.w.) dan sahabat-sahabatnya. Pernah pada suatu hari, Abū Ayyūb telah mengunjungi Abd Allah Ibn 'Abbas yang ketika itu menjadi gabnor Basrah. Semasa beliau sampai di rumah 'Abd Allah, beliau disambut dengan penuh mesra seperti mana yang beliau lakukan kepada Rasūlullāh(s.'a.w.) dan sahabatnya, semasa Rasūlullāh(s.'a.w.) berkunjung ke rumah beliau suatu masa dahulu. Beliau telah dihadiahkan oleh Abd Allah seluruh isi rumah dan menghadiahkan wang sebanyak empat puluh ribu dengan ditambah seramai dua puluh orang budak sebagai membalas jasa beliau terhadap Rasūlullāh(s.'a.w.).[92] Dengan sifat-sifat yang ada pada beliau, Rasūlullāh(s.'a.w.) telah berdoa dengan doanya yang bermaksud:

---

[92] ...y Arifin, Kehidupan Para Sahabat Rasulullah, (Surabaya: Pt. ...ina Ilmu, 1.32 ), h. .1.

"Ya Allah, peliharalah Abu Ayyūb selalu
sebagaimana ia tidak tidur demi memeliharaku."

Akhirnya, memang telah menjadi kenyataan, di mana doa Rasūlullāh (s.a.w.) telah diperkenankan oleh Allah. Ini telah terbukti di mana Allah telah memelihara Abū Ayyūb sepanjang hayatnya dan begitu juga sesudah beliau meninggal dunia. Demikian juga, Rasūlullāh (s.a.w) pernah memuji kaum Ansar dengan doanya yang bermaksud:

"Ya Allah, ampunilah orang-orang Ansār
anak-anak orang Ansār dan cucu-cucu
orang Ansār.

# BAB TIGA

## TAKHRIJ HADITH

## BAB TIGA

# TAKHRIJ ḤADĪTH-HADĪTH RIWAYAT ABŪ AYYŪB AL-ANṢARI

Takhrij ḥadīth salah satu bidang yang penting untuk kita ketahui. Menerusinya, kita dapat membuat beberapa kajian mengenai sesuatu ḥadīth samada ianya sahih atau sebaliknya. Di samping itu juga, kita dapat mengetahui dengan jelas nama-nama perawi yang meriwayatkan sesebuah hadith secara langsung dari Rasūlullāh (s.a.w).

## 3.1. Pengertian Dan Tujuan Takhrij.

Dari segi bahasa takhrij diambil dari perkataan ( خ ر ج ) yang bermaksud terang dan nyata.[93] Apabila telah nyata kecerdikan seseorang itu ianya boleh memutuskan sesuatu masalah.[94] Ia juga diertikan dengan makna istinbat.[95]

Dari segi istilah pula. para ulama berpendapat, takhrij bermaksud ḥadīth itu dikeluarkan oleh sifulan, iaitu menyebut penyusunan ḥadīth bersama sanad-sanadnya di dalam kitab.

---

93 Ibrahim Mustafa dkk, op. cit, h. 223.

94 Ibn Manzūr, Lisān al-Arab, (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1955 ),h.250

95 Ibid, h. 251.

Dari pengertian ini, dapatlah disimpulkan, takhrij bermaksud mengeluarkan ḥadīth dari kitabnya yang asal dan menjelaskan kepada kita punca-punca pengambilan ḥadīth yang sebenarnya. Di samping itu juga, takhrij dapat menerangkan kepada kita nama-nama perawi yang meriwayatkan ḥadīth yang diambil dari Rasūlullāh (s.a.w). Takhrij juga bertujuan untuk mengetahui sumber-sumber sesebuah ḥadīth dan keadaannya samada ianya diterima atau sebaliknya.

3.2. Faedah Takhrij.

Takhrij ḥadīth mempunyai banyak faedah. Di antara faedahnya yang penting ialah, kita dapat mengetahui punca sebenar sesebuah ḥadīth. Ini kerana, seseorang pengkaji dapat mengenal orang yang mengeluarkan ḥadīth dan kedudukannya di dalam kitabnya yang asli. Menerusinya juga, kita dapat mengumpul sejumlah besar sanad-sanad ḥadīth di dalam sebuah kitab yang khusus dan juga dapat mengetahui keadaan sanad mengikut susunan dan turutan. Dengan ini, kita dapat memastikan kecacatan yang ada di dalamnya.

Di samping itu juga, menerusi takhrij ḥadīth kita dapat memastikan ḥadīth itu samada ianya sahih atau pun sebaliknya dan juga kita dapat menentukan samada sanadnya terputus atau pun tidak. Bidang takhrij juga dapat meninggikan mutu sesebuah ḥadīth. Dengan kadang-kadang terdapat ḥadīth daif dalam sesebuah riwayat.

takhrij kita memperolehi tanda-tanda untuk menguatkannya.

Takhrij juga membolehkan kita membezakan kecualian yang ada pada perawi. Kita juga dapat mengetahui pendapat Imam-Imam hadith dalam mengeluarkan hukum-hukum sesebuah hadith samada ia nya sahih atau sebaliknya. Kesamaran dalam sesebuah hadith dapat ditentukan melalui takhrij kerana adanya perawi yang tidak dikenali dalam meriwayatkan sesebuah hadith. Contohnya عن فلان atau pun عن رجل.

Percampuran dalam riwayat sesebuah hadith juga dapat diketahui melalui takhrij kerana kadang-kadang terdapat dalam sesebuah hadith perawinya tidak dinyatakan gelarannya. Di samping itu juga, pertambahan dalam riwayat hadith dapat diketahui dengan jelas. Ada juga hadith yang tidak sempurna untuk diambil hukum yang jelas daripadanya.

Terdapat juga dalam sesebuah hadith makna yang asing dan tidak jelas untuk kita ketahui . Takhrij dapat menghilangkan hukum-hukum yang cacat. Kadang-kadang terdapat pertentangan perawi dalam sesebuah lafaz hadith. Menerusinya, kita dapat membezakan pertentangan di antara perawi-perawi hadith mengenai matan hadith. Di dalam sesebuah hadith terdapat juga perawi yang terlupa sebahagian dari matan hadith. Menerusi takhrij kita dapat memastikan apa yang terlupa oleh seseorang perawi

hadith.

Kesalahan yang ada pada perawi dapat dibongkar menerusi bidang takhrij dan kita dapat mengetahui sesebuah hadith dengan secara lafaz. Ini kerana terdapat juga perawi hadith yang meriwayatkan sesebuah hadith dengan secara makna. Takhrij juga dapat menerangkan kepada kita waktu dan tempat berlakunya peristiwa sesebuah hadith. Mutu sesebuah hadith dapat diterangkan melalui takhrij kerana ianya bergantung kepada bilangan ramai atau kurangnya perawi yang meriwayatkannya. Kesalahan dalam penulisan samada dalam sanad atau pun dalam matan hadith dapat diketahui.

Takhrij juga dapat menghilangkan urutan sanad yang disembunyikan oleh seseorang perawi selepasnya. Ini terjadi, bila salah seseorang perawi yang menyembunyikan sanad sebelumnya yang mana ini menyebabkab terputusnya sanad. Dengan takhrij kita dapat pastikan urutan sanad yang disembunyikan oleh seseorang perawi.

## 3.3. Kaedah Mentakhrij Hadith-Hadith Riwayat Abū Ayyūb.

Bagi mentakhrij hadith-hadith riwayat Abū Ayyūb al-Anṣari, penulis telah menggunakan beberapa kaedah yang penting yang terdapat di dalam beberapa buah buku sebagai bahan rujukan. Antara

penulis telah menggunakan buku ذخائر المواريث [96] dan kitab sunan sittah[97] sebagai sumber rujukan yang utama.

Buku ذخائر المواريث dijadikan sumber rujukan yang utama kerana ia merupakan satu-satunya kitab yang menyusun ḥadīth berpandukan kepada rawi. Hingga setakat ini sepanjang yang diketahui tidak ada kitab yang paling mudah dirujuk ḥadīth-ḥadīth secara terperinci. Justru kerana itulah, penulis telah menggunakan kitab ذخائر المواريث bagi mendapatkan himpunan ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb al-Anṣārī.

Penulis juga menggunakan kitab sunan sittah bagi mendapatkan rujukan ḥadīth pada tempat yang asal. Dalam rujukan pada kitab sunan sittah beberapa perkara terpaksa dilakukan di mana penulis banyak menemui ḥadīth-ḥadīth yang berbeza susunan matan antara satu sama lain. Sebagai contohnya, ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb dalam kitab Bukhārī dengan matannya :-

اخبرني بعمل يدخلني الجنة قال ماله ماله وقال النبي صلى الله عليه وسلم ارب ماله تعبد الله ولا تشرك به شيئا وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصل الرحم.

---

96 Huraian lanjut mengenai ذخائر المواريث dan riwayat hidup pengarangnya, sila lihat dalam Lampiran A.

97 Huraian lanjut mengenai sunan sittah dan riwayat hidup pengarangnya sila lihat dalam Lampiran B.

Di dalam Kitab Muslim pula matannya berlainan dari yang ada dalam kitab Bukhari contohnya:-

يا رسول الله او يا محمد! اخبرني بما يقربني من الجنة
وما يباعدني من النار قال فكف النبي صلى الله عليه
وسلم. ثم نظر في اصحابه. ثم قال "لقد وفق او
لقد هدي" قال "كيف قلت؟" قال فاعاد فقال
النبي صلى الله عليه وسلم. تعبد الله لا تشرك به
شيئا وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصل الرحم. دع الناقة

3.4. <u>Takhrij Hadith</u>.

1. من جاء يعبد الله لا يشرك به شيئا

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya <u>Sunan Nasai</u> , dalam kitab المحاربة.[93]

2. غزونا نريد القسطنطينية.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitabnya <u>Sunan Abu Dawud</u> , dalam kitab الجهاد , Bab ولا تلقوا بايديكم الى التهلكة 3: 12-13 , dari Ahmad Ibn 'Amru.

Imam Tirmidhi juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya <u>Sunan Tirmidhi</u> dalam kitab تفسير القرآن , Bab من سورة البقرة 5:212 , dari 'Abd Ibn Hamid.

---

93 Setakat ini penulis belum menemui hadith tersebut kerana tidak terdapat kitab yang dinyatakan.

3. رأيت النبي صلى الله عليه وسلم
في السماء وأبواب في العلو

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الأشربة , Bab إباحة أكل الثوم وأنه ينبغي لمن أراد خطاب الكبار تركه وكذا ما في معناه 2: 1623-1624, dari Ḥajjāj Ibn al-Sha'ir dan Ahmad Ibn Sa'id.

4. اسمع صوتا فقال اليهود تعذب في قبورها

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya Sahih Bukhāri , dalam Kitab الجنائز , Bab التعوذ من عذاب القبر , 1:123-124, dari Muhammad Ibn Muthanna.

Imam Muslim juga meriwayatkan dalam kitabnya Sahih Muslim dalam Kitab الجنة وصفة نعيمها وأهلها , Bab التعوذ من عذاب القبر 3:2200, Bil. H. 2869, dari Abi Bakr.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Nasāi, dalam Kitab الجنائز , Bab التعوذ من عذاب القبر 4:102 , dari Ubaydullāh Ibn Sa'id.

5. كان إذا أتي بطعام وأكل منه بعث بفضله إلي

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الأشربة , Bab إباحة أكل الثوم فانه ينبغي لمن أراد خطاب الكبار تركه وكذا ما في معناه 2:1623, Bil. H. 2053, dari Abi Musa dan Muhammad Ibn Bashar.

6. والله ما ادري ما اصنع بهذه الكرابيس

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi , dalam Kitab الطهارة , Bab النهى عن استقبال القبلة عند 1:22, dari Muhammad Ibn Salmah dan Harith Ibn Miskin.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' Mālik dalam kitabnya Muwatta' dalam Kitab القبلة, Bab النهى عن استقبال القبلة والانسان على حاجة 1:193 dari Ishaq Ibn ʻAbd ʻAllah dan Ibn Abi Talhah.

7. الصلوات الخمس والجمعة الى الجمعة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab تحت كل شعرة جنابة 1:196, dari Hisham Ibn ʻAmmar.

8. من توضأ كما امر وصلى كما امر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi,dalam Kitab الطهارة , Bab ثواب من توضأ كما امر 1:90-91, dari Qutaybah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الطهارة , Bab ثواب من توضأ كما امر

1: 156 , dari Muhammad Ibn Ramah.

9. في غسل المحرم رأسه

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari , dalam Kitab الحج , Bab إغتسال المحرم 1:215, dari 'Abd 'Allah Ibn Yusuf.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab nya Sahih Muslim dalam Kitab الحج , Bab جواز غسل المحرم بدنه ورأسه 2:864, Bil.H.1205, dari Qutaybah, Abi Bakr Ibn Abi Shibah, 'Amru, Naqid dan Zuhayr Ibn Harb.

Imam Abu Dawud dalam kitabnya Sunan Abu Dawud , dalam Kitab الحج , Bab المحرم يغتسل 2:168-169, dari 'Abd 'Allah Ibn Maslamah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitab nya Sunan Nasai , dalam Kitab الحج , Bab غسل المحرم 5:98 dari Qutaybah .

Imam Ibn Majah pula meriwayatkan dalam kitabnya Sunan Ibn Majah , dalam Kitab المناسك , Bab المحرم يغسل رأسه 2:978-979, dari Abi Mas'ab Ahmad Ibn Abi Bakr.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' dalam kitabnya Muwatta', dalam Kitab الحج , Bab غسل المحرم 1:323 , dari Zayd Ibn 'Aslam.

10. توضأ مما غيرت النار

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya Sunan Nasai , dalam Kitab الطهارة , Bab الوضوء مما غيرت النار 1:206 , dari 'Amru Ibn 'Ali dan Muhammad Ibn Bashar.

11. جمع المغرب والعشاء بالمزدلفة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari , dalam Kitab الحج , Bab من جمع بينهما ولم يتطوع 1:177 dari Khalid Ibn Mukhallad dan Qa'ni.

Imam Muslim pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab الحج , Bab الإفاضة من عرفات إلى المزدلفة 2:937, dil.H. 1287, dari Yahya Ibn Yahya , Qutaybah dan Muhammad Ibn Ramah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasai dalam kitabnya Sunan Nasai, dalam Kitab الحج , Bab الجمع بين الصلاتين بالمزدلفة 5:209 dari Qutaybah dan Yahya Ibn Habib Ibn 'Arabi.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitab nya <u>Sunan Ibn Mājah</u> , dalam Kitab المناسك , Bab الجمع بين الصلاتين جمع 2:1005, dari Muhammad Ibn Ramah.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Muwatta' Mālik dalam kitabnya <u>Muwatta'</u>, dalam Kitab الحج , Bab الجمع بين الصلاتين جمع 1:401, dari ʿAdi Ibn Thabit.

12. غدوة وروحة في سبيل الله

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya <u>Sahih Muslim</u> , dalam Kitab الإمارة , Bab فضل الغدوة والروحة في سبيل الله 3:1500, Bil.H. 1883, dari Abi Bakr Ibn Abi Shibah, Ishaq Ibn Ibrahim dan Zuhayr Ibn Harb.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya <u>Sunan Nasāi</u> , dalam Kitab الجهاد , Bab فضل الروحة في سبيل الله 6:14, dari Muhammad Ibn ʿAbd ʿAllah Ibn Yazid.

13. كان إذا أكل أو شرب قال الحمد لله

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitab nya <u>Sunan Abū Dawūd</u> , dalam Kitab الأطعمة , Bab ما يقول الرجل إذا طعم 3:366, dari Ahmad Ibn Salāh .

14. من فرق بين والدة وولدها

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab البيوع, Bab ما جاء في كراهية أن يفرق بين الأخوين أو بين الوالدة وولدها في البيع, 2:376, dari Umar Ibn Hafas.

15. الماء من الماء

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitabnya Sunan Nasāi, dalam Kitab الطهارة, Bab الذي يحتلم ولا يرى الماء 1:115, dari ʿAbd al-Jabbār Ibn al-ʿUla.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan hadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab الطهارة وسننها, Bab الماء من الماء 1: 199, dari Muhammad Ibn Sabah.

16. من مس فرجه فليتوضأ

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibnu Mājah dalam kitabnya Sunan Ibnu Mājah, dalam Kitab الطهارة وسننها, Bab الوضوء من مس الذكر 1:162, dari Sufian Ibn Waqiʿ.

17. من قال لا إله إلا الله وحده لا شريك له

Hadīth ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhāri, dalam Kitab الدعوات, Bab فضل التهليل 3:167,

dari ʿAbd ʿAllah Ibn Muhammad.

Imam Muslim juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Muslim, dalam Kitab الذكر والدعاء والتوبة والاستغفار, Bab فضل التهليل والتسبيح والدعاء 4:2071, Bil.H. 2693, dari Abū Ayyub Sulayman Ibn ʿUbaydullah.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الدعوات, Bab ما جاء في فضل التوبة والاستغفار وما ذكر من رحمة الله لعباده, 5:215, dari Musa Ibn ʿAbd al-Rahmān al-Kufi.

18. اذا عطس احدكم فليقل الحمد لله

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الأدب, Bab ما جاء كيف يشمت العاطس 4:178, dari Mahmud Ibn Ghaylan.

19. كانت لي سهوة فيها تمر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab فضائل القرآن, Bab ما جاء في سورة البقرة وآية الكرسي [illegible]2, dari Muhammad Ibn Bashar.

20. نهى عن قتل الصبر

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitab nya Sunan Abū Dawūd, dalam Kitab الجهاد, Bab في قتل الأسير بالنبل 3:60-61 dari Sa'id Ibn Mansur.

21. عظني وأوجز

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab الزهد, Bab الحكمة 2:1396 dari Muhammad Ibn Zayyād.

22. إذا جامع الرجل امرأة ولم يمن

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim Sharah Nawawi, dalam Kitab الطهارة, Bab بيان أن الغسل يجب بالجماع 3:28-29, dari 'Abd al-Warith Ibn 'Abd al-Samad.

23. إذا أتى أحدكم الغائط فلا يستقبل القبلة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhāri dalam kitabnya Sahih Bukhāri, dalam Kitab الطهارة, Bab لا يستقبل القبلة بغائط أو بول إلا عند البناء جدار أو نحوه 1:40, dari Adam.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab nya Sahih Muslim, dalam Kitab الطهارة, Bab لا يستقبل القبلة

1:224, Bil.h. 264 dari Zuhayr dan Ibn Numayr.

Imam Abū Dawud juga meriwayatkan ḥadith ini dalam kitab nya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الطهارة , Bab كراهية استقبال القبلة عند قضاء الحاجة 1:3 dari Madad.

Ḥadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab الطهارة , Bab النهى عن استقبال القبلة بغائط او بول 1:8 dari Sa'id Ibn 'Abd al-Rahmān.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadith ini dalam kitabnya Sunan Nasāi dalam Kitab الطهارة , Bab الامر باستقبال المشرق والمغرب عند الحاجة 1:23 dari Muhammad Ibn Mansūr dan Ya'kūb Ibn Ibrāhim.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadith ini dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab الطهارة , Bab النهى عن استقبال القبلة بغائط او بول 1:115 dari Abu Tahir Ibn al-Sarhi .

24. لا يحل لمسلم أن يهجر أخاه فوق ثلاث

Ḥadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari , dalam Kitab الأدب Bab الهجرة 3:91 dari 'Abd Allāh Ibn Yusuf dan 'Ali.

Imam Muslim pula meriwayatkan ḥadith ini dalam kitabnya

Sahih Muslim , dalam Kitab البر والصلة والآداب , Bab تحريم الهجر فوق ثلاث بلا عذر شرعي 4:1984 , Bil.H. 2560 dari Yahya Ibn Yahya.

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd , dalam Kitab الأدب , Bab فيمن يهجر أخاه المسلم 4:278-279 dari al-Qa'ni.

Imam Tirmidhi pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi ,dalam Kitab الاستئذان والآداب , Bab ما جاء في كراهية الهجر للمسلم 4:?27 dari Muhammad Ibn Yahya.

Imam Muwatta' Malik juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Muwatta', dalam Kitab حسن الخلق , Bab ما جاء في المهاجرة 2:906-907 dari Ibn Shihab.

25. الوتر حق على كل مسلم

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd, dalam Kitab الصلاة , Bab كم الوتر 2:62 dari 'Abd al-Rahmān Ibn Mubārak.

Imam Nasāi pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sunan Nasāi dalam Kitab الصلاة , Bab ذكر الاختلاف على الزهري في حديث أبي أيوب في الوتر 3:196-197 dari Abdah Ibn Walid 'Amru Ibn 'Uthmān, Harith Ibn Miskin dan Rabi' Ibn Sulaymān.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitab nya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab إقامة الصلاة والسنة فيها , Bab ما جاء في الوتر بثلاث وخمس وسبع 1:376 dari Dahim.

26. كيف كانت الضحايا

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab الأضاحي , Bab ما جاء أن الشاة الواحدة تجزي عن أهل البيت 3:51 dari Yahya Ibn Musa.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab الأضاحي , Bab من ضحى بشاة عن أهله 2:1051 dari ʻAbd al-Raḥmān Ibn Ibrahim.

Imam Muwatta' Malik juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Muwatta' dalam Kitab الضحايا , Bab الشركة في الضحايا وعن كم تذبح البقرة والبدنة 2:486 dari ʻImarah Ibn Sayyād.

27. من صام رمضان وأتبعه بست من شوال

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim dalam Kitab الصيام , Bab استحباب صوم ستة أيام من شوال إتباعا لرمضان 1:822, Bil.H. 1164 dari Yahya Ibn Ayyub, Qutaybah dan Ali Ibn Hajar.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصوم, Bab في صوم الستة أيام من شوال 2:324 dari Nafir.

- - - - - - - - -

Imam Tirmidhi pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab الصوم, Bab ما جاء في صيام ستة أيام من شوال 3:123 dari Ahmad Ibn Muni'.

Imam Ibn Mājah meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab الصيام, Bab صيام ستة أيام من شوال 1:547 dari 'Ali Ibn Muhammad.

28. أربع قبل الظهر تفتح لهن أبواب السماء

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصلاة, Bab الأربع قبل الظهر وبعدها 2:23 dari Muhammad Ibn Muthanna.

Imam Ibn Mājah pula meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab إقامة الصلاة والسنة فيها, Bab في الأربع الركعات قبل الظهر 1:365-366 dari 'Ali Ibn Muhammad.

29. قدم أبو أيوب غازيا وعقبة فأخر المغرب

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd dalam Kitab الصلاة, Bab في وقت المغرب 2:113-114.

dari Qawariri.

30. إن أبا أيوب أتي بتمرة طامسة ما أكلها

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawud dalam kitab الأطعمة.[99]

31. كيلوا طعامكم

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah dalam Kitab التجارات , Bab ما يرجى في كيل الطعام من البركة 2:751 dari Amru Ibn Uthmān.

32. أخبرني بعمل يدخلني الجنة

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari dalam Kitab الزكاة , Bab وجوب الزكاة 1:108-109 dari Hafas Ibn ʻUmar dan Abū al-Walid.

Imam Muslim pula meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Muslim dalam Kitab الإيمان , Bab باب الإيمان الذي يدخل به الجنة وأن من تمسك بما أمر به دخل الجنة 1:33-34, Bil.H. 13 dari Muhammad Ibn Numayr dan ʻAmru Ibn Uthmān.

---

[99] Setakat ini penulis belum menemui hadith tersebut kerana tidak terdapat kitab yang dinyatakan.

Ḥadīth ini juga diriwayatkan oleh Imam Nasāi dalam kitab-nya Sunan Nasāi dalam Kitab الصلاة , Bab الصلاة مع أئمة الجور 1:139 dari Muhammad Ibn Uthmān.

33. الأنصار ومزينة وجهينة وأسلم خير من بني كعب

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya Sahih Muslim , dalam Kitab فضائل الصحابة, Bab من فضائل غفار وأسلم وجهينة وأشجع ومزينة وتميم ودوس وطيء 2:1954, Bil.H. 2515 dari Zuhayr Ibn Harb.

Imam Tirmidhi juga meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Tirmidhi dalam Kitab المناقب , Bab في غفار وأسلم وجهينة ومزينة 5:385 dari Ahmad Ibn Muniʿ.

34. ما من نبي إلا له بطانتان

Imam Nasāi telah meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Nasāi, dalam Kitab الإمارة, Bab بطانة الإمام 4:141-142, dari Muhammad Ibn ʿAbd ʿAllāh Ibn ʿAbd al-Hakam.

35. ستفتح عليكم الأمصار

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Abū Dawūd dalam kitabnya Sunan Abū Dawūd ,dalam Kitab الجهاد , Bab في الجعائل في الغزو 3:16, dari Ibrāhīm Ibn Mūsa al-Rāzi.

36. إني أحب الحصان في الجنة خيل

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi , dalam Kitab صفة الجنة , Bab ما جاء في صفة الخيل أهل الجنة 4:87, dari Muhammad Ibn Ismāil.

37. توضأ فخلل لحيته

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Mājah dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah, dalam Kitab الطهارة وسننها , Bab ما جاء في تخليل اللحية 1:149 dari Ismāil Ibn ʿAbd Allāh al-Raqi.

38. هذا السلام فما الاستئناس

Imam Ibn Mājah meriwayatkan ḥadīth ini dalam kitabnya Sunan Ibn Mājah , dalam Kitab الأدب , Bab الاستئذان 2:1221 dari Abi Bakr Ibn Abi Shibah.

39. أربع من سنن المرسلين

Ḥadīth ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya Sunan Tirmidhi, dalam Kitab النكاح , Bab ما جاء في فضل التزويج والحث عليه [illegible]:91 dari Sufian Ibn Waqiʿ.

40. كنت كتمت عنكم شيئا سمعته لولا انكم
تذنبوا لخلقت خلقا

Imam Muslim meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya **Sahih Muslim**, dalam Kitab التوبة , Bab سقوط الذنوب بالاستغفار توبة 4:2105-2106, Bil.H. 2748, dari Qutaybah dan Harun Ibn Sa'id.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya **Sunan Tirmidhi**, dalam Kitab الدعوات , Bab ما جاء في فضل التوبة والاستغفار وما ذكر من رحمة الله لعباده 5:207-208 dari Qutaybah.

41. في الرجل يصلي في منزله الصلاة ثم
يأتي المسجد فيصلي معهم .

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dalam kitabnya **Sunan Abu Dawud**, dalam Kitab الصلاة , Bab فيمن صلى في منزله ثم أدرك الجماعة يصلي معهم 1:158, dari Ahmad Ibn Salih.

Imam Muwatta' Malik juga meriwayatkan hadith ini dalam kitabnya **Muwatta'**, dalam Kitab صلاة الجماعة , Bab من صلى في منزله ثم يأتي بالجماعة 1:133, dari 'Afif Ibn 'Amru al-Sahmi.

42. أيعجز أحدكم أن يقرأ في ليلة ثلث القرآن وفيه فضل قل هو الله أحد

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi dalam kitabnya **Sunan Tirmidhi** dalam Kitab فضائل القرآن , Bab ما جاء في سورة الإخلاص 4:240-241, dari Qutaybah dan Muhammad Ibn Bashar.

Imam Nasāi pula meriwayatkan ḥadith ini dalam kitabnya <u>Sunan Nasāi</u>, dalam Kitab فضائل القرآن, Bab ماجاء في سورة الإخلاص 2:133, dari Muhammad Ibn Bashar, Abi Bakr Ibn Ali, Zakariya Ibn Yahya dan Ahmād.

# BAB EMPAT

# INTISARI ḤADĪTH

# BAB EMPAT

## INTISARI ḤADĪTH-ḤADĪTH RIWAYAT ABŪ AYYŪB AL-ANṢĀRI

Perbicaraan ḥadīth-ḥadīth Rasūlullāh(s.a.w) terbahagi kepada empat bidang yang penting iaitu bidang akidah, ibadah , muamalah dan sirah Nabawiah. Oleh kerana hadīth-hadīth ini merangkumi berbagai-bagai bidang yang penting, penulis merasakan ianya patut dibuat pembahagian supaya memudahkan untuk merujuk tentang hukum-hukum yang terkandung di dalamnya dan dapat difaedah darinya.

### 4.1. Pengertian Akidah .

Dari segi bahasa ianya berasal dari perkataan عقد yang bermaksud pegangan iaitu apa yang dipercayai oleh seseorang yang ada pegangan terhadap sesuatu yang benar.[100]

Dari sudut istilah pula, ia adalah kumpulan dari pemikiran dan dasar-dasar yang dipercayai oleh penganutnya serta mengandungi keterangan yang benar terhadap alam dan kehidupan manusia. Ianya terbit dari buah fikiran yang satu yang membawa kepada kebaikan.[101]

---

[100] Dr. Faruq Ahmad Dasuki, Naẓirat fi al-'Aqidah al-Islamiyyah, Iskandariah: Dar al-Da'wah )h. 90.

[101] Ibid.

4.2. Ciri-Ciri Akidah.

Di antara ciri-ciri yang terkandung dalam akidah ialah:-

a. Percaya kepada Allāh.

Perkara perta yang dituntut oleh Islam ke atas hambanya ialah menjadi Muslim yang beriman kepada Allāh. Kita hendaklah mempercayai kewujudan Allāh kerana Dialah yang berkuasa di atas segala sesuatu makhluknya.

b. Percaya kepada Nabi dan Rasūl.

Allāh telah mengutuskan para-para Nabi dan Rasūl untuk membimbing manusia ke jalan yang diredaiNya. Para Nabi dan Rasūl telah pun menyampaikan segala perintah dan larangan Allāh serta janji dan ancamannya. Maka dengan ini wajiblah ke atas kita membenarkan apa yang dibawanya.

c. Percaya kepada Malaikat.

Beriman dengan Malaikat mengandungi sifat-sifat mereka seperti tidak lelaki dan tidak perempuan, dijadikan daripada nur tidak makan dan tidak minum, tidak durhaka kepada Allāh dan juga mempercayai dengan tugas-tugas yang telah ditetapkan.

d. Percaya kepada Kitab.

Beriman kepada kitab mengandungi semua kitab yang diturunka kan termasuklah suhuf-suhuf, Tawrat , Zabur, Injil dan Al-Qur'ān.

e. Percaya kepada hari Qiamat.

Beriman dengan hari Qiamat adalah termasuk di dalamnya berhubung dengan tanda-tanda Qiamat samada yang besar atau pun yang kecil dan segala permulaan Qiamat seperti yang telah di-sebut di dalam al-Qur'ān dan Ḥadīth.

f. Percaya kepada Qada' dan Qadar.

Beriman kepada Qada' dan Qadar adalah salah satu dari rukun Iman. Sesungguhnya segala yang menimpa di dalam kehidupan tidak dapat dielakkan kerana telah ditakdirkan oleh Allāh dan dapat ditolak . Reda dengan Qada' dan Qadar akan memperolehi ganjaran yang banyak dari Allāh.

Berdasarkan pembahagian ini, penulis membahagikan ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Ayyūb kepada beberapa ciri. Antara ḥadīth-ḥadīth yang membicarakan soal akidah ialah ḥadīth yang ke 4, 32 dan 36. Di antara ciri-ciri akidah yang terdapat di dalam ḥadīth riwayat Abū Ayyūb ialah:-

i. Mengenai percaya kepada hari Akhirat.

Ḥadīth Abū Ayyūb yang membicarakan tentang azab kubur ia-lah ḥadīth yang ke 4. Dalam ḥadīth ini diceritakan bagaimana Rasūlullāh(s.a.w) telah melintasi satu tanah perkuburan Yahudi dan baginda telah mendengar suara orang Yahudi yang sedang di-azab dalam kuburnya. Dari sini dapatlah kita mengambil

kesimpulan bahawa orang-orang yang ingkar dan menyengutukan Allāh akan menerima azab di dalam kuburnya sebelum menanti siksaan yang pedih di hari Qiamat kelak.[102]

Dalam ḥadīth yang ke 32 pula membicarakan tentang amalan yang boleh membawa kita ke shurga. Ini digambarkan menerusi seorang sahabat Rasūlullāh (s.a.w) yang menanyakan amalan yang dapat membawa seseorang untuk dimasukkan ke dalam shurga. Dari ḥadīth ini dapatlah kita mengetahui, beriman kepada Allah dengan tiada penyengutuan sesuatu pun dapat membawa seseorang ke dalam shurga.[103]

Dalam ḥadīth yang ke 36 pula menceritakan salah satu gambaran yang menarik yang akan dinikmati oleh ahli shurga. Ahli-ahli shurga akan disediakan oleh Allah dengan nikmat yang berupa kuda dari yaqut yang boleh membawa ahli shurga ketempat yang diinginiinya.[104]

## 4.3. Pengertian Ibadah .

Dari sudut bahasa perkataan ibadah bererti طاعة, yang bermaksud ketaatan atau pun kepatuhan[105]

---

102 Rujuk Lampiran C, h. 135

103 Rujuk Lampiran C, h. 138

104 Ibn Manzūr, op. cit, h. 272.

Dari sudut istilah pula perkataan ibadah bermaksud semua perkara yang disukai dan diredai oleh Allah samada amalan batin atau pun amalan zahir.[106]

## 4.4. Ciri-Ciri Ibadah.

Di antara ciri-ciri yang terkandung dalam ibadah ialah:-

a. Sembahyang.

Sembahyang terbahagi kepada dua jenis iaitu sembahyang fardu dan sembahyang sunat. Sembahyang fardu ialah sembahyang lima waktu sehari semalam iaitu sembahyang subuh, zuhur, asar maghrib dan ishak. Sembahyang sunat pula ialah sunat rawatib, witir, tahajjud, tasbih dan sebagainya.

b. Puasa.

Puasa juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu puasa wajib dan puasa sunat. Puasa wajib ialah puasa bulan Ramadan, puasa nazar dan sebagainya. Puasa sunat pula ialah puasa pada hari Isnin dan Khamis, pada enam hari bulan Shawal dan sebagainya.

c. Zakat dan Sedekah.

Zakat yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam ialah

---

106 Ibn Taymiyyah, Al-'Ubudiyyah, (Maktab Islami, t.t ), h. 38.

zakat fitrah, zakat harta benda dan sebagainya. Manakala sedokah pula ialah pemberian secara sukarela dari lebihan harta kepada orang-orang yang memerlukan bantuan.

d. Haji dan Umrah.

Fardu haji hanya diwajibkan ke atas orang-orang Islam yang berkuasa sekali seumur hidup. Dengan menyempurnakan ibadat haji akan sempurnalah Islam seseorang itu. Umrah pula merupakan amalan sunat semasa kita berada di Mekah. Ianya boleh dilakukan mengikut kemampuan kita.

e. Membaca al-Qur'ān dan Zikir.

Sebagai seorang Muslim, kita hendaklah sentiasa membaca al-Qur'ān dan memperbanyakkan zikir kepada Allāh kerana ianya merupakan penawar yang paling mujarab di dalam menghadapi segala permasalahan hidup. Ianya laksana cahaya yang menerangi kehidupan manusia di alam ini.

f. Bersuci.

Islam menggalakkan umatnya supaya menjaga kebersihan samada dari segi lahir atau pun batin. Oleh itu kita disuruh supaya menyucikan diri kita dari segala ḥadaṯh samada kecil atau besar. Termasuk dalam perkara bersuci ialah mandi ḥadaṯh wudu', tayammum dan sebagainya.

Di antara ḥadīth-ḥadīth Abū Ayyūb yang membicarakan soal soal ibadah ialah ḥadīth yang ke 7, 8, 9, 10, 11, 15, 16, 17, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 32, 37, 40, 41 dan 42.

Ciri-ciri ibadah yang terdapat dalam ḥadīth-ḥadīth Abū Ayyūb ialah yang berhubung dengan:-

i. Sembahyang.

Dalam ḥadīth yang ke 7, diterangkan bahawa sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat hingga ke satu Jumaat yang lain adalah penebus kepada dosa-dosa yang pernah kita lakukan.[107]

Ḥadīth yang ke 8, pula menerangkan kepada kita balasan yang akan diperolehi bagi orang yang mengerjakan sembahyang men mengikut suruhan yang betul. Allāh akan mengampuni segala dosa-dosa yang pernah dilakukannya dahulu.[108]

Ḥadīth yang ke 11 pula menerangkan kepada kita tentang keharusan menghimpunkan sembahyang maghrib dan ishak dalam satu waktu. Hal ini telah dilakukan oleh Rasūlullāh(s.a.w ) sewaktu baginda mengerjakan haji wida' (perpisahan ).[109]

Apabila kita berdiri untuk mengerjakan sembahyang, hendak

---

107 Rujuk Lampiran C, h. 134
108 Rujuk Lampiran C, h. 134
109 Rujuk Lampiran C, h. 135

lah kita lakukan seolah-olah sembahyang untuk kali terakhir dalam kehidupan kita iaitu sembahyang selamat tinggal. Ini diterangkan dalam ḥadīth yang ke 21.[110]

Sembahyang sunat witir adalah dituntut untuk kita kerjakan. Ianya merupakan hak di ata setiap Muslim. Dalam ḥadīth yang ke 25 ini menerangkan kepada kita keharusan mengerjakannya mengikut bilangan rakaat yang kita kehendaki samada satu, tiga dan lima. Kita digalakkan mengerjakannya mengikut bilangan rakaat yang ganjil.[111]

Ḥadīth yang ke 28, menerangkan kepada kita mengenai sembahyang sunat empat rakaat sebelum zuhur mempunyai ganjaran yang besar disisi Allāh. Allāh akan membukakan segala pintu-pintu langit kepada sesiapa yang mengerjakannya.[112]

Dalam ḥadīth yang ke 32 pula menerangkan bahawa sembahyang yang kita lakukan akan membawa kita ke shurga Allāh. Seseorang yang mengerjakan sembahyang mengikut cara-cara yang betul akan memperolehi balasan yang besar disisi Allah.[113]

---

[110] Rujuk <u>Lampiran C</u>, h. 137

[111] Rujuk <u>Lampiran C</u>, h. 137

[112] Rujūk <u>Lampiran C</u>, h. 138

[113] Rujuk Lampiran C, h. 138

Hadith yang ke 41 pula menerangkan keharusan bagi siapa yang telah mengerjakan sembahyang di rumahnya, kemudian bila dia datang ke masjid dia mendapati Imam telah sembahyang lalu dia mengikutinya. Dengan ini, dia akan memperolehi pahala sembahyang jamaah.[114]

ii. Puasa.

Hadith yang ke 27 menerangkan kepada kita tentang kelebihan puasa pada bulan Shawal. Sesiapa yang mengerjakannya sebulan pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari pada bualn Shawal, Allāh akan memberi pahala yang menyamai puasa selama setahun.[115]

iii. Haji.

Dalam hadith yang ke 9 pula menerangkan tentang keharusan membasuh kepala ketika menunaikan ihram semasa mengerjakan haji. Ini telah ditunjukkan oleh Abū Ayyūb al-Anṣāri mengenai cara-cara membasuh kepala sepertimana yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w).[116]

iv. Zakat.

Dalam hadith yang ke 32, menerangkan kepada kita bahawa

---

114 Rujuk Lampiran C, h. 140

115 Rujuk Lampiran C, h. 138

116 Rujuk Lampiran C, h. 134

menunaikan zakat sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allāh akan membawa seseorang itu memasuki shurga Allāh. Dari sini dapatlah kita mengambil pengajaran bahawa zakat dapat menghindari diri kita dari api neraka.[117]

v. Sedekah.

Hadīth yang ke 26 pula menerangkan kepada kita peristiwa yang berlaku di zaman Rasūlullāh (s.ā.w) di mana umat Islam pada ketika itu menyedekahkan makanan korban mereka untuk sama-sama dinikmati oleh jiran-jiran mereka. Mereka mengutamakan jiran mereka apabila mengadakan sesuatu korban.[118]

vi. Membaca al-Qur'ān dan zikir.

Dalam ḥadīth yang ke 17, menyatakan kepada kita kelebihan-kelebihan yang diperolehi bagi sesiapa yang berzikir memuji Allāh sebanyak seratus kali sehari. Allāh akan memberi ganjaran pahala sebanyak pahala memerdekakan sepuluh orang budak dan dicatat untuk nya seratus kebajikan dan dihapus seratu kesalahan serta dipelihara dari gangguan shaitan.[119]

Ḥadīth yang ke 40 pula menerangkan supaya kita sentiasa memohon keampunan dari Allāh walaupun kita tidak melakukan dosa.

---

117 Rujuk Lampiran C, h. 138
118 Rujuk Lampiran C, h. 137
119 Rujuk Lampiran C; h. 135

ini kerana Allāh akan mengampuni dosa orang lain hasil dari kita memohon keampunan.[120]

Surah al-Baqarah mempunyai kelebihan yang banyak. Ini telah diterangkan menerusi ḥadīth yang ke 42, di mana dalam ḥadīth ini dinyatakan barangsiapa yang membacanya di dalam sembahyang Allāh akan memberi pahala sepertimana pahala orang yang membaca satu pertiga dari al-Qur'ān.[121]

vii. Bersuci,

Mengenai ḥadīth yang ke 7 pula, diterangkan kepada kita bahawa mandi junub adalah salah satu termasuk di dalam menunaikan amanah. Ini kerana walaupun orang tidak melihat bagaimana cara-cara kita mandi tetapi dengan sifat amanah yang ada, kita dapat melaksanakan mengikut cara yang betul iaitu meratakan air ke keseluruhan badan hingga ke hujung rambut.[122]

Sesiapa yang menyempurnakan air sembahyang sebagaimana yang disuruh mengikut cara-cara yang telah diajar oleh Rasūlullāh (s.a.w), maka dosa-dosa yang pernah dilakukan akan diampun oleh Allāh. Hal ini dinyatakan dalam ḥadīth yang ke 8.[123]

---

120 Rujuk Lampiran C, h. 140
121 Rujuk Lampiran C, h. 140
122 Rujuk Lampiran C, h 134
122 Rujuk Lampiran C, h. 134

Dalam hadīth yang ke 10, Rasūlullāh (s.a.w), menyuruh kita sentiasa mengambil air sembahyang kerana dengannya dapat menghindarkan kita dari kepanasan api neraka.[123]

Melakukan perkara yang menyebabkan berlakunya ḥadath besar membawa seseorang itu wajib mandi ḥadath. Dalam ḥadīth yang ke 15 ini menerangkan kepada kita sesiapa yang mengeluarkan air mani maka diwajibkan ke atasnya mandi ḥadath besar.[124]

Mengenai ḥadīth yang ke 16 pula menerangkan kepada kita salah satu yang menyebabkan terbatalnya air sembahyang. Dalam ḥadīth ini menyebutkan apabila kita menyentuh kemaluan dengan tangan maka akan terbatal air sembahyang.[125]

Dalam ḥadīth yang ke 22 pula menyatakan kepada kita salah satu perkara yang menyebabkan mandi ḥadath. Ḥadīth ini menyebut sesiapa yang melakukan persetubuhan walaupun tidak mengeluarkan mani maka diwajibkan juga mandi ḥadath besar.[126]

Ḥadīth yang ke 17 menerangkan kepada kita cara-cara yang

---

123 Rujuk Lampiran C, h. 135

124 Rujuk Lampiran C, h. 135

125 Rujuk Lampiran C, h. 135

126 Rujuk Lampiran C, h. 137

dilakukan oleh Rasūlullāh (s.a.w) sewaktu mengambil air sembahyang baginda meratakan air hingga ke bahagian sulit iaitu bahagian janggut. Dari sini dapatlah kita simpulkan bahawa air sembahyang hendaklah kita ratakan keseluruh bahagian-bahagian wudu' hingga di celah-celah yang sulit.[127]

## 4.5. Pengertian Mu'amalat.

Dari sudut bahasa ianya masdar (kata terbitan ) dari perkataan يعامل معاملة . Ianya berasal dari perkataan عمل . يعمل yang bererti pekerjaan.

Dari sudut istilah pula ianya bermaksud hukum-hukum yang berkaitan dengan amalan dan urusan manusia yang bertujuan untuk kemaslahatan duniawi serta menjalinkan perhubungan antara seorang individu dengan individu yang lain atau pun antara masyarakat dengan masyarakat yang lain.[128]

## 4.5. Ciri-Ciri Muʿamalat.

a. Jual beli.

Ianya bermaksud pertukaran yang dilakukan oleh dua orang

---

127 Rujuk Lampiran C, h. 159

128 Badran Abū ʿAynāni Badrān, Sharīʿat Islamiyyah , (Madara al-Kitab, 1974,), h. 11.

dalam harta benda dengan harga yang telah ditetapkan bernerta ijab dan qabul.

b. Adab dan peraturan.

Di antara perkara yang termasuk di dalam adab ialah adab makan minum, adab memuliakan tetamu, adab dalam pergaulan dan sebagainya.

c. 'Imarah (Pemerintahan ).

Urusan yang berkaitan dengan soal-soal pemerinmtahan juga digolongkan dalam bab adab. Ini termasuklah mengendalikah dan mentadbirkan sistem-sistem pentadbiran dengan cara yang baik.

d. Perkahwinan.

Perkahwinan adalah dituntut dalam Islam bagi orang-orang yang mempunyai kemampuan. Melaluinya akan lahirlah generasi yang dapat dididik dengan sempurna di bawah naungan ibubapa. Ianya merupakan sunnah Rasūlullāh(s.a.w).

Ḥadīth-ḥadīth Abū Ayyūb yang membicarakan soal mu'amalat ialah ḥadīth yang ke 3, 5, 6, 13, 14, 18, 21, 23, 24, 31, 32, 34 dan 38.

Di antara ciri-ciri mu'amalat yang terdapat dalam ḥadīth ini ialah yang berhubung dengan:-

i. Jual beli.

Dalam ḥadīth yang ke 14, menerangkan kepada kita supaya berhati-hati dalam urusan jual beli hamba. Kita dilarang dari menjual hamba yang mempunyai pertalian yang rapat seperti ibu dan anak atau pun antara dua orang saudara secara berasingan. Sesiapa yang melakukannya, Allāh akan memisahkan di antara orang yang dikasihinya pada hari Qiamat.[129]

Ḥadīth yang ke 31 pula menerangkan kepada kita supaya menyukat makanan dengan betul semasa urusan jual beli. Sesiapa yang berbuat demikian Allāh akan memberkati dalam rezekinya.[130]

ii. Adab dan peraturan.

Dalam ḥadīth yang ke 3, diceritakan adab yang perlu dilakukan apabila menyambut tetamu. Ini digambarkan dengan kisah yang terjadi di rumah Abū Ayyūb di mana beliau telah memuliakan tetamunya iaitu Rasūlullāh(s.'a.w).[131]

Ḥadīth yang ke 5 ini menerangkan akhlak yang terdapat pada Rasūlullāh (s.'a.w) di mana baginda sentiasa mengutamakan sahabat nya ketika makan. Baginda memakan sebahagian makanan dan memberi

---

129 Rujuk Lampiran C, h. 135

130 Rujuk Lampiran C, h. 138

131 Rujuk Lampiran C, h. 133

sebahagian makanan kepada sahabatnya.[132]

Ketika membina tandas, kita juga disuruh supaya mengikut adab-adab yang telah ditunjukkan oleh Rasūlullāh (s.'a.w). Dalam ḥadīth yang ke 6, ini kita disuruh supaya jangan membina tandas mengikut arah Qiblat atau pun membelakanginya.[133]

Ḥadīth yang ke 13 ini menerangkan kepada kita adab-adab yang perlu dilakukan apabila kita selesai menikmati hidangan. Kita hendaklah memanjatkan kesyukuran kepada Allāh kerana dengan rezeki yang dikurniakanNya kita dapat menikmati makanan itu.[134]

Dalam ḥadīth yang ke 18 menerangkan tentang adab-adab yang perlu kita lakukan apabila mendengar sahabat kita bersin. Kita dianjurkan supaya melafaskan dengan perkataan semoga Allāh merahmati kamu ( يرحمك الله ) bila mendengar sahabat kita menyebut perkataan segala kepujian bagi Allāh ( الحمد لله ).[135]

Dalam ḥadīth yang ke 21 pula menerangkan tentang larangan dari bercakap dengan perkataan yang tidak berfaedah serta jangan

---

[132] Rujuk Lampiran C, h. 133
[133] Rujuk Lampiran C, h . 134
[134] Rujuk Lampiran C, h. 135
[135] Rujuk Lampiran C, h. 136

Semasa kita menunaikan qada' hajat kita juga disuruh melakukan mengikut adab-adab yang telah ditetapkan. Dalam ḥadīth yang ke23, kita dilarang membuang air besar atau pun kecil mengikut arah Qiblat atau pun membelakanginya.[136]

Dalam ḥadīth yang ke 24 pula menerangkan kepada kita adab-adab yang perlu kita lakukan semasa bergaul sesama kita. Ḥadīth ini melarang kita tidak bertegur sapa melebihi tiga hari tiga malam dan dilarang membatangi keburukan yang ada pada kawan kita. Dinyatakan juga di sini, orang yang paling baik di antara kita ialah orang yang mendahului memberi salam yakni bertegur sapa.[137]

Ḥadīth yang ke 32 pula menerangkan kepada kita bahawa menjalinkan tali persaudaraan termasuk dari amalan yang boleh membawa kita ke syurga Allah.[138]

Dalam ḥadīth yang ke 38 pula menerangkan tentang adab-adab yang perlu kita lakukan semasa kita ingin memasuki rumah orang lain. Di sini kita dianjurkan supaya memberi salam terlebih dahulu serta meminta kebenaran dari penghuni rumah sebelum kita memasukinya.[139]

---

136 Rujuk Lampiran C, h. 137

137 Rujuk Lampiran C, h. 137

138 Rujuk Lampiran C, h. 138

139 Rujuk Lampiran C, h. 139

iii. Pemerintahan.

Dalam ḥadīth yang ke 34 ini menerangkan kepada kita bahawa setiap Nabi dan Khalifah akan diutuskan dengan dua orang pengawal iaitu pengawal yang menyuruh kepada kebaikan dan pengawal yang menyuruh kepada kejahatan. Sesiapa yang mendapat pengawal yang baik maka dia akan mendapat keuntungan.[140]

4.6. Pengertian Sirah.

Dari sudut bahasa perkataan sirah berasal dari perkataan yang bererti perjalanan.

Dari sudut istilah pula perkataan sirah bermaksud perjalanan yang dilalui oleh Rasūlullāh(s.ā.w) dan para-para Nabi serta para-para sahabat dan tabi'in.

4.7. Ciri-Ciri Sirah.

Di antara ciri-ciri yang terkandung dalam sirah ialah:-

a. Sejarah mengenai peperangan.

Iaitu peperangan yang terjadi semasa zaman Rasūlullāh (s.ā.w) dan zaman sahabat baginda.

---

140 Rujuk Lampiran C, h. 139

b. Riwayat hidup Rasūlullāh (s.a.w)

Meliputi semenjak kelahirannya hinggalah waktu kewafatan baginda.

c. Kelebihan para sahabat dan tabi'in.

Mengandungi sifat-sifat yang ada pada para sahabat dan para tabi'in iaitu sifat-sifat yang terpuji serta kemuliaan mereka.

Ḥadīth -ḥadīth Abū Ayyūb yang membicarakan mengenai sirah ialah ḥadīth yang ke 2, 3, 5, 12, 19, 20, 29, 33, 35 dan 39.

Di antara ciri-ciri sirah yang terdapat dalam ḥadīth ini ialah:-

i. Sejarah mengenai peperangan.

Dalam ḥadīth yang ke 2 diceritakan mengenai peperangan di-Konstantinople di mana dalam peperangan itu berlakunya penurunan ayat al-Qur'ān dari surah al-Baqarah ayat 195. Tentera Islam yang menyertai peperangan itu mengorbankan segala usaha demi memerangi tentera Rom. Ayat ini diturunkan kepada orang Anṣār yang begitu lalai untuk melibatkan diri dalam peperangan.[141]

Ḥadīth yang ke 12 pula menerangkan kepada kita keutamaan

---

141 Rujuk Lampiran C, h. 133

orang-orang yang melibatkan diri dalam peperangan samada di-waktu pagi atau pun di waktu petang. Allāh akan memberi ganjaran bagi orang yang mengikhlaskan hatinya untuk berjihad di jalannya.[142]

Dalam ḥadīth yang ke 20 pula menyatakan kepada kita larangan yang terdapat di dalam peperangan. Di sini, kita di-larang dari menyiksa orang-orang tawanan perang sehingga mati. Sekiranya kita ingin membunuhnya, hendaklah kita membunuh dengan cara yang baik. Begitu juga dengan binatang, kita dilarang dari mengurungnya sehingga mati. Dari sini dapatlah kita simpulkan bahawa Islam amat mementingkan soal keadilan dan menentang ke-zaliman.[143]

Semasa dalam peperangan juga kita dilarang dari melewat-lewatkan sembahyang maghrib. Ini telah dilakukan oleh ʿUqbah Ibn ʿAmir semasa membuka negeri Mesir lalu ditegur oleh sahabatnya Abū Ayyūb al-Anṣārī. Orang yang sentiasa memelihara sembahyang pada waktunya akan sentiasa dipelihara oleh Allāh dalam kebaikan. Ini telah diterangkan dalam ḥadīth yang ke 29.[144]

Ḥadīth yang ke 35 pula menerangkan tentang kegagahan orang

---

142 Rujuk Lampiran C, h. 135

143 Rujuk Lampiran C, h. 136

144 Rujuk Lampiran C, h. 138

orang Islam khususnya panglima perang Islam di masa lampau. Mereka dapat menaklukki beberapa buah negeri di dunia ini dan berjuang bermati-matian hingga ke titisan darah yang terakhir demi menegakkan Islam di bumi Allāh ini.[145]

ii. Riwayat hidup Rasulūllāh (s.a.w) dan para sahabat.

Dalam hadīth yang ke 3, menerangkan mengenai sifat-sifat yang ditunjukkan oleh baginda sewaktu berada di rumah sahabatnya , Abū Ayyūb. Baginda sentiasa bersifat merendahkan diri kepada sahabat yang ditumpanginya. Dalam hadīth ini, baginda memilih tempat tinggal di bahagian bawah walaupun di-pelawa untuk tinggal di bahagian atas rumah. Baginda juga tidak memakan bawang putih kerana tidak menyukai baunya. Ini bukan bermakna bawang putih itu haram. Semuanya ini terdapat di dalam hadīth yang ke 5.[146]

Dalam hadīth yang ke 39 pula menerangkan mengenai empat perkara yang menjadi sunnah Rasūlullāh (s.a.w)iaitu malu, wangi-wangian, bersugi dan berkahwin. Empat perkara ini dituntut supaya kita mengerjakannya. Kita disuruh mempunyai sifat malu untuk melakukan kejahatan dan kemaksiatan. Begitu juga, kita

---

145 Rujuk Lampiran C, h. 139

145 Rujuk Lampiran C, h. 133

146 Rujuk Lampiran C, h. 133

disuruh menjaga kesihatan badan seperti memakai bau-bauan dan memberus gigi. Perkahwinan juga dituntut ke atas kita yang mempunyai kemampuan.[147]

iii. Kelebihan para sahabat dan tabiʻin.

Mengenai penghormatan yang telah diberikan kepada sahabat diceritakan dalam ḥadīth yang ke 3. Dalam ḥadīth ini mengisah kan mengenai Abū Ayyūb di mana beliau telah mendapat penghormatan dari Rasūlullāh (s.ʻa.w). Rumahnya telah menjadi tempat persinggahan sementara bagi Nabi. Beliau begitu memuliakan Rasūlullāh (s.ʻa.w)sehingga beliau tidak tidur hingga ke subuh. Begitu juga, beliau menyediakan makanan setiap hari untuk Nabi. Beliau juga tidak menyentuh bawang putih demi mengikut Rasūlullāh (s.ʻa.w) .[148]

Dalam ḥadīth yang ke 19 menerangkan kepada kita kisah yang terjadi di rumah sahabat Rasūlullāh(s.ʻa.w) iaitu di rumah Abū Ayyūb. Dalam ḥadīth ini diceritakan bagaimana syaitan telah menganggu buah kurma yang disimpan oleh Abū Ayyūb di dalam sebuah rumah yang kecil . Perkara ini telah diadukan kepada Nabi lantas baginda telah menyuruh beliau membaca ayat Kursi untuk menghindari dari gangguan syaitan.[149]

---

147 Rujuk Lampiran C, h. 140
148 Rujuk Lampiran C, h. 133
149 Rujuk Lampiran C, h. 136

Hadith yang ke 33 memberitahukan kepada kita kelebihan yang terdapat pada sahabat Rasūlullāh(s.a.w) . Di antara sahabat sahabat yang mempunyai kelebihan ialah dari kalangan Ansār , Muzaynah[150], Juhaynah[151], Ghifār[152], Ashja'[153] dan dari Bani 'Abd Allah[154]. Mereka telah menjadikan Allah dan Rasul sahajan sebagai pelindung mereka.[155]

150 Bint Kalib Ibn Wabrah Ibn Tha'lab.

151 Ibn Zayd Ibn Layth Ibn Sud.

152 Ibn Malil Ibn Dimrah Ibn Bakr.

153 Ibn Rayth Ibn Ghatfān Ibn Qis.

154 Bani Abd al-Uzza dari Ghatfān.

155 Rujuk Lampiran C, h. 138

4. 7. PENUTUP.

Setelah mengkaji dan menganalisa tajuk ini, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan dan saranan yang penting iaitu di-antaranya:-

a. Kesimpulan.

1. Penulis banyak menemui beberapa pengalaman yang penting seperti dalam bab yang pertama, di mana penulis dapat mengenali buku-buku rujukan dalam bahasa Arab yang membicarakan mengenai kepentingan hadith dan sunnah dalam perundangan Islam.

2. Dalam bab yang kedua juga penulis dapat mengenali secara terperinci sejarah kehidupan sahabat Rasulullah (s.a.w) yang telah banyak mengorbankan usahanya dalam meriwayatkan hadith-hadith dari Rasulullah(s.a.w).

3. Seterusnya dalam bab yang ketiga, penulis dapat mempelajari cara-cara dan kaedah dalam mentakhrijkan hadith-hadith Rasulullah (s.a.w) melalui panduan kitab Dhakhair al-Mawarith. Pengalaman ini sangat bernilai kepada penulis, memandangkan ianya amat sukar untuk dipelajari tanpa adanya bimbingan yang lengkap.

4. Penulis juga dapat mengetahui dan memahami dengan lebih

jelas dengan adanya terjemahan hadith-hadith Rasulullah (s.a.w) melalui bidang kajian ini. Ini kerana pengetahuan tentang hadith hadith Rasulullah(s.a.w) amat penting untuk dijadikan panduan dalam meneruskan kehidupan.

5. Penulis juga dapat mengetahui mengenai imam-Imam yang menulis kitab Sunan Sittah dan Muwatta Malik secara lengkap. Di samping itu juga penulis dapat mempelajari beberapa kaedah teransliterasi dari huruf Arab ke huruf Rumi dan beberapa kependekkan huruf-huruf.

b. Saranan.

1. Penulis berharap agar bidang kajian ini hendaklah diteruskan lagi di masa-masa akan datang memandangkan ianya begitu penting untuk diketahui dan difahami sebagai panduan untuk merealisasikan dalam kehidupan seharian.

2. Hendaklah ada satu inisiatif dari pihak-pihak yang tertentu khususnya dari ulama-ulama bahasa Arab untuk membukukan hadith-hadith di dalam kitab Sunan Sittah dan Muwatta Malik ke dalam bahasa Malaysia memandangkan setakat ini, amat berkurangan sekali kitab-kitab terjemahan hadith yang dapat dijadikan rujukan. Setakat ini, penulis mendapati hanya Sahih Bukhari dan Sahih Muslim yang ada diterjemahkan. Adapun kitab-kitab yang lain

seperti Sunan Abu Dawud, Tirmidhi, Nasai, Ibn Majah dan Muwatta Imam Malik masih lagi berkurangan dan masih lagi kekal dalam edisi Arab.

3. Pihak Perpustakaan juga hendaklah memperbanyakkan lagi penyediaan buku-buku dalam bahasa Arab untuk dijadikan sumber rujukan yang utama. Penulis mendapati di Perpustakaan Universiti Malaya masih lagi kekurangan bahan-bahan rujukan bahasa Arab. Dengan ini mendatangkan kesukaran bagi penulis untuk mendapatkan bahan-bahan yang dapat digunakan sebagai rujukan.

4. Penulis juga berharap agar bidang kajian hadith ini hendaklah diperluaskan lagi, di mana setakat ini hanya kitab Sunan Sittah dan Muwatta Imam Malik sahaja dijadikan tempat rujukan hadith-hadith Rasulullah(s.a.w). Hendaknya di masa-masa akan datang diperluaskan lagi kajian ini kepada kitab-kitab Imam yang lain seperti Musnad Imam Ahmad dan sebagainya.

5. Dalam mengumpulkan hadith-hadith ini penulis menghadapi beberapa kesulitan memandangkan koleksi-koleksi kitab Sunan Sittah tidak tersusun di antara satu sama lain. Dengan ini diharapkan beberapa usaha untuk memperbaharui cetakan dan penyemakan semula terhadap kitab-kitab itu.

# BIBLIOGRAFI

## (A) DALAM BAHASA ARAB


Abū Dawūd, Sunan Abū Dawūd , Dār al-Ihya' , t.t.

Abū ʿIsa, Muhammad Ibn ʿIsa Ibn Sawrat, Sunan Tirmidhi, Mesir: Dār Halabi, t.t.

Abū Nuʿaym Ahmad Ibn ʿAbd Allah, Hilyah al-Awliya', Beirut: Dār al-Kitab al-Arabi, 1967.

Abū Shahbah, Dr. , ʿAlam al-Muhaddithin, Mesir: Dār al-Kitab, t.t.

Abū ʿUmar Ibn ʿAbd Allah, Al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Ashab, Mesir: Dār al-Nahdah, t.t.

Abū Zuhrah, Muhammad, Muhādarat fi Tarikh al-Madhahib, Al-Mukhaymar 1962.

_______________ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah Beirut: Maktab Ilmiyyah t.t.

_______________ Ibn Mansūr, Lisān al-Arab, Beirut: Dār al-Sādir, 1955.

_______________ Ibn Saʿd, Tabaqāt al-Kubra, Beirut: Dār al-Sādir, t.t.

_______________ Ibn Taymiyyah, Al-ʿUbudiyyah, Maktab Islami, t.t.

_______________ Ibn Qayyim, Al-Jawziyyah, ʿAlam al-Muwaqqiʿin ʿan Rabbi al-ʿAlamin, Kaherah: Al-Kulliyat al-Azhariyyah, 1968.

ʿAli Nuwayhid, Al-Istibsar fi Nasbi al-Sahābah, Beirut: Dār al-Fikri, 1972.

Al-Asqalani, Ibn Hajar, Tahdhib al-Tahdhib, Dar al-Ma'arif, 1325H.

Al-Asqalani, Shihab al-Din, Al-Isabah fi tamyiz al-Sahabat, Beirut: Dar al-Sadir, 1328H.

Al-Barri, Zakariya, Masadir al-Ahkam Islamiyyah, Dar, al-Ittihad al-Arabi, t.t.

Al-Fandi, Muhammad Thabit, Dairah al-Ma'arif, t.t.

Al-Hashimi, Abd al-Mun'im, Ansar Rasulullah , Damshiq, Dar al-Qimmah, t.t.

Al-Laknawi, Tuhfat al-Akhyar fi Ihya' al-Sunnah al-Abrar, Kaherah, Dar al-Kutub al-Hadithah, t.t.

Al-Muslim, Sahih Muslim bi Sharhi al-Nawawi, Mesir: Matba'ah al-Misriyyah, 1349H.

Al-Nablusi, 'Abd al-Ghani Ibn Ismail, Dhakhair al-Mawarith, Tehran: Intisharat Isma'iliyyan, t.t.

Al-Razi, Muhammad Ibn 'Umar Fakhr al-Din, Al-Tafsir al-Kabir , Mesir: Al-Bahiyyah al-Misriyyah, t.t.

Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris, Al-Risalah, Mesir: Al-Halabi, 1969.

Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris, Al-Umm, Mesir: Dar al-Sha'd, t.t.

Al-Shahawi, Ibrahim al-Shawki, Mustalah al-Hadith , Al-Faniyyah al-Muttahidah, t.t.

Al-Shatibi, Al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam, Mesir: Matba'ah Muhammad Ali Sabih, 1969.

Al-Shawkani, Muhammad Ibn 'Ali, Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq Mesir: Halabi, 1937.

Al-Waqidi, Tabaqat al-Kabir, Leiden: Braill, 1332H.

Al-Zarikli, Khayr al-Din, Al-'Alam, Beirut: Dar 'Ilm , 1979.

Badran, Abu 'Aynain Badran, Shariat Islamiyyah, Badara al-Kitab 1974.

Faruq Ahmad Dasuqi, Dr, Hasirat fi al-Aqidah al-Islamiyyah, Iskandariah: Dar al-Da_wah, t.t.

Izz al-Din Ibn al-Athir, Usd al-Ghabah fi Tamyiz al-Sahabat, Kaherah: Dar al-Sha bi, 1393.

Muhammad Ajjaj al-Khatib, Al-Sunnah qabl al-Tadwin, Beirut: Dar al-Fikri, 1971.

Muhammad Ali Ahmadin, Daw'al-Qamar ala Nukhbati al-Fikri, Mesir: Dar al-Ma'arif al- Misriyyah, 1958.

Muhammad al-Sibagh, Al-Hadith al-Nabawi, Maktab Islami, t.t.

__________, Muntakhib min al-Sunnah, Kaherah: Majlis al-'Ala, 1975.

Mustafa al-Siba'i, Al-Sunnah wa Makanatuha fi Tashri al-Islami, Kaherah: Dar al-Arubah, 1961.

Subhi al-Salih, Dr, 'Ulum al-Hadith wa Mustalah, Beirut, 1971.

## (B) DALAM BAHASA MALAYSIA/ INDONESIA

Abdul Hayei bin Abdul Sukor, Takrij Hadith, Kuala Lumpur: AIUM, 1988.

Abdul Qadir Hasan, Ilmu Hadith, Al-Muslimun Bangil, 1966.

Abdul Rahman Raafat Jasha, Kepahlawanan Genarasi Sahabat, Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, 1984.

Bey Arifin, Kehidupan Para Sahabat Rasulullah , Surabaya:Pt. Bina Ilmu, 1982.

Fatahur Rahman, Dr. , Ikhtisar Mustalah Hadith, Bandung: Pt.al-Maarif, 1974.

Hj. Sjech Marhaban, Tokoh-Tokoh Islam Di Zaman Nabi, Singapura: Pustaka Nasional, 1977.

Hussin Bahreisy, Perjuangan 35 Sahabat Rasulullah, Surabaya: Pustaka Progresif, 1979.

K.H. Moenawar Chalil, Kembali Kepada Al-Qur'an Dan Sunnah, Jakarta Bulan Bintang, 1973.

Masjfuk Zuhdi, Dr., Pengantar Ilmu Hadith, Surabaya: Pustaka Progresif, 1983.

Muhyiddin Syaf dkk, Karaktoristik Perihidup 60 Sahabat Rasulullah Bandung: Diponegoro, 1983.

Mukhtar Yahya, Dr., Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami, Bandung, Pt. al-Maarif, 1983.

Mohd Napiah bin Abdullah, Peranan Dan Metodologi Hadith, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, 1986.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, Kamus al-Marbawi, Singapura: Pustaka Nasional, t.t.

M. Sabri Munier, Abu Ayyub al-Ansari, Jakarta: Bulan Bintang, 1976

Mustafa Abdul Rahman, Hadith Empat Puluh, Pulau Pinang: Maktabah Hj. Abdullah bin Mohd Noordin al-Rawi, 1966.

M. Zainal Abidin Ahmad, Imam Bukhari,Pemuncak Ilmu Hadith, Jakarta: Bulan Bintang, 1975.

T.M.M. Hasbi Siddiqi, Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith, Jakarta, 1965.

Sohair Abdel Moneim Sery, Datin, Silsilah Ulama Hadith, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1989.

## LAMPIRAN A

## RIWAYAT HIDUP ABD AL-GHANI AL-NABLUSI.

---

### 1. Pengenalan Diri.

Nama beliau yang sebenarnya ialah Abd al-Ghani Ibn Ismail Ibn Abd al-Ghani Ibn Ismail Ibn Ahmad Ibn Ibrahim.[1] Beliau lebih terkenal dengan gelaran al-Nablusi al-Hanafi al-Dimashqi al-Naqshabandi al-Qādiri.[2] Dilahirkan di Damshiq pada 5 Zulhijjah tahun 1058H. Beliau mula menuntut ilmu pada peringkat yang sangat awal dan berguru dengan ulama yang terkenal dizamannya. Beliau mula mengajar dan mengarang semasa usianya meningkat 20 tahun.[3]

Al-Nablusi banyak menghasilkan karya-karya penulisan yang bermutu. Antaranya ialah :-

a. إذالة الخفاء عن حلية المصطفى

b. رحلة طرابلس

c. كنز الحق المبين في أحاديث سيد المرسلين

d. ذخائر المواريث في الدلالة على مواضع الحديث .

---

1 Al-Nablusi, Abd al-Ghani Ibn Ismail, Dhakhair al-Mawarith, ( Tehran: Intisharat Isma iliyan, t.t.) h.

2 Ibid.

3 Abdul Hayei Abdul Sukor, Takhrij Hadith, (Kuala Lumpur: AIUM, 1988 ) ,h. 86

Beliau meninggal dunia dalam tahun 1143H, di Damshiq semasa usianya hampir 90 tahun.

2. <u>Pengenalan Kitab</u> ذخائر المواريث.

Kitab ذخائر المواريث disusun dalam empat bulan iaitu pada tahun 1102H. Iamya disusun untuk memfihriskan hadith-hadith dalam Sunan Sittah, bagi memudahkan penyelidik mendapatkan segera hadith-hadith yang dikehendakinya. dari ktab-kitab ini dengan menggunakan cara yang paling ringkas dan kemas. Kitab ini disusun mengikut أطرف yang dikumpulkan أطرف dari kitab yang enam iaitu Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Tirmidhi, Nasai, Ibn Majah dan Muwatta Imam Malik.

Oleh kerana sedikit perbezaan di antara ulama dalam menentukan kitab yang keenam, samada Muwatta Imam Malik atau Ibn Majah, al-Nablusi telah mengambil sikap memperkirakan:- kedua-duanya sebagai termasuk dalam Sunan Sittah. Dengan itu أطرف kitab ذخائر المواريث ini meliputi tujuh buah kitab Sunan seperti mana yang telah ditentukan.

Kitab ini hanya menyebutkan أطرف hadith ertinya ia tidak menyebutkan nas hadith dengan sempurna, hanya menyebutkan sebahagian kecil sahaja dari hadith. Contohnya :-

(حديث) . حكاية وضوء رسول الله صلى الله عليه وسلم

Dalam hadith ini Nablusi langsung tidak menyebutkan lafaz hadith yang berkenaan itu hanya menyebutkan tajuknya sahaja.

Setelah menyebutkan طرف hadith, disebutkan pula nama-nama Imam yang mentakhrijkan dan juga guru kepada Imam itu. Contohnya hadith yang ke 162:-

من صلى أربعين يوما في جماعة (ت) في الصلاة

عن عقبة بن مكرم ونصر بن علي

Hadith ini di bawah Musnad Anas Ibn Malik. Di dalam takhrij ini menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi di-dalam kitab الصلاة, dari Uqbah Ibn Mukram dan Nasir Ibn Ali. Ini bererti guru kepada Imam Tirmidhi di dalam hadith ini ialah Uqbah Ibn Mukram dan Nasir Ibn Ali. Di samping itu disebutkan juga nama kitab yang di dalamnya hadith berkenaan diriwayatkan.

Nama-nama kitab yang dipilih itu disebutkan secara mengguna kan kependekkan iaitu:-

خ. Bukhari

م. Muslim

د. Abū Dawūd

ت. Tirmidhi

س. Nasāi

ه. Ibn Mājah

ط. Muwatta'

3. <u>Keistimewaan Kitab ذخائر المواريث.</u>

Kitab ini memberikan kepada kita beberapa keistimewaan iaitu:-

i. Susunan yang tepat serta senang mendapatkan hadith yang dikehendaki.

ii. Mengetahui hadith-hadith setiap sahabat yang riwayat nya ada di dalam Sunan yang tujuh.

iii. Mengetahui hadith Mursal yang ada di dalam kitab Sunan yang tujuh.

iv. Dapat mengetahui nama-nama perawi yang samar-samar (<u>mubham</u> ) untuk dijadikan perhitungan samada sanad itu muttasil (bersambung ) atau sebaliknya.

Memandangkan beberapa keistimewaan inilah, Sheikh Ahmad Shakir di dalam mukaddimah مفتاح السنة menyatakan bahawa kitab ذخائر المواريث ini paling besar sekali faedahnya di samping keringkasan yang cukup padat itu.

Kitab ini dicetat oleh Lujnah al-Nashri wa Ta'lif al-Azhariyyah dalam tahun 1352H/ 1934M. Kemudian diulang cetat di-Tehran dalam dua jilid, tiap-tiap satu jilid mengandungi dua juzuk dan hadithnya mengandungi 12302 buah.

## LAMPIRAN B

## RIWAYAT HIDUP PENULIS SUNAN SITTAH DAN MUWATTA IMAM MALIK

### 1. IMAM BUKHARI.

a. Latarbelakang keturunannya.

Nama beliau yang sebenarnya ialah Muhammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim Ibn Berdesbeh.[1] Beliau juga digelar dengan nama Abu Abd Allah tetapi beliau lebih terkenal dengan gelaran Bukhari yang diambil sempena nama bandar Bukhara. Beliau berasal dari negeri Parsi dan dilahirkan pada hari Jumaat 13 Shawal 194H.

Beliau hidup sebagai anak yatim selepas kematian bapanya. Dibesarkan di-bawah asuhan ibunya yang merupakan seorang perempuan yang salih serta mempunyai doa yang mustajab. Matanya yang buta semenjak kecil telah disembuhkan oleh Allah berkat dari doa ibunya beliau telah menunaikan haji bersama ibu dan abangnya.

---

1 Al-Shahawi Ibrahim al- Shawki, op. cit , h. 242.

2 Datin Sohair Abdel Moneim Sery, Silsilah Ulama Hadith , (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1989 ), h. 5.

b. <u>Kemuliaan tabiatnya</u>.

Sesungguhnya Imam Bukhari lembut orang nya, baik sifatnya serta amat halus perasaannya. Beliau amat tawadu serta merendahkan diri kepada saudaranya. Di samping itu juga beliau amat bermurah hati dalam setiap keadaan. Beliau menganggap dirinya sebagai salah satu dari kumpulan mereka tanpa apa-apa perbezaan. Dengan sifat yang ada padanya beliau merupakan manusia yang telah dilengkapkan dengan pendidikan hadith Rasulullah(<u>s.a.w</u>) yang mana beliau muncul sebagai hadith yang bergerak, menjelajah ke seluruh pelusuk alam.

Di samping pengetahuannya yang mendalam dalam bidang hadith beliau juga amat bergiat dalam bidang kesukanan. Beliau dapat menguasai ilmu panah memanah serta bidang tembak menembak.

c. <u>Penulisannya</u>.

Semasa usianya meningkat 16 tahun, beliau telah menghafal kitab-kitab Ibn Mubarak dan Waki . Dengan daya ingatan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadanya, beliau telah menulis beberapa buah kitab. Antara kitab-kitab beliau yang masyhur ialah Qadaya al-Sahabah, Al-Tarikh yang ditulis di Madinah berhampiran kubur Rasulullah(<u>s.a.w</u>) . Kitab al-Tarikh mempunyai tiga buah kitab iaitu kitab Al-Kabir, Al-Awsat dan Al-Saghir. Selain itu

kitab Al-Jami al-Kabir, Al-Tafsir al-Kabir, Raf ul Yadayn fi al-Salat, Birru al-walidyn, Kitab al-Du fa' , Al-Hibbah, Al-Mabsut, Al- Illal wa al-Fawaid, Al-Adab al-Mufarrad, Al-Qiraah Khayf al-Imam, Al-Musnad al-Kabir serta banyak lagi kitab yang dikatakan oleh Imam al-Shuwkani. Beliau telah menulis kitab Qadaya semasa usianya sembilan belas tahun. Di samping itu juga beliau telah menulis kitabnya Al-Jami al-Sahih yang amat terkenal yang di dalamnya dikumpulkan hadith-hadith yang sahih.

d. Pengembaraannya.

Imam Bukhari telah banyak menghabiskan usianya dalam pelayaran dan berpindah dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk menuntut ilmu. Beliau telah memasuki negeri Syam, Mesir dan al-Jazirah sebanyak empat kali. Beliau menetap di Hijaz selama enam tahun. Begitu juga, beliau pernah memasuki Kufah dan Baghdad untuk menimba ilmu hadith. Beliau menghabiskan usianya dalam pelayaran selama 16 tahun dan memperolehi hasil yang bermutu tinggi yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit,

e. Kematiannya.

Imam Bukhari telah meninggal dunia dalam usianya 62 tahun. Sepanjang hayatnya, beliau telah menghabiskan usianya dengan penuh jihad tanpa mengenal penat lelah dan istirehat demi

menuntut ilmu. Sebelum beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir, beliau telah mewasiatkan agar mengkafankan dengan 3 helai kain tidak termasuk qamis dan imamah.[3] Beliau dikebumikan selepas sembahyang zuhur pada hari raya Fitrah.

## 2. IMAM MUSLIM.

### a. Keturunannya.

Nama sebenarnya ialah Abu Hussin Muslim Ibn Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. Beliau berasal dari bangsa Arab iaitu dari kabilah Qusay yang terkenal di tanah Arab. Beliau dilahirkan pada tahun 206H. Beliau meninggal dunia pada tahun 261H, di Naysabur iaitu di bandar Nasri pada hari Ahad dan dikebumikan pada hari Isnin sebelum lima hari berakhir bulan Rejab. Pada masa itu usianya menjangkau 53 tahun.

### b. Kesukaannya kepada pengetahuan.

Imam Muslim amat menyintai ilmu pengetahuan. Semenjak usianya masih kecil lagi beliau telah menuntut hadith dengan ulama -ulama yang terkenal. Pernah juga beliau berguru dengan Imam Bukhari. Beliau belayar melintasi padang pasir dan menyeberangi lautan semata-mata untuk menimba ilmu pengetahuan. Di-antara tempat-tempat yang pernah beliau lawati ialah Hijas, Iraq, Mesir, Syam, Khurasan dan Al-Ray. Beliau juga telah beberapa kali belayar ke Baghdad. Di samping itu juga beliau sentiasa berhubung

---

[1] Muhammad al-Sibagh, Al-Hadith al-Nabawi (Maktab Islami [illegible]) h. [illegible]

dengan Imam Bukhari sewaktu Imam Bukhari datang ke Naysabur. Sikapnya yang suka berdampingan dengan gurunya , Imam Bukhari telah banyak meninggalkan kesan yang baik dalam hidupnya. Pelayaran beliau dari satu negeri ke satu negeri yang lain telah memudahkan bagi beliau menemui ulama -ulama yang terkemuka seperti Ahmad Ibn Hambal, Abd Allah Ibn Salamah, Ibn Rawahayh Ibn Mahram, Sa id Ibn Mansur dan ramai lagi.

c. Sifatnya merendahkan diri.

Imam Muslim amat suka memperkatakan kebenaran bagi mencapai keredaan Allah. Beliau bersifat tawadu dan mempunyai akhlak yang mulia. Beliau juga tidak segan silu menunjukkan kitabnya kepada para hafiz untuk dikritik. Di samping itu juga, beliau tidak meletakkan ke-seluruh hadith-hadith yang sahih dalam kitabnya al-Sahih tetapi ia hanya meletakkan hadith-hadith yang telah mencapai tahap ijma mengikut ilmu pengetahuan dan penguasaan nya. Begitulah Imam Muslim yang sentiasa meneliti dan menjaga setiap hadith yang dikumpulnya.

d. Keistimewaan Sahihnya.

Imam Muslim telah menyusun hadith-hadith dalam kitabnya de dengan mengikut satu kaedah yang baik yang berlainan dengan guru nya Imam Bukhari. Sesungguhnya Sahih Muslim mempunyai keistimewa

annya di mana kesemua matan-matan hadith dikumpul dalam satu tempat tanpa ditebur dalam bab-bab. Beliau juga tidak memutus kan dalam berbagai-bagai penjelasan dan tidak mengulanginya dalam keadaan terpaksa.

e. Penulisannya.

Penulisan serta usaha Imam Muslim bukan terhenti setakat kitabnya al-Sahih sahaja, tetapi beliau telah mengarang beberapa buah kitab yang lain. Di antara kitab-kitab yang dikarangnya ialah al-Musnad al-Kabir, al-Asma' wal al-Kunni, al-Tamyiz, al-Illal, al-Intifa bi Ahab al-Siba , Mashayikh al-Thawri, Mashayikh Sha bah, kitab al-Mukhasramin, Sualat Ahmad Ibn Hambal, Hadith Amri Ibn Shu ayb al-Wahdan, al-Ifrad, al-Aqran wa al-Tabaqat , Aulad al-Sahabat, Awham al-Muhaddithin dan lain-lain lagi. Kitab nya yang paling masyhur ialah kitab al-Jami al-Sahih.

4. IMAM ABU DAWUD.

a. Pengenalannya.

Nama beliau yang sebenarnya ialah Sulayman Ibn al-Ash ath Ibn Ishaq Ibn Bashir Ibn Shadad Ibn Amru al-Azdi al-Sajastani.[1] Sajastani adalah sebuah negeri yang bersempadan dengan negeri India.[2] Dilahirkan pada tahun 202H di Sajastani. Kemudian beliau telah berpindah ke daerah dan menetap di sana sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 275H. Beliau lebih terkenal dengan gelaran Abu Dawud.

b. Usaha-usahanya mencari pengetahuan.

Abu Dawud al-Sajastani adalah penghulu para hafiz yang bertaqwa. Semenjak kecil lagi beliau amat berminat dengan ilmu pengetahuan dan gemar berdampingan serta berbincang dengan para ulama. Begitu juga, beliau amat suka menjelajah dan berpindah dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk menimba ilmu. Antara negeri-negeri yang pernah dijelajahinya ialah Hijaz, Sham, Mesir, Iraq, Jazirah, al-Athaghar, Khurasan dan banyak lagi negeri yang pernah dilawatinya. Hasil dari pengembaraan ini, beliau

---

1 Datin Sohair, op. cit, h. 48.

2 Di antara Sind dan Hurat atau di antara Khurasan dan Khuraman.

banyak mengumpul hadith-hadith serta mengkajinya. Kemudian beliau memasukkan ke dalam kitab Sunan.

Abu Dawud tidak pernah menghiraukan kesusuhan dalam usaha mencari ilmu, walaupun pada masa itu tidak ada kenderaan yang moden untuk membawa beliau menjelajah dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Segala kepanasan padang pasir dilintasinya demi untuk menimba ilmu pengetahuan.

c. Penulisannya.

Imam kita yang mulia ini telah banyak meninggalkan bilangan kitab yang banyak dalam penulisannya. Dr. Abu Shahbah pernah berkata mengenainya, bahawa kitab Sunan merupakan kitab yang paling mulia dari kitab-kitabnya yang lain. Di antara penulisan-penulisan beliau yang lain ialah risalahnya kepada orang Mekah di mana beliau telah menjelaskan cara-caranya dalam penulisan Sunan.[3] Di samping itu juga kitab Dalail al-Nubuwwah, Ibtida' al-Wahyi, al-Marasil., al-Nasikh wa Mansukh, Fada il al- Amal, al-Zuhud, al-Doa, Akhbar al-Khawarij dan kitab al-Qadar.

---

[3] Muhammad Ali Ahmadin, Daw' al-Qamar ala Nukhbati al-Fikri, (Mesir: Dar al-Ma arif al-Misriyyah, 1958), h. 20

d. Kemuliaan sifat-sifatnya.

Sesungguhnya Imam Abu Dawud mempunyai akhlak yang sama dengan gurunya , Imam Ahmad Ibn Hambal. Beliau amat pemalu dan ba banyak beribadat, menjauhkan diri dari perkara shubhat serta amat salih dan bersifat wara .

Beliau juga mempunyai keanihan dalam sesbahagian tindak tanduknya yang lahir, iaitu beliau tidak mengambil perhatian mengenai pakaiannya walaupun dikritik oleh sesiapa saja. Beliau juga bertindak dan melakukan apa saja yang beliau suka dan dianggap sesuai tetapi tidak melampaui sempadan. Sebagai contohnya beliau mempunyai hikmah serta falsafah dalam bentuk pakaiannya yang mana lengan baju beliau satu luas dan satu sempit. Apabila ditanya beliau menjawab yang luas bertujuan untuk membawa kitab-kitab dan yang sempit tidak diperlukan. Jika diluaskan juga ianya merupakan pembasiran.

## 4. IMAM TIRMIDHI.

### a. Pengenalannya.

Nama sebenarnya Muhammad Ibn Musa Ibn Isa Ibn Sawrah Ibn Dahhak al-Salmi al-Tirmidhi.[1] Beliau lebih terkenal dengan gelaran Abu Isa. Dilahirkan pada tahun 200H di sebuah kampung yang bernama Buj iaitu di daerah Tirmidh, berhampiran sungai Jayhun.[2] Datuknya berasal dari Marwaz kemudian berpindah ke Tirmidh dan menetap di sana sehingga cucunya Abu Isa dilahirkan. Beliau menjadi buta pada saat-saat terakhir dari usianya dan pada malam Isnin 13 Rejab tahun 279H, Imam kita yang mulia ini telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di Tirmidh.

### b. Pengembaraannya.

Semenjak usianya masih kecil, beliau amat mengasihi ilmu pengetahuan khususnya ilmu hadith. Beliau banyak menjelajah negeri dalam usaha mencari ilmu pengetahuan. Di antara tempat-tempat yang pernah beliau jelajahi ialah Hijaz, Iraq, Khurasan dan di sana beliau telah bertemu Imam-Imam yang terkemuka untuk menimba ilmu pengetahuan.

---

[1] Datin Sohair, op. cit, h. 61.

[2] Muhammad al-Sibagh, op. cit, h. 222.

Semasa pelayarannya beliau mendengar, menulis, mengkaji, berbincan dan mengarang banyak kitab-kitab yang penting. Beliau tidak pernah melepaskan peluangnya untuk mendapatkan faedah dan memastik kan kebenaran ilmu yang diambilnya itu.

c. Kekuatan ingatannya.

Sesungguhnya , Abu Isa mempunyai daya ingatan yang amat kuat serta daya menyimpan ilmu yang payah t rlepas dari cengkaman nya. Daya ingatannya seperti peti besi yang amat boleh dipercayai bagi menyimpan harta-harta yang berharga serta kekayaan dan batu permata yang amat cantik. Begitu juga beliau amat diakui daya penghafalannya, kesalihannya, ketaqwaannya di samping sifat-sifat thiqah, amanah dan ketepatan.[3]

d. Penulisannya.

Antara penulisan yang paling hebat, bagi mengekalkan warisan orang-orang Islam ialah kitabnya yang paling ulung iaitu Jami al-Tirmidhi yang diterima sebagai salah satu kitab yang enam kitab yang sahih. Mengenai hal ini beliau pernah berkata, saya telah menulis kitab ini, kemudian saya telah membentangkan

---

[3] Dr. Abu Shahbah, 'Alam al-Muhaddithin , (Mesir: Dar al-Kitab t.t. ), h. 240.

nya kepada ulama-ulama Hijaz, Iraq dan Khurasan dan sesungguhnya mereka telah menerimanya. Sesiapa juga yang mempunyai kitab ini di rumahnya, seakan-akan mempunyai Nabi sedang bercakap. Abu Nasr Abd al-Rahim telah berkata bahawa kitab Jami mempunyai empat bahagian. Satu bahagian sudah pasti kesahihannya, satu bahagian mengikut syarat Abu Dawud dan Nasai, satu bahagian telah dikeluarkan di samping menjelaskan kelemahannya dan satu bahagian telah dijelaskan dengan berkata, saya tidak pernah mentakhrijkan apa-apa hadith dalam kitab saya ini kecuali hadith-hadith yang telah diamalkan oleh sebahagian faqih-faqih.[4]

Di antara kitab-kitab beliau yang lain ialah kitab al-Shamail, al-Asma' al-Kunni, al-Tawarikh, al-Illal dan al-Zuhdi.

---

4 Al-Dhahabi, Tazkirat al-Huffaz, J. ii, (Beirut: Ihya'al-Turath al-Arabi, t.t. ), h. 634-635.

5. IMAM NASAI. 

a. Pengenalannya.

Nama beliau yang sebenarnya ialah Ahmad Ibn Shu ayb Ibn Ali Ibn Sinan Ibn Bahri Ibn Dinar.[1] Beliau lebih terkenal dengan gelaran Abu Abd al-Rahman.[2] Imam Nasai telah dilahirkan di bandar Nasaa di Khurasan pada tahun 125h yang berkat.

b. Pengembaraannya.

Semasa usianya meningkat lima belas tahun, beliau telah menunjukkan minatnya dalam bidang ilmu pengetahuan. Beliau telah belayar ke negeri Hijaz, Iraq, Sham, Mesir dan Jazirah. Imam Nasai juga amat suka mendampingi para ulama untuk menimba ilmu pengetahuan dari mereka.

Selepas beliau menjelajah ke seluruh pelusuk bumi, beliau menetap pula di tempat yang digemarinya iaitu di Mesir dan menjadikan Mesir sebagai negaranya sendiri. Semasa beliau menghuni disuatu lorong yang dikenali Zuqaq al-Qanadil, beliau terus menetap

---

[1] Ibrahim al-Shawki, op. cit. h. 254.
[2] Al-Dhahabi, op. cit. h. 698.

di situ sampai setahun sebelum kematiannya.[3]

c. Ilmunya.

Imam Nasai mempunyai kebijaksaraan yang amat istimewa, ingatan yang kuat, ilmu yang banyak dan pengetahuan yang luas. Semuanya ini telah diakui oleh ulama-ulama yang terkemuka di-zamannya, memandangkan sifat-sifat istimewanya dari ilmu yang berasa kuat, pengetahuan yang luas dan juga kelebihannya dari hal penyelidikkan dan kajian yang halus serta pendirian yang kuat. Beliau sentiasa berhati-hati dalam menerima sesuatu dari Rasulullah (s.a.w).

Di samping beliau mempunyai ilmu yang luas dalam bidang hadith, beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidan Fiqh. Ulama di-zamannya telah memberi pengakuan, bahawa Imam Nasai merupakan ulama yang paling menguasai bidang Fiqh .

d. Penulisannya.

Imam Nasai mengarang kitab-kitab dan bertungkus lumus mengorbankan segala kepentingannya untuk dimenafaatkan oleh umat

---

[3] Abu Shahbah, op. cit, h. 260.

islam.

Di antara karangan-karangannya ialah kitab Sunan al-Kubra kitab Sunan al-Sughra yang mana ini juga dinamakan al-Mujtabi. Beliau juga mengarang kitab al-Khassis Fadail al-Sahabat, al-Manasik, al-Asma' wa al-Kunni dan ma rifah al-Ukhu-wah. Kitab Sunan disusun mengikut bab-bab Fiqh sebagaimana kitab-kitab Sunan yang lain.

e. Sifat-sifat yang khusus baginya.

Imam Nasai mempunyai sifat yang zuhud. Apa yang dimaksud kan dengan zuhud di sini bukanlah kelemahannya dan kekalahan jiwa seseorang yang dengannya seseorang itu mengharapkan pertolongan orang lain. Zuhud yang diamalkan oleh Imam Nasai merupakan zuhud orang yang amat memahami dan mendalami ilmu shariat serta hadith. Beliau sentiasa beribadat siang dan malam. Begitu juga , beliau sentiasa berjihad dengan harapan mencapai kemenangan atau mati syahid di jalan Allah. Imam Nasai juga berjihad menentang nafsu nya sehingga beliau mencapai tahap yang amat tinggi dalam hal warak serta ketaqwaan. Imam Nasai juga mengamalkan puasa sehari dan berbuka sehari.

Beliau telah berkahwin dengan ramai perempuan dan suka memakan makanan yang baik-baik serta bersenang-senang dengan

pakaian yang cantik di samping beliau mempunyai kekacakkan dan kecantikkan.

Imam al-Dhahabi pernah berkata mengenai Imam Nasai di - mana beliau menetap di Zuqaq al-Qanadil di Mesir, kacak rupanya walaupun beliau telah tua, kulitnya kelihatan kemerah-merahan sebagai tanda beliau mempunyai kesihatan yang baik. Beliau amat menyukai pakaian orang-orang Nobah (satu negeri di Afrika Utara). Di samping itu juga beliau mempunyai empat orang isteri dan sentiasa membahagikan masanya antara mereka. Imam Nasai juga amat menyukai memakan ayam jantan.[4]

f. <u>Kematiannya</u>.

Kejadian yang menimpa Imam Nasai, di mana beliau telah di-tolak dan dipukul pada kedua-dua buahnya, sambil memijak-mijak dan dikeluarkan dari masjid adalah sebab yang membawa pada kematia nnya. Ahli-ahli sejarah telah berselisih pendapat mengenai tarikh kematiannya serta tempat pengkebumiannya.

Dar al-Qatni telah berkata bahawa beliau mati syahid di-Damshiq dan dikebumikan di antara Safa dan Marwah. Imam al-Dhahabi

---

[4] Datin Sohair, <u>op</u>. <u>cit</u> . h. 96.

pula lain pendanatnya di mana beliau berkata, mereka terus menolaknya pada kedua-dua buahnya sehingga beliau dikeluarkan dari masjid dan kemudian beliau dibawa ke Mekah dan mati di sana.[5]

Ibn Khalkhan pula berkata , kematiannya pada bulan Sha ban pada tahun 303H.[6] Ibn Yunus pula berkata kematiannya pada bulan Zulkaedah tahun 302H.

---

5 Al-Dhahabi, op. cit. h. 175-176.

6 Ibid. 701.

## 6. IMAM IBN MAJAH.

### a. Pengenalannya.

Nama beliau yang sebenarnya ialah Muhammad Ibn Yazid Ibn Abd Allah Ibn Majah al-Qazwini al-Rab i.[1] Gelarannya Abu Abd Allah dan beliau lebih terkenal dengan panggilan Ibn Majah. Majah ada lah nama dalam bahasa Farsi yang digelar pada bapanya Yazid.[2] Dilahirkan dalam tahun 209H, di mana beliau berasal dari ahli Qazwini dan meninggal dunia dalam tahun 273H.

### b. Pengembaraannya.

Sesungguhnya Ibn Majah dilahirkan sebagai seorang alim yang sentiasa disebut-sebut tentang keilmuannya. Beliau telah membesar dengan perasaan kasih kepada ilmu pengetahuan serta amat menyukai ilmu hadith dan riwayatnya. Beliau telah belayar mengkaji hadith dan mengumpulnya. Di antara tempat-tempat yang pernah dijelajahinya ialah Iraq, Mesir, Hijaz, Kufah, Basrah dan banyak lagi tempat yang pernah dilawatinya. Beliau juga telah menemui ulama-ulama hadith dan berbincang mengenai ilmu hadith.

---

1 Muhammad al-Sibagh, op. cit., h. 224.

2 Ibrahim al-Shawki, op. cit. h. 247.

c. Penulisannya.

Ibn Majah telah banyak menulis dan juga menghasilkan berbagai-bagai kitab dari karangannya. Sesungguhnya segala penulisannya pada masa itu merupakan titik permulaan dan perubahan yang besar kepada pemikiran Islam di mana ia telah menyentuh berbagai-bagai pengetahuan dan dihimpunkannya dalam khazanah orang-orang Islam. Di antara penulisannya ialah Sunan Ibn Majah, al-Tarikh, al-Tafsir dan beliau amat arif dalam perkara-perkara tersebut. Kitab Sunan salah satu keenam kitab dan bilangan kitab Sunannya sebanyak tiga puluh dua kitab. Abu Hassan al-Qattan, kawan karib Ibn Majah telah berkata, terdapat di dalam Sunan Ibn Majah satu ribu lima ratus bab dan keseluruhan hadith-hadith yang terkandung di dalamnya ialah empat ribu hadith.[3]

---

[3] al-Dhahabi, Op. Cit., h. 50.

## 7. IMAM MUWATTA' MALIK.

### a. Pengenalannya.

Imam Malik Ibn Anas adalah salah seorang dari empat Imam ilmu Fiqh yang terkenal iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Ahmad Ibn Hambal. Beliau dilahirkan di-kota Madinah pada tahun 93H, dan meninggal dunia di kota Nabi yang suci pada tahun 179H. Nama beliau memuncak tinggi di dalam kedua lapangan keilmuan iaitu ilmu Hadith dan ilmu Fiqh, sehingga beliau digelar Imam Ahli Sunnah. Beliau juga digelar Imam Dar al-Hijrah sempena nama kota tempat suci tempat hijrah Rasūlullāh (s.a.w) atau 'alim al-Madinah iaitu ulama kota Madinah.[1]

### b. Penglibatannya dalam ilmu pengetahuan.

Semenjak umurnya 17 tahun lagi, beliau telah mengajar di-kota kelahirannya yang terkenal dengan pusat ilmu-ilmu Islam itu, sehinggalah beliau meninggal dunia dalam usianya 86 tahun. Selama hampir 70 tahun beliau telah menghabiskan usianya mencari ilmu pengetahuan dan menjadi Gurubesar dan Professor terutama dalam kedua-dua bidang ilmu itu. Beliau menggunakan mesjid Nabi sebagai

---

[1] M. Zainal Abidin Ahmad, Imam Bukhari, Pemuncak Ilmu Hadith, (Jakarta: Bulan Bintang, 1975 ), h. 34.

tempat untuk menyebarkan dan mengajar ilmu hadith kepada orang ramai.

Mengenai fatwanya, di dalam lapangan ilmu Fiqh, beliau sangat dikagumi oleh ulama-ulama sehingga beliau diakui berdiri nya suatu mazhab baginya iaitu dinamakan menurut sempena namanya Nadhhab Maliki. Pada zaman kemajuan Islam, seluruh Afrika Utara Mesir, Moroko, Andalus adalah pnganut madhhab Maliki.[2]

c. Kitab Muwatta.

Pada zaman khalifah Mansur, beliau diminta supaya mengarang sebuah buku di dalamnya dihimpunkan hadith-hadith Nabi, ayat-ayat al-Qur'an beserta hukum-hukum Islam. Beliau sendiri menceritakan bahawa di dalam memilih tajuk bukunya, beliau pernah memohon kepada Allah dan akhirnya pada suatu malam beliau bermimpi bertemu dengan Rasulullah (s.a.w) dan baginda berkata kepadanya:-

وطئ للناس هذا العلم

Bentang luaskanlah ilmu ini ke seluruh manusia.

Dari mimpinya inilah ,beliau mendapat inspirasi menamakan bukunya dengan nama al-Muwatta (tempat membentangkan ilmu).[3]

---

2 Ibid, h. 65.

3 Ibid.

Imam Sayuti mengatakan bahawa Imam Malik telah menyusun bukunya ini selama 40 tahun. Ahmad Ratib Armusy menceritakan dalam kata pendahuluan dari penerbitan buku al-Muwatta itu bahawa pada mulanya jumlah hadith yang dimuatkannya hampir 10 ribu buah. Tetapi dari tahun ke tahun dibersihkannya bahkan sampai 40 tahun lamanya, maka tinggallah jumlahnya sekarang ini 1844 buah.[4]

Sebagai buku hadith yang tertua yang masih ada sekarang ini maka banyaklah naskhah-naskhah yang diriwayatkan daripadanya. Dr. Mustafa al-Siba'i pernah berkata bahawa hampir 30 buah naskhah yang diperolehinya antaranya, naskhah Muwatta' dari Yahya Ibn Yahya, Muwatta' Ibn Bakr, Muwatta' Abu Mus'ab, Muwatta' Ibn Wahab dan Muwatta' Imam Muhammad Ibn Hassan. Semua isinya sama, tetapi ada perbezaan letak dahulu atau terkemudian, panjang atau pendek.

d. Keistimewaan beliau.

Sesungguhnya hanya sekelian jumlah hadith yang dimuatkan dalam bukunya, tetapi Imam Malik terkenal seorang yang kuat hafalannya tentang hadith-hadith. Beliau menghafal sebanyak 100 ribu buah hadith. Abu Cudamah melahirkan pengakuannya ,

---

[4] Ibid, h. 36.

bahawa pada zaman itu, Imam Malik termasuk orang yang paling kuat hafalannya tentang hadith.[5]

Imam Malik adalah ulama yang paling menghormati hadith-hadith Rasulullah(s.a.w). Sebelum beliau menerangkan hadith-hadith kepada murid-muridnya beliau terlebih dahulu mengambil wudu' dan keluar dengan pakaian yang lengkap berserta memakai wangi-wangian dan bersikap dengan penuh tertib dan khusyuk.[6]

---

5 Ibid.
6 Ibid, h. 57.

HADITH-HADITH ABU AYYUB YANG DITAKHRIJKAN

(2)

غزونا من المدينة نريد القسطنطينية ، وعلى الجماعة عبد الرحمن بن خالد بن الوليد، والروم ملصقو
ظهورهم بحائط المدينة ، فحمل رجل على العدو فقال الناس : مه ، مه ، لا إله إلا الله ، يلقي
بيديه إلى التهلكة ، فقال أبو أيوب : إنما نزلت هذه الآية فينا معشر الأنصار لما نصر الله نبيه
وأظهر الاسلام ، قلنا : هلم نقيم الجهاد . قال أبو عمران : فلم يزل أبو أيوب يجاهد في سبيل الله حتى
دفن بالقسطنطينية في أموالنا ونصلحها . فأنزل الله تعالى ( وأنفقوا في سبيل الله ولا تلقوا بأيديكم
إلى التهلكة ) فالالقاء بالأيدي[1] إلى التهلكة أن نقيم في أموالنا ونصلحها وندع

(3)

أنَّ النبيَّ ﷺ نَزَلَ عَلَيْهِ . فَنَزَلَ النبيُّ ﷺ فِي السُّفْلِ وَأبُو أيُّوبَ فِي العُلْوِ . قَالَ فانْتَبَهَ
أبُو أيُّوبَ لَيْلَةً فَقَالَ : نَمْشِي فَوْقَ رَأْسِ رَسُولِ اللهِ ﷺ ! فَتَنَحَّوْا . فَبَاتُوا فِي جَانِبٍ . ثُمَّ
قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ . فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ « السُّفْلُ أَرْفَقُ » فَقَالَ : لَا أَعْلُو سَقِيفَةً أَنْتَ تَحْتَهَا . فَتَحَوَّلَ
النَّبِيُّ ﷺ فِي العُلْوِ وَأَبُو أَيُّوبَ فِي السُّفْلِ . فَكَانَ يَصْنَعُ لِلنَّبِيِّ ﷺ طَعَامًا . فَإِذَا جِيءَ بِهِ إِلَيْهِ
سَأَلَ عَنْ مَوْضِعِ أَصَابِعِهِ . فَيَتَتَبَّعُ مَوْضِعَ أَصَابِعِهِ . فَصَنَعَ لَهُ طَعَامًا فِيهِ ثُومٌ . فَلَمَّا رُدَّ
إِلَيْهِ سَأَلَ عَنْ مَوْضِعِ أَصَابِعِ النَّبِيِّ ﷺ . فَقِيلَ لَهُ : لَمْ يَأْكُلْ . فَفَزِعَ وَصَعِدَ إِلَيْهِ . فَقَالَ
: أَحَرَامٌ هُوَ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ « لَا . وَلَكِنِّي أَكْرَهُهُ » قَالَ : فَإِنِّي أَكْرَهُ مَا تَكْرَهُ ، أَوْ مَا
كَرِهْتَ .
قَالَ : وَكَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُؤْتَى[1]

(4)

خَرَجَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بَعْدَمَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ . فَسَمِعَ صَوْتًا . فَقَالَ « يَهُودُ تُعَذَّبُ فِي قُبُورِهَا » .

(5

كَانَ رَسُولُ اللهِ ﷺ ، إِذَا أُتِيَ بِطَعَامٍ ، أَكَلَ مِنْهُ وَبَعَثَ بِفَضْلِهِ إِلَيَّ . وَإِنَّهُ بَعَثَ إِلَيَّ

يومًا بفضلة لم يأكل منها. لأن فيها ثومًا. فسألته: أحرامٌ هو؟ قال: لا
ولكني أكرهه من أجل ريحه. قال: فإني أكره ما كرهت.

(٥)

ونحن ما ندري كيف نصنع بهذه الكرابيس؟ وقد قال رسول الله ﷺ: إذا ذهب أحدكم إلى
الغائط أو البول، فلا يستقبل القبلة، ولا يستدبرها بفرجه.

(٦)

الصلوات الخمس. والجمعة إلى الجمعة. وأداء الأمانة، كفارة لما بينها. فقلت:
وما أداء الأمانة؟ قال: غسل الجنابة. فإن تحت كل شعرة جنابة.

(٨)

من توضأ كما أمر وصلى كما أمر غفر له ما تقدم من عمل أكذلك يا عقبة قال نعم

(٩)

أن عبد الله بن عباس والمسور بن مخرمة اختلفا بالأبواء. فقال عبد الله بن عباس: يغسل المحرم رأسه
وقال المسور: لا يغسل المحرم رأسه. فأرسلني ابن عباس إلى أبي أيوب الأنصاري أسأله عن ذلك
فوجدته يغتسل بين القرنين، وهو يستتر بثوب. فسلمت عليه، فقال: من هذا؟ فقلت: أنا عبد الله
ابن حنين. أرسلني إليك عبد الله بن عباس، أسألك كيف كان رسول الله ﷺ يغسل رأسه وهو محرم.
فوضع أبو أيوب يده على الثوب. فطأطأه حتى بدا لي رأسه. ثم قال لإنسان يصب عليه: اصبب. فصب
على رأسه. ثم حرك رأسه بيديه. فأقبل بهما وأدبر. ثم قال: هكذا رأيته ﷺ يفعل.

(١٥)

تَوَضَّئُوا مِمَّا غَيَّرَتِ النَّارُ

(١٦)

صَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ ﷺ المَغْرِبَ وَالعِشَاءَ، فِي حَجَّةِ الوَدَاعِ، بِالمُزْدَلِفَةِ

(١٧)

« غَدْوَةٌ فِي سَبِيلِ اللهِ أَوْ رَوْحَةٌ، خَيْرٌ مِمَّا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ وَغَرَبَتْ » .

(١٨)

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا أكل أو شرب قال الحمد لله الذي أطعم وسقى وسوّغه وجعل له مخرجا

(١٩)

« مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ وَالِدَةٍ وَوَلَدِهَا، فَرَّقَ اللهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَحِبَّتِهِ يَوْمَ القِيَامَةِ

« المَاءُ مِنَ المَاءِ » .

« مَنْ مَسَّ فَرْجَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ » .

« مَنْ قَالَ عَشْرَ مَرَّاتٍ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ المُلْكُ وَلَهُ الحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ كَانَتْ لَهُ عِدْلَ أَرْبَعِ رِقَابٍ مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ

(١٨)
إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ : الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ ، وَلْيَقُلْ
يَرْحَمُكَ اللَّهُ ، وَلْيَقُلْ هُوَ : يَهْدِيكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ

(١٩)
« أَنَّهُ كَانَتْ لَهُ سَهْوَةٌ فِيهَا تَمْرٌ ، فَكَانَتْ تَجِيءُ الْغُولُ ،
فَتَأْخُذُ مِنْهُ ، فَشَكَى ذَلِكَ إِلَى النَّبِيِّ صلى اللهُ عليه وسلم ، فَقَالَ اذْهَبْ
إِذَا رَأَيْتَهَا فَقُلْ : بِسْمِ اللهِ أَجِيبِي رَسُولَ اللهِ صلى اللهُ عليه وسلم ، قال :
فَأَخَذَهَا فَحَلَفَتْ أَنْ لَا تَعُودَ فَأَرْسَلَهَا ، فَجَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صلى اللهُ عليه
وسلم فَقَالَ : مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ ؟ قَالَ : حَلَفَتْ أَنْ لَا تَعُودَ قَالَ : كَذَبَتْ
وَهِيَ مُعَاوِدَةٌ لِلْكَذِبِ ، قَالَ : فَأَخَذَهَا مَرَّةً أُخْرَى ، فَحَلَفَتْ أَنْ
لَا تَعُودَ ، فَأَرْسَلَهَا فَجَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صلى اللهُ عليه وسلم ، فَقَالَ : مَا فَعَلَ
أَسِيرُكَ ؟ قَالَ : فَحَلَفَتْ أَنْ لَا تَعُودَ ، فَقَالَ : كَذَبَتْ ، وَهِيَ مُعَاوِدَةٌ
لِلْكَذِبِ . فَأَخَذَهَا فَقَالَ : مَا أَنَا بِتَارِكِكِ ، حَتَّى أَذْهَبَ بِكِ إِلَى النَّبِيِّ
صلى اللهُ عليه وسلم ، فَقَالَتْ إِنِّي ذَاكِرَةٌ لَكَ شَيْئًا .. آيَةَ الْكُرْسِيِّ اقْرَأْهَا
فِي بَيْتِكَ ، فَلَا يَقْرَبُكَ شَيْطَانٌ ، وَلَا غَيْرُهُ ، فَجَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صلى اللهُ
عليه وسلم فَقَالَ : مَا فَعَلَ أَسِيرُكَ ؟ قَالَ : فَأَخْبَرَهُ بِمَا قَالَتْ . قَالَ :
صَدَقَتْ وَهِيَ كَذُوبٌ » .

سمعت ... الله صلى الله عليه وسلم ينهى عن قتل الصبر ، فوالذى نفسى بيده
• ... حجة ما صبرتها ، فبلغ ذلك عبد الرحمن بن خالد بن الوليد فاعتق أربع رقاب

(د٧)

يا رسول الله، علمني وأوجز. قال: «إذا قمت في صلاتك، فصل صلاة مودع، ولا تكلم بكلام تعتذر منه، وأجمع اليأس مما في أيدي الناس».

(دد)

أنه سأل عثمان بن عفان قال قلت أرأيت إذا جامع الرجل امرأته ولم يمن قال عثمان يتوضأ كما يتوضأ للصلاة ويغسل ذكره

(د٧)

: «إذا أتيتم الغائط فلا تستقبلوا القبلة بغائط ولا بول، ولا تستدبروها؛ ولكن شرقوا أو غربوا»، فقال[٢]

(دهـ)

: «لا يحل لمسلم أن يهجر أخاه فوق ثلاث ليال. يلتقيان فيعرض هذا ويعرض هذا. وخيرهما الذي يبدأ بالسلام».

(دذ)

: «الوتر حق فمن شاء فليوتر بخمس ومن شاء فليوتر بثلاث ومن شاء فليوتر بواحدة».

(د٥)

: كيف كانت الضحايا فيكم على عهد رسول الله ﷺ؟ قال: كان الرجل في عهد النبي ﷺ يضحي بالشاة عنه وعن أهل بيته، فيأكلون ويطعمون ثم تباهى الناس، فصار كما ترى

(٢٧)

« من صام رمضان ثم أتبعه ستاً من شوال، كان كصوم الدهر »

(٢٨)

« أربعٌ قبل الظهر ليس فيهن تسليم تُفتح لهن أبواب السماء »

(٢٩)

[ثَنَا] قدم علينا أبو أيوب غازياً وعقبة بن عامر يومئذ على مصر فأخَّر المغرب

فقام إليه أبو أيوب فقال [له] ما هذه الصلاة يا عقبة؟ فقال: شُغلنا، قال

أما سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: « لا تزالُ أمتي بخيرٍ، أو قال على الفِطرة،

ما لم يؤخروا المغرب إلى أن تشتبكَ النجوم »

(٣٠)

« كُلوا جميعاً ولا تفرقوا فإنَّ البركةَ مع الجماعة » [illegible]

« ... طعامكم يُبارَكْ لكم فيه »

(٣١)

... رسول الله، أو يا محمد، أخبرني بما يُقرِّبني من الجنة وما يُباعدني من النار

فكفَّ النبي ﷺ، ثم نظر في أصحابه، ثم قال « لقد وُفِّق أو لقد هُدِي »

... كيف قلتَ؟ قال فأعاد، فقال النبي ﷺ « تعبدُ الله لا تُشركُ به شيئاً

وتقيمُ الصلاة، وتؤتي الزكاة، وتصلُ الرحم »، دع الناقة »

(٣٢)

« ... ومُزَيْنَةُ وجُهَيْنَةُ وغِفارُ وأشجعُ ومَنْ كانَ مِنْ بني عبد الدارِ مَوالِيَّ،

ليس لهم مولى دون الله، الله ورسولُه مولاهم »

(34)

ما بُعث من نبيّ . ولا كان بعده من خليفة إلا وله بطانتان بطانةٌ تأمره بالمعروف . وتنهاه عن المنكر وبطانةٌ لا تألوه خبالا . فمن وُقي بطانة السوء فقد وُقي

(35)

. ستُفتح عليكم الأمصار وستكون جنود مجندة تُقطع عليكم فيها بعوث فيكره الرجل منكم البعث فيها فيتخلص من قومه ثم يتصفح القبائل يعرض نفسه عليهم يقول . من أكفيه بعث كذا ، من أكفيه بعث كذا ؟ ألا وذلك الأجير إلى آخر قطرة من دمه »

(36)

« أتى النبي صلى الله عليه وسلم أعرابي . فقال يا رسول الله : إني أحب الخيل [illegible] فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن أُدخلت الجنة أُتيت [illegible] من ياقوتة له جناحان فحُملت عليه ، ثم طار بك حيث شئت . [illegible] ليس إسناده بالقوي ، ولا نعرفه من حديث أبي أيوب

(37)

رأيت [illegible] يوما تغلي بجثته .

(38)

يا رسول [illegible] ما الاستئذان [illegible] يتكلم الرجل تسبيحة [illegible] ويتنحنح ويؤذن أهل [illegible]

(٣٩)

« أَرْبَعٌ مِنْ سُنَنِ الْمُرْسَلِينَ : الْحَيَاءُ وَالتَّعَطُّرُ وَالسِّوَاكُ وَالنِّكَاحُ »

(٤٠)

قَدْ كَتَمْتُ عَنْكُمْ شَيْئًا ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : لَوْلَا أَنَّكُمْ تُذْنِبُونَ لَخَلَقَ اللهُ خَلْقًا يُذْنِبُونَ وَيَغْفِرُ لَهُمْ .

(٤١)

أُصَلِّي فِي بَيْتِي ، ثُمَّ آتِي الْمَسْجِدَ ، فَأَجِدُ الْإِمَامَ يُصَلِّي ، أَفَأُصَلِّي مَعَهُ ؟ فَقَالَ أَبُو أَيُّوبَ : نَعَمْ فَصَلِّ مَعَهُ فَإِنَّ مَنْ صَنَعَ ذَلِكَ فَإِنَّ لَهُ سَهْمَ جَمْعٍ ، أَوْ مِثْلَ سَهْمِ جَمْعٍ .

(٤٢)

: أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ فِي لَيْلَةٍ ثُلُثَ الْقُرْآنِ ؟ مَنْ قَرَأَ : اللهُ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ فَقَدْ قَرَأَ ثُلُثَ الْقُرْآنِ

## HADITH-HADITH ABU AYYUB YANG TERDAPAT DALAM DHAKHAIR MAWARITH

أوأم [illegible] وأبي سلمة الخ ١٣٩

[illegible] (ه) في السنة عن علي بن المنذر

٦٦٥٧ [illegible] (ت) في الصلاة [illegible]

٦٦٥٨ (حديث) [illegible] (ه) في [illegible] عن راشد بن سعيد

[illegible] ﷺ

٦٦٥٩ (حديث) [illegible] (د) [illegible] (ه) في الحدود عن [illegible]

[illegible]

و [illegible] صفوان [illegible]

و [illegible] وأمية أنس بن مالك القشيري

وابن [illegible] بن الأكوع

[illegible] بن كعب الأنصاري [illegible] عن النبي ﷺ

٦٦٦٠ [illegible] في [illegible]

[illegible]

٦٦٦١ [illegible] في [illegible] بن عمرو [illegible]

٦٦٦٢ [illegible] ﷺ في [illegible]

[illegible] بن سعيد

٦٦٦٣ [illegible] في [illegible] (ت) في [illegible]

[illegible]

٦٦٦٤ [illegible] (م) في [illegible]

٦٦٦٥ [illegible] في الطهارة [illegible]

[illegible]

هشام بن عامر

٨ ٦٦٦٧ (حديث) « من وقف كامر وصل ... امره » (س) في [illegible] عن
قتيبة (ق) في الصلاة عن محمد بن رمح

٩ ٦٦٦٨ (حديث) : « في فضل [illegible] » (خ) في الحج عن عبد الله بن
يوسف (م) فيه عن قتيبة وأبي بكر بن أبي شيبة وزهير بن حرب
(د) فيه عن عبد الله بن مسلمة (س) فيه عن قتيبة (ق) فيه عن أبي ... عن
ابن أبي بكر (ط) فيه عن زيد بن أسلم

١٠ ٦٦٦٩ (حديث) : « [illegible] » (س) في [illegible]
علي ومحمد بن بشار

١١ ٦٦٧٠ (حديث) : « جمع [illegible] » (خ) في [illegible]
ابن محمد وعبد الله بن يوسف عن [illegible] (م) في [illegible] عن يحيى بن يحيى وعن محمد
ابن رمح (س) في الصلاة عن قتيبة وفي الحج عن يحيى بن حبيب
في الحج عن محمد بن رمح (ط) فيه عن عدي بن ثابت

١٢ ٦٦٧١ (حديث) : « غدوة أو روحة في سبيل الله » (م) في [illegible]
بكر بن أبي شيبة وإسحاق بن إبراهيم وزهير بن حرب (س) فيه عن
عبد الله بن يزيد

١٣ ٦٦٧٢ (حديث) « كان اذا أكل [illegible] » [illegible]
عن أحمد بن صالح

١٤ ٦٦٧٣ (حديث) « من [illegible] »
ابن [illegible]

١٤ ٦٦٧٤ (حديث) « [illegible] »
[illegible]

١٥ ٦٦٧٥ (حديث) « [illegible] »
[illegible]

١٦ ٦٦٧٦ (حديث) « [illegible] »
[illegible]
[illegible]

١٧ ٦٦٧٧ (حديث) [illegible]

عن محمود بن غيلان

٦٦٧٨ (حدث) كان أبو هريرة [illegible] في فضائل القرآن

عن محمد بن بشار

٦٦٧٩ (حدث) [illegible] عن سعيد بن منصور

٦٦٨٠ (حدث) [illegible] عن محمد [illegible]

٦٦٨١ (حدث) [illegible] في الطهارة

عن عبد الوارث بن عبد الصمد

٦٦٨٢ (حدث) [illegible]

[illegible]

٦٦٨٣ (حدث) [illegible]

[illegible]

٦٦٨٤ (حدث) [illegible]

[illegible]

٦٦٨٥ (حدث) [illegible]

[illegible]

٦٦٨٦ (حدث) [illegible]

[illegible]

٦٦٨٧ [illegible]

[illegible]

٦٦٨٨ [illegible]

[illegible]

٦٦٨٩ [illegible]

الأطعمة عن ابن [illegible]

٦٦٩٠ (حديث) « كيلوا طعامكم » (ق) في التجارات عن عمرو بن عثمان

٦٦٩١ (حديث) : « اخبرني بعمل يدخلني الجنة » (خ) في الزكاة عن حفص بن عمر وفي الأدب عن أبي الوليد (م) في الإيمان عن محمد بن نمير وابن عمرو بن [illegible] (س) في الصلاة عن محمد بن عثمان

٦٦٩٢ (حديث) « الأنصار ومزينة وجهينة وأسلم [illegible] كعب » (م) في الفضائل عن زهير بن حرب (ت) في المناقب عن احمد بن منيع

٦٦٩٣ (حديث) : « [illegible] الآنية [illegible] » (س) في البيعة عن محمد بن عبد الله بن عبد الحكم

٦٦٩٤ (حديث) : « [illegible] عليكم الأمصار » (د) في [illegible] عن ابراهيم بن موسى الرازي

٦٦٩٥ (حديث) « [illegible] أحب الخيل في الجنة خيل » (ت) في صفة الجنة عن محمد بن اسماعيل

٦٦٩٦ (حديث) : « [illegible] فعال خيبه » (ق) في الطهارة عن اسماعيل بن عبد الله [illegible]

٦٦٩٧ (حديث) « [illegible] الصلاة [illegible] » (ق) في الأدب عن أبي [illegible] بن أبي شيبة

٦٦٩٨ (حديث) : « [illegible] من [illegible] » (ق) في النكاح عن [illegible] بن وكيع

٦٦٩٩ (حديث) : « كنت كتمت عنكم شيئا [illegible] ولا [illegible] لكم تذنبوا [illegible] » (م) في [illegible] عن قتيبة وعن هارون بن سعيد (ت) في الدعوات [illegible] قتيبة وعنه [illegible]

[illegible] (حديث) « [illegible] الرجل [illegible] في [illegible] الصلاة [illegible] » (د) في الصلاة عن احمد بن صالح [illegible] بن [illegible]

[illegible] (حديث) « [illegible] أحدكم أن [illegible] » (ت) في [illegible] القرآن عن قتيبة وعن [illegible] بن [illegible] (س) في [illegible] بن [illegible] وعن أبي [illegible] وعن [illegible] عن احمد

# TAMAT

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .